



**DEMOKRASI,  
PILIHANRAYA  
&  
MENGUNDI  
SATU KAJIAN MENURUT  
PENILAIAN  
AL-QURAN  
& AS-SUNNAH**



**USTAZ RASUL BIN DAHRI**

[www.rasuldahri.com](http://www.rasuldahri.com) ■ [www.rasuldahri.co.cc](http://www.rasuldahri.co.cc) ■ [www.imamsyafie.com](http://www.imamsyafie.com)  
[www.maktabahummulqura.com](http://www.maktabahummulqura.com)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

# **DEMOKRASI, PILIHANRAYA & MENGUNDI SATU KAJIAN MENURUT PENILAIAN AL-QURAN & AS-SUNNAH**

---

Cetakan Pertama Januari 2013  
Bersamaan Rabiul Awal 1434H

Penulis  
**UST. RASUL BIN DAHRI**

Reka Bentuk Kulit  
**MOHD ZULHUSMI QARIE**

Reka Letak Teks  
**ZALIHA BINTI ABDULLAH**

## **© HAKCIPTA TERPELIHARA**

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan foto dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan, elektronik atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada penerbit

Diterbitkan oleh :

**SYARIKAT UMMUL QURA ENTERPRISE**

(Co. Reg. No. 001983850-W)

41, Jalan Bunga Raya Besar,  
Majidi Baru, 81100 Johor Bahru, Johor.  
Tel : (607) 3353635 H/P : (6019) 7783635  
Website: <http://www.rasuldahri.com>

Dicetak oleh :

**PERCETAKAN BUMI RESTU SDN. BHD.**

41 & 43, Jalan Permas 9/12, Bandar Baru Permas Jaya,  
81750 Johor Bahru, Johor Darul Takzim  
Tel : +6 07 388 4000 Fax : +6 07 386 3000

## Daftar Isi

MUKADIMAH Edisi Pertama (1)	3
MUKADIMAH Edisi Kedua (2)	9
(1) PARTI	16
(2) POLITIK	28
(3) DEMOKRASI	37
(4) PARTI SEKULAR	46
(5) PERLANTIKAN PEMIMPIN DALAM SISTEM DEMOKRASI	53
(6) DARURAT MEMAKSA MENGAMALKAN DEMOKRASI	64
(7) APAKAH PILIHANRAYA & MENGUNDI ITU HALAL?	75
(8) APABILA DALAM KEADAAN TERPAKSA	84
(9) PEMIMPIN YANG ZALIM	102
(10) SIMBOL & TANDA KEKALAHAN MASYARAKAT ISLAM	111
(11) ISLAM MENENTANG DEMOKRASI	127
(12) SLOGAN & PENIPUAN DEMOKRASI	142



(13)	ISLAM AGAMA AKIDAH DAN PERATURAN HIDUP	171
(14)	DEMOKRASI IDEOLOGI SESAT DAN MENYESATKAN	174
(15)	SYURA ITU RAHMAH, DEMOKRASI ITU MAFSADAH	187
(16)	HUKUM DEMOKRASI MENURUT SYARAK	202
(17)	MASYARAKAT MAJMUUK ATAU PLURAL	212
	SINOPSIS	216

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## MUKADIMAH

Edisi Pertama (1)

\*\*\*\*\*

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ  
شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ ،  
وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ . وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .

*“Sesungguhnya segala puji dan puja hanya bagi Allah, kami memuji Nya dan memohon pertolongan serta keampunan dari Nya. Kami berlindung kepada Allah dari kejahatan diri-diri kami dan kekejian amal-amal perbuatan kami. Barangsiapa yang Allah telah beri*

petunjuk, maka tidak ada sesiapa yang dapat menyesatkannya dan barangsiapa yang Allah telah sesatkan, maka tidak ada siapa yang mampu untuk memberinya petunjuk. Aku bersaksi bahawasanya tidak ada ilah yang berhak diibadahi dengan sebenar-benarnya kecuali Allah semata, tidak ada sekutu bagi Nya. Dan aku bersaksi bahawasanya Nabi Muhammad itu adalah hamba Nya dan Rasul Nya”.

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ

مُسْلِمُونَ ﴿١٧﴾

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu sekalian kepada Allah dengan sebenar-benar takwa kepada Nya, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam!”. (QS. ALI IMRAN 3:102).

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ

مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي

تَسَاءَلُونَ بِهِ ۗ وَالْأَرْحَامَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١٧﴾

“Hai sekalian manusia, bertakwalah kamu kepada Rabbmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterimu, dan dari keduanya Allah memperkembang-biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak! Dan bertakwalah kamu kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama Nya kamu saling meminta satu sama yang lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim kamu. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu.” (QS. AN-NISAA 4:1).

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَقُولُوْا قَوْلًا سَدِيْدًا ﴿٧٧﴾ يُصْلِحْ  
لَكُمْ اَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ  
فَاَزَ فَوْزًا عَظِيْمًا ﴿٧٨﴾

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar, nescaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu! Dan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul Nya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar.” (QS. AL-AHZAB 33:70-71).

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ ﷻ ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ ﷺ ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا ، فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ ، وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ .

*Amma ba'du: "Sesungguhnya sebenar-benar perkataan adalah Kitabullah ﷻ (al-Quran) dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad ﷺ (as-Sunnah). Seburuk-buruk perkara adalah perkara yang diada-adakan (dalam agama), setiap yang diada-adakan (dalam agama) adalah bid'ah, setiap bid'ah adalah sesat, dan setiap kesesatan tempatnya di neraka".*

Segala pujian hanya untuk Allah ﷻ, Tuhan Pencipta seluruh alam, selawat dan salam atas semulia-mulia utusan, Nabi kita Muhammad ﷺ, ahli keluarganya, para sahabat dan mereka yang mentaatinya sehingga ke Hari Kiamat. Alhamdulillah, dengan izin Allah ﷻ dan pertolongan Nya, penulis dapat menyiapkan risalah *DEMOKRASI: SATU KAJIAN MENURUT AL-QURAN DAN AS-SUNNAH* ini yang pada asalnya ia merupakan kertas kerja dan teks rujukan dalam beberapa siri kuliah yang penulis kuliahkan sama ada di Singapura, Malaysia dan di Indonesia.



Penulis bersyukur kerana akhirnya tulisan ini berjaya dijadikan sebuah buku untuk dijadikan rujukan oleh para pembaca yang mahu melihat sesuatu persoalan yang dikaitkan dengan agama melalui piawai hukum syarak. Mungkin apabila memperkatakan isu demokrasi ini ia akan menjadi isu kontroversi, pro dan kontra dan persoalan yang terlalu sensitif terutama bagi mereka yang berideologi, mendokong perjuangan dan asyik menyeru slogan demokrasi.

Tulisan ini diusahakan hanya kerana mencari kerediaan Allah ﷻ sebagai memenuhi kewajipan berdakwah dan kemudian memenuhi permintaan mereka-mereka (para pelajar) terutama yang mengikuti pengajian atau kuliah yang disampaikan oleh penulis. Begitu juga untuk mereka yang ingin mengetahui hukum-ahkam yang berkaitan dengan demokrasi, pilihanraya dan mengundi mengikut penilaian sunnah atau hukum ahkam syarak.

Adapun isi kandungan di dalam tulisan ini selain berupa suatu perbandingan antara politik Islam dan politik Jahiliyah, ianya juga berupa jawapan dari beberapa soalan yang sering berulang-ulang diajukan kepada penulis di beberapa ceramah atau kuliah di sekitar Singapura dan Malaysia.

Semoga segala usaha berdakwah ke jalan Allah ﷻ melalui tulisan seperti ini dapat menjawab dan mampu

menyelesaikan persoalan ummah serta membantu mereka menyelesaikan kecamuk dan kontroversi hukum-ahkam dalam menangani isu-isu demokrasi.. Apa yang penulis harapkan supaya hasil kerja ini diredai dan sentiasa diberkati oleh Allah ﷻ. Amin!

Ikhlas dari:

**Rasul bin Dahri (Ibn Dahri)**

15hb Zulkaedah 1415/15 hb April 1995

\*\*\*\*\*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## MUKADIMAH

Edisi Kedua (2)

\*\*\*\*\*

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ  
شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ ،  
وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ . وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .

*“Sesungguhnya segala puji dan puja hanya bagi Allah, kami memuji Nya dan memohon pertolongan dan keampunan dari Nya. Kami berlindung kepada Allah dari kejahatan diri-diri kami dan kekejian amal-amal perbuatan kami. Barangsiapa yang Allah telah beri petunjuk, maka tidak ada sesiapa yang dapat menyesatkannya dan barangsiapa yang Allah telah*

sesatkan, maka tidak siapa yang mampu untuk memberinya petunjuk. Aku bersaksi bahawasanya tidak ada ilah yang berhak diibadahi dengan sebenar-benarnya kecuali Allah semata, tidak ada sekutu bagi Nya. Dan aku bersaksi bahawasanya Nabi Muhammad adalah hamba Nya dan Rasul Nya”.

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ

مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu sekalian kepada Allah dengan sebenar-benar takwa kepada Nya, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam!” (QS. ALI IMRAN 3:102).

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ

مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي

تَسَاءَلُونَ بِهِ ۗ وَالْأَرْحَامَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١٠١﴾

“Hai sekalian manusia, bertakwalah kamu kepada Rabbmu yang telah menciptakan kamu dari yang satu,

dan daripadanya Allah menciptakan isterimu, dan dari keduanya Allah memperkembang-biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak! Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu.” (QS. AN-NISAA 4:1).

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَقُولُوْا قَوْلًا سَدِيْدًا ﴿٧١﴾ يُصْلِحْ  
لَكُمْ اَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ

فَاَزٰ فَوْزًا عَظِيْمًا ﴿٧١﴾

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar, nescaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu! Dan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul Nya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar.” (QS. AL-AHZAB 33:70-71).



أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ ﷻ ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ  
هُدْيُ مُحَمَّدٍ ﷺ ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا ، فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ  
وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ ، وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ .

*Amma ba'du: "Sesungguhnya sebenar-benar perkataan adalah Kitabullah ﷻ (al-Quran) dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad ﷺ (as-Sunnah). Seburuk-buruk perkara adalah perkara yang diada-adakan (dalam agama), setiap yang diada-adakan (dalam agama) adalah bid'ah, setiap bid'ah adalah sesat, dan setiap kesesatan tempatnya di neraka".*

Penulis bersyukur kepada Allah ﷻ kerana tulisan Demokrasi, Satu Kajian Menurut al-Quran & as-Sunnah masih diperlukan dan ramai yang ingin memilikinya, maka penulis mengulang cetak Edisi Kedua kerana Edisi Pertama yang diterbitkan pada tahun 1997, ISBN: 983-077-237-3, terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Cawangan Johor Bahru mendapat sambutan yang menggalakkan dan juga telah kehabisan di pasaran.

Pada Edisi Kedua ini penulis telah melakukan banyak tambahan sama ada pada tajuk atau isi kandungannya. Tajuk di Edisi Kedua ini ditambah dan diubah sebagai tajuk: *DEMOKRASI, PILIHANRAYA &*

*MENGUNDI SATU KAJIAN MENURUT PENILAIAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH.* Tulisan ini dipadatkan lagi dengan beberapa fakta dan dalil-dalil terutamanya dari al-Quran, hadis-hadis sahih, athar sahabat di samping dibawakan juga fatwa-fatwa para ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah yang muktabar dari kalangan ulama yang berpegang dengan manhaj Salaf as-Soleh.

Syariat Islam adalah rujukan utama dari segala proses penetapan hukum, oleh itu perlu penulis maklumkan bahawa tulisan ini bukanlah disiapkan untuk menyerang, memburuk-burukkan atau menghina sama ada individu, golongan, jamaah atau pihak-pihak tertentu terutama yang pro-demokrasi.

Dan bukanlah untuk mengalah kepada sistem demokrasi sehingga mengabaikan hukum Allah ﷻ, bukan juga untuk menghalalkan atau merealisasikan sistem demokrasi yang berupa hukum jahiliyah kerana Allah ﷻ telah berfirman:

أَفْحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ<sup>٤</sup> وَمَنْ أَحْسَنُ مِنْ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ

يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

*"Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? Padahal - kepada*

*orang-orang yang penuh keyakinan - tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah". (QS. AL-MAIDAH 5:50).*

Semoga Edisi Kedua ini yang menyentuh persoalan pilihanraya dan hukum mengundi ianya juga insya-Allah akan memberi sumbangan ilmu dan mendapat sambutan dari pembaca budiman sebagaimana Edisi Pertama serta sentiasa memperolehi keberkatan dan keredaan dari Allah ﷻ dari tulisan ini.

Tiada apa yang penulis harapkan dari pembaca selain doa agar penulis diberi kemampuan oleh Allah ﷻ dalam menghasilkan dan menerbitkan tulisan-tulisan yang dapat menyumbang khazanah ilmu yang bermanfaat untuk masyarakat Islam khususnya, kerana tidak dihalalkan menyembunyikan ilmu terutama diketika umat sangat memerlukannya. Allah ﷻ berfirman:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ  
وَلَا تَكْفُرُونَهُ،



*"Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari orang-orang yang telah diberikan Kitab (yaitu): "Demi sesungguhnya, hendaklah kamu menerangkan isi Kitab itu kepada*

umat manusia, dan jangan sekali-kali kamu menyembunyikannya!". (QS. ALI IMRAN 3:187).

Ayat yang mulia ini mendorong penulis menghasilkan tulisan ini. Hanya dari Allah ﷻ penulis mengharapkan keredaan, rahmat dan inayah Nya setiap kali menghasilkan tulisan, kerana Dia sebenarnya yang mengurniakan limpahan ilmu kepada sesiapa yang di kehendaki Nya dan inilah antara ilmu yang dianugerahkan oleh Allah dan yang mampu penulis sampaikan kepada masyarakat Islam.

Ikhlas Dari:

Abu Farouq Rasul Bin Dahri.

Johor Bahru, Malaysia.

Jumaat 06 Rabiulawal 1434H

18 Januari 2013M

\*\*\*\*\*

(1)

\*\*\*\*\*

## PARTI

**P***ARTI* atau *hizb* menurut bahasa: “Sekelompok manusia yang dihimpunkan oleh kepentingan bersama, bermatlamat dan kemaslahatan menyeluruh yang didasari oleh ikatan keyakinan, atau keimanan, atau atas dasar kekufuran, kefasikan, atau dasar kemaksiatan, atau atas dasar yang didasari ikatan tanah air (tanah kelahiran/bumiputera) yang disebut anak watan, atau kabilah suku kaum, bangsa dan nasab keturunan tertentu, atau kerana ikatan profesi dan bahasa, atau apa sahaja bentuk dari berbagai-bagai ikatan maupun sifat kemaslahatan yang mengharuskan manusia berkumpul atasnya dan sama-sama mendukungnya”.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>. Lihat: Al-Ahزاب As-Siasiah Fil Islam. Hlm 29. Oleh Syeikh Abdur Rahman al-Mubarakfuri.



Menurut Kamus Dewan parti ialah: Parti (politik) satu golongan (kumpulan) orang yang bergerak dengan tujuan (dasar dll) yang sama dalam politik.<sup>2</sup> Oleh itu secara umum, tiada sesiapa pun yang dapat mengecualikan diri sepenuhnya dari terlibat dengan kepartian yang pastinya berkait dengan politik. Seseorang rakyat terlibat dalam parti politik di negaranya, bandar, sekolah, firma perniagaan, persatuan, kesatuan perdagangan, kelab berupa penunjang parti politik, pertubuhan sivik dan lain-lain lagi.<sup>3</sup>

Demokrasi adalah pautan parti-parti politik yang wujud sekarang ini, sama ada diamalkan di Negara-negara Islam atau yang bukan Negara Islam yang berbagai-bagai konsep, prinsip atau berbagai-bagai dasarnya.

Di dalam al-Quran, hadis-hadis, athar-athar yang sahih dan fatwa-fatwa para ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah yang muktabar, telah disebut, dibahas, dirungkai dan diterangkan dengan rinci hal-hal yang bersangkutan dengan parti (hizb) atau golongan, sama ada parti Allah (حزب الله) yang membawa penganutnya ke syurga atau parti syaitan (حزب الشيطان) yang menjerumuskan manusia ke jalan kesesatan dan akhirnya ke neraka jahanam. Antara dalil-dalilnya ialah firman Allah ﷻ:

---

<sup>2</sup>. Lihat: Kamus Dewan. Edisi Baru.

<sup>3</sup>. Lihat: Konsep Asas Politik. Hlm. 1, K.Ramanathan. Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1992.

وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ

هُمُ الْغَالِبُونَ ﴿٥٦﴾

*“Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan Rasul Nya serta orang-orang yang beriman itu penolongnya maka sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada agama) Allah, itulah yang tetap mendapat kemenangan”.*<sup>4</sup>

Parti atau hizb di ayat ini boleh dimaksudkan juga sebagai kumpulan, golongan, kelompok, puak, penyokong dan boleh juga diertikan dengan maksud firqah, taiefah atau satu jamaah yang dipimpin oleh seorang penguasa atau pemimpin sebagaimana dapat difahami melalui beberapa dalil dari ayat-ayat di dalam al-Quran, antaranya ialah firman Allah ﷻ.

أَسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنسَهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ

أُولَئِكَ حِزْبُ الشَّيْطَانِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ الشَّيْطَانِ هُمُ

الْخَاسِرُونَ ﴿٦٠﴾

<sup>4</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:56.

*“Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (ajaran dan amaran) Allah, mereka itulah (hizb atau parti) puak syaitan. Ketahuilah, bahawa puak (hizb) syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi”.*<sup>5</sup>

Hizbullah ialah parti yang dipimpin oleh pemimpin atau penguasa Islam yang melaksanakan struktur pengurusan dan pemerintahan menurut perlembagaan sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak. Dinamakan hizbullah kerana dijamin oleh Allah ﷻ sebagai parti yang berjaya, kerana mampu melaksanakan siasah (politik), undang-undang, ekonomi, sosial dan sebagainya sehingga akan mendapat pertolongan dari Allah ﷻ sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Nya di dalam beberapa ayat di dalam al-Quran, hadis-hadis serta athar-athar yang sahih. Firman Allah ﷻ:

أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١١﴾

*“Sesungguhnya para penyokong (parti) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya”.*<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup>. QS. AL-MUJADALAH 58:19.

<sup>6</sup>. QS. AL-MUJADALAH 58:22.

وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٣١﴾ مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا  
دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيعًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ

“Dan janganlah kamu orang-orang yang mempersekutukan Allah. Iaitu orang-orang yang memecah-belahkan agama mereka menjadi beberapa golongan. Tiap-tiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada golongan mereka”.<sup>7</sup>

إِنَّ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيعًا لَسْتَ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ  
إِنَّمَا أَمْرُهُمْ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٣٢﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang memecah-belah agamanya dan mereka (terpecah) menjadi beberapa golongan, tidak ada sedikitpun tanggung jawabmu terhadap mereka. Sesungguhnya urusan mereka hanyalah (terserah) kepada Allah, kemudian Allah akan memberitahukan kepada mereka apa yang telah mereka perbuat”.<sup>8</sup>

7. QS. AR-RUM 30:31-32.

8. QS. AL-AN'AM 6:159.

Terdapat beberapa hadis sahih yang telah menjelaskan bahawa setiap parti selain parti Allah ﷺ ia adalah merupakan parti syaitan yang menyebabkan berlaku atau terjadinya perpecahan, penyelewengan, penyimpangan dan setiap parti syaitan akan membawa pemimpin dan para pengikutnya menuju ke jalan kesesatan yang bersimpang-siur yang menjerumuskan mereka ke neraka jahanam - *na'uzubillahi minzalik* -. Rasulullah ﷺ telah bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : خَطَّ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَوْمًا خَطًّا ثُمَّ قَالَ : هَذَا سَبِيلُ اللَّهِ ، وَخَطَّ خُطُوطًا عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ ثُمَّ قَالَ : هَذِهِ سُبُلٌ مِنْهَا شَيْطَانٌ يَدْعُوا إِلَيْهِ ، ثُمَّ تَلَا : وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ .

*"Pada suatu ketika Rasulullah ﷺ menggariskan kepada kami suatu garisan lalu bersabda: Inilah jalan Allah, kemudian menggariskan beberapa garisan di sebelah kanannya dan di sebelah kirinya lalu bersabda: Inilah jalan-jalan yang pada setiap jalan ada syaitan yang menyeru kepada jalan*



tersebut. Kemudian baginda membacakan ayat: *Sesungguhnya inilah jalan Ku yang lurus maka ikutilah jalan tersebut dan janganlah kamu ikuti jalan-jalan yang lain kerana jalan-jalan tersebut mencerai-beraikan kamu dari jalan Nya. Yang demikian itu diperintahkan oleh Allah kepadamu agar kamu bertakwa".<sup>9</sup>*

Hal keadaan umat Islam terutamanya diakhir zaman yang berpecah menjadi berparti-parti (berbagai-bagai hizb) telah dijelaskan oleh Rasulullah ﷺ di dalam hadis baginda iaitu pada jalur-jalur yang lain baginda bersabda:

خَطَّ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ خَطًّا مُسْتَقِيمًا ، وَخَطَّ خُطُوطًا عَنِ  
الْيَمِينِ وَعَنِ الشَّمَالِ ، ثُمَّ تَلَا قَوْلَ اللَّهِ (وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي  
مُسْتَقِيمًا) ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ عَلَى الْخَطِّ الْأَوْسَطِ الْمُسْتَقِيمِ  
وَقَالَ : هَذَا سَبِيلُ اللَّهِ ، وَهَذِهِ سُبُلٌ ، عَلَى كُلِّ سَبِيلٍ مِنْهَا  
شَيْطَانٌ يَدْعُو إِلَيْهِ .

*"Rasulullah ﷺ menggaris satu garisan lurus dengan tangannya lalu menggaris garis-garis di*

---

<sup>9</sup>. H/R Ahmad dalam Musnad (1/ 435). Al-Hakim dalam Al-Mustadrak (2/318). Ibnu Abi 'Asim (17) As-Sunnah Hlm. 13.

sebelah kanan dan di sebelah kiri, kemudian membaca ayat: *وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا* (Inilah jalan Ku yang lurus)<sup>10</sup> kemudian meletakkan tangannya di atas jalan (garisan) yang lurus itu dan bersabda: *Inilah jalan Allah, dan yang ini adalah jalan-jalan, tiada satu jalanpun melainkan di atasnya ada syaitan yang menyeru kepadanya*".<sup>11</sup>

وَالَّذِي نَفْسٍ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ ، لَتَفْتَرِقَنَّ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ  
وَسَبْعِينَ فِرْقَةً ، وَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ ، وَثِنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ  
قِيلَ : مَنْ هُمْ ؟ قَالَ : الْجَمَاعَةُ.

*"Demi diri Muhammad yang berada di tangan Nya, pasti akan berpecah umatku kepada 73 firqah hanya satu ke syurga dan 72 ke neraka! Baginda ditanya: Siapa mereka? Baginda bersabda: Al-Jamaah"*.<sup>12</sup>

Al-Jamaah yang dimaksudkan oleh hadis di atas dan hadis-hadis yang membahas tentang al-Jamaah al-Islamiyah, ia adalah Parti Islam yang satu, yang bersatu di bawah satu pemimpin, satu dasar dan perlembagaan yang

<sup>10</sup>. QS. AL-AN'AM 6:153.

<sup>11</sup>. H/R an-Nasaii, ad-Darimi. Al-Albani mengatakan: Sanadnya Hasan.

<sup>12</sup>. H/R Ibnu Majah (2/1322). Disahihkan oleh al-Haitami dalam Az-Zawaid. Disahihkan juga oleh al-Iraqi dalam Talkhis al-Ihya.

kembali hanya kepada Kitabullah ﷻ dan sunnah Rasulullah ﷺ.

Tidak ada parti yang layak dinamakan Parti Allah kecuali setelah bersatu (berjamaah) di bawah satu kepimpinan seorang pemimpin atau penguasa Islam dan segala-galanya yang berkaitan dengan siasah seperti ekonomi, sosial dan sebagainya dikembalikan kepada manhaj para Salaf as-Soleh sebagaimana sabda baginda:

مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

*“Bermaksud: Yang (mengikut manhaj) aku dan para sahabatku. (Atau sesiapa yang seperti aku dan para sahabatku)”*.<sup>13</sup>

Ketahuilah bahawa sebuah kuasa politik Islam (siasah Islamiyah) dianggap benar-benar telah bersatu (berjamaah) dan dinamakan sebagai *Hizbullah* seperti yang dikehendaki oleh syarak hanya setelah menepati dan berpegang teguh dengan Kitabullah ﷻ serta sunnah Rasulullah ﷺ dalam semua pentadbiran dan urusan pemerintahan sebagaimana yang diamalkan oleh para Khulafa ar-Rasyidin atau para sahabat baginda. Rasulullah ﷺ telah menegaskan melalui sabdanya:

---

<sup>13</sup>. Lihat: Tuhfatul Ahwazi 7/399-340. Berkata Tirmizi: Hadis Hasan dan Gharib.

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ ، مَا لَنْ تَضِلُّ بَعْدَهُ إِنْ اعْتَصَمْتُمْ بِهِ ،  
كِتَابَ اللَّهِ ، وَسُنَّةَ رَسُولِهِ .

*"Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, tidak akan sesat buat selama-lamanya selagi berpegang dengan keduanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasul Nya".<sup>14</sup>*

Dari Ibnu Masoud :

إِنَّ جُمُوهُورَ النَّاسِ فَارِقُوا الْجَمَاعَةَ ، وَإِنَّ أَلْجَمَاعَةَ مَا وَاْفَقَ  
الْحَقَّ وَإِنْ كُنْتَ وَحْدَكَ .

*"Sesungguhnya kebanyakan manusia akan meninggalkan Jamaah, sesungguhnya al-Jamaah ialah apabila mengikuti kebenaran sekalipun engkau hanya seorang diri (keseorangan)".<sup>15</sup>*

---

<sup>14</sup>. H/R Muslim (2137) Al-Haj. Abu Daud (1628) Al-Manasik. Ibnu Majah (3060) al-Manasik.

<sup>15</sup>. (1). Lihat: Riwayat Baihaqi. al-Madkhali. *الحوادث والبدع* Hlm. 22. Abu Syamah. Disahihkan oleh Nasruddin al-Albani.  
(2). Lihat: *الباعث على انكار البدع والحوادث* hlm. 91-92. Tahqiq Masyhur bin Hasan Salman.  
(3). Lihat: Syarah Usul Iktiqad (no. 160). Al-Lalikaii.

Berkata juga Naim bin Hamma رضي الله عنه:

أَيُّ إِذَا فَسَدَتِ الْجَمَاعَةُ ، فَعَلَيْكَ بِمَا كَانَتْ عَلَيْهِ  
الْجَمَاعَةُ قَبْلَ أَنْ تَفْسَدَ ، وَإِنْ كُنْتَ وَحْدَكَ ، فَإِنَّكَ أَنْتَ  
الْجَمَاعَةُ حِينَئِذٍ.

*“Iaitu apabila telah rosak sekalian jamaah maka bagimu mengikut sebagaimana jamaah yang belum rosak sekalipun engkau seorang diri kerana bahawasanya engkau diketika itu dalam jamaah”.*<sup>16</sup>

Maksud *Jamaah Yang Belum Rosak* adalah jamaah yang berada dizaman para Salaf as-Soleh. Mereka meninggalkan sikap yang telah diharamkan oleh syarak seperti sikap yang ada pada masyarakat jahiliyah iaitu fanatisme kesukuan, bangsa atau kepartian yang keterlaluan kesombongan dan keangkuhan terhadap kelompok, kabilah atau parti mereka yang berlawanan dan menyelisihi al-Quran dan as-Sunnah, kerana sikap dan sifat seperti ini hanya layak dimiliki oleh orang-orang kafir yang telah diharamkan ke atas orang-orang yang beriman. Allah ﷻ berfirman:

---

<sup>16</sup>. Lihat: اعلام الموقعين (3/397). Ibnu Qaiyim.

إِذْ جَعَلَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيَّةَ حَمِيَّةَ الْجَاهِلِيَّةِ  
فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ  
وَأَلْزَمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَى وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا وَأَهْلَهَا  
وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿١٧﴾

“Ketika orang-orang yang kafir itu menimbulkan perasaan sombong angkuh yang ada dalam hati mereka iaitu perasaan sombong angkuh secara jahiliyah, lalu Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada Rasul Nya dan kepada orang-orang yang beriman, serta meminta mereka tetap berpegang kepada "Kalimah Takwa", sedang mereka adalah orang-orang yang sangat berhak dengan "Kalimah Takwa" itu serta menjadi ahlinya dan Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.<sup>17</sup>

\*\*\*\*\*

<sup>17</sup>. QS. AL-FATH 48:26.

(2)

\*\*\*\*\*

## POLITIK

**P**OLITIK telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab sebagai *siasah*. Secara literal bererti pengurusan suatu perkara sehingga ia menjadi sempurna dan baik.<sup>18</sup>

Kalimah politik menurut penggunaan Bahasa Melayu atau Bahasa Indonesia (Melayu Nusantara) dapat diterjemahkan kepada beberapa makna atau maksud, iaitu:

Di dalam Kamus Dewan Edisi Baru dan beberapa kamus Bahasa Indonesia, kalimah politik disebut dan telah diterjemahkan kepada beberapa maksud dan erti. Antaranya telah diberi maksud atau diterjemahkan kepada:

---

<sup>18</sup>. Lihat: Lisnul Arab (IV/429), Ibnul Manzhur.

**Pertama:** Politik adalah: Ilmu (pengetahuan) berkenaan pemerintahan (dasar-dasar pemerintahan dan lain-lain). Atau ilmu siasah atau ilmu kenegaraan.<sup>19</sup> Terjemahan dan pengertian ini selari dengan apa yang terdapat pada kamus-kamus bahasa yang lainnya.

**Kedua:** Politik: Segala sesuatu berkenaan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain. Pertubuhan yang bergiat dalam bidang politik.<sup>20</sup>

**Ketiga:** Politik adalah: Kelicikan, muslihat, tipu muslihat.<sup>21</sup>

**Keempat:** Politik (Bahasa Belanda bermaksud) siasat, tipu muslihat.<sup>22</sup>

**Kelima:** Politik pemerintah, siasah pemerintah. Politik peperangan, tipu muslihat perang. Mempolitik sesuatu, mengetahui sesuatu dengan menggunakan tipu muslihat. Siasat (Arab) politik, diplomasi, pemerintahan, pemeriksaan yang teliti.<sup>23</sup> Siasat – periksa dengan teliti.

---

<sup>19</sup> Kamus Dewan Edisi Baru.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Lihat: Kamus Moden Bahasa Indonesia. Oleh St. Mul. Zain, Yayasan Dahrma 718.

<sup>23</sup> Lihat: Kamus Moden Bahasa Indonesia. Oleh St. Mul. Zain, Yayasan Dahrma 340.



Siasat cara pemerintahan, politik kebijaksanaan pemerintahan.<sup>24</sup>

**Keenam:** Politik – ilmu perkara keamanan negeri, akal dan muslihat sesuatu pergerakan atau perhimpunan.<sup>25</sup>

Dalam Bahasa Arab politik disebut sebagai siasah. Asal dari perkataan siasah ialah *sasa* (ساسة). Atau diambil dari kata *as-suus* السوس yang bererti kepimpinan yang mengatur urusan rakyat seperti yang dilakukan oleh para pemimpin dan penguasa terhadap rakyatnya sebagaimana diambil pengertiannya dari hadis sahih:<sup>26</sup>

كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسُوسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ ، كُلَّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ ،  
خَلَفَهُ نَبِيٌّ بَعْدَهُ ، وَإِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي ، وَسَيَكُونُ خُلَفَاءُ  
فَيَكْفُرُونَ .

*“Adapun Bani Israil, siasah (pemimpin negara mereka) dipimpin oleh para Nabi, setiap kali Nabi wafat akan diganti oleh Nabi yang lain selepasnya. Sesungguhnya tiada lagi Nabi sesudahku, yang akan*

---

<sup>24</sup> Lihat: Kamus Indonesia. E. St. Haraphap, G. Kkolf & Co Bandung. Cetakan 9, 1951.

<sup>25</sup> Lihat: Kamus Indonesia. E. St. Haraphap, G. Kkolf & Co Bandung. Cetakan 9, 1951.

<sup>26</sup> Lihat: An-Nihayah (II/421) Ibnul Atsir.

*muncul hanyalah para khalifah (ketua-ketua negara) yang jumlah mereka adalah ramai”.*<sup>27</sup>

Menurut Ahli Ilmu bahawa pengertian atau istilah politik tidak sama dengan pengertian (istilah) siasah, kerana politik hanya terfokus dan mementingkan hal-hal keduniaan, materialistik atau kebendaan semata, tetapi siasah terkait dengan kepentingan dunia dan akhirat malah membabitkan persoalan akidah yang tidak dapat dipisahkan sama sekali dari persoalan hidup (dunia) dan mati (akhirat), sehingga tercatat di dalam sejarah umat Islam bahawa pemimpin yang menerajui siasah bagi orang-orang Islam bermula dari para Nabi, Rasul, Khulafa ar-Rasyidin atau dari kalangan ulama sebagaimana yang terdapat keterangannya di dalam al-Quran, hadis-hadis Nabi Muhammad ﷺ, athar para sahabat ﷺ yang sahih dan fatwa para ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah yang muktabar. Allah ﷻ berfirman:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ

الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾


*“Sesungguhnya penolong (pemimpin) kamu hanyalah Allah, dan Rasul Nya, serta orang-orang*

---

<sup>27</sup>. H/R al-Bukhari dan Muslim.

yang beriman, yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)”.<sup>28</sup>

وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَىٰ أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ  
يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ



“Padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (pemimpin atau penguasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka”.<sup>29</sup>

Di dalam al-Quran dan hadis-hadis sahih orang-orang beriman diperintahkan agar taat kepada Khalifah, Imam atau Ulil Amri, iaitu penguasa atau pemimpin-pemimpin pemerintah Islam yang mengurus kepentingan Islam dalam politik, seperti undang-undang, pemerintahan, pengadilan, kriteria badan eksekutif negara, pembentukan lembaga-lembaga tinggi negara, pengaturan ketenteraan dan yang lain-lainnya dalam erti yang luas, baik tentang urusan dunia ataupun urusan akhirat atau agama itu sendiri. Mereka wajib dipatuhi selama tidak

---

<sup>28</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:55.

<sup>29</sup>. QS. AN-NISAA 4:83.

menyimpang dari ajaran Allah ﷻ<sup>30</sup> kerana itulah dustur (peraturan) dan ketetapan Islam.

Dan juga dimaksudkan dengan Ulil Amri oleh para ulama tafsir selain bermaksud khalifah, imam, penguasa atau pemimpin di antaranya adalah ulama, kerana para pemimpin orang-orang Islam hendaklah terdiri dari para ulama atau para pemimpin orang-orang Islam sewajarnya sentiasa dibantu, bekerjasama, di dampingi atau berdamping dengan para ulama kerana Allah ﷻ telah berfirman:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اِلٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِيَّ  
الْاَمْرِ مِنْكُمْ ۗ فَاِنْ تَنٰزَعْتُمْ فِيْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ  
اِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ۗ ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ  
تَاْوِيْلًا ﴿٥١﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang*

<sup>30</sup>. Lihat: Kamus Istilah Fiqh. M. Abdul Mujief, Mabruri Tholhah. Syafiah Am.

*berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantahan (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".<sup>31</sup>*

Di dalam ayat yang mulia di atas ini dijelaskan bahawa pemimpin Islam sentiasa mengembalikan setiap perkara terutama perkara yang dipertikaikan (perselisihan) dalam semua urusan kepada kitab Allah ﷻ (al-Quran), sunnah Rasul Nya ﷺ, dan kepada Ulil Amri (ulama dan pemimpin) yang menerajui kepimpinan rakyat. Di dalam kitab *An-Nihayah* disebut:

*"Adapun menurut pengertian syarak, siasah yang sejalan dengan syariat (siasah as-syariah) adalah pengurusan kepentingan rakyat jelata yang berkisar dalam ruang lingkup Daulah Islamiah (Negara Islam) dengan cara-cara yang dapat menjamin terealisasinya kemaslahatan umum, dapat menolak segala macam kerugian (kerusakan) dan tidak melanggar syariat Islam serta kaedah-kaedah*

---

<sup>31</sup>. QS. AN-NISAA 4:59.

*asasnya, sekalipun tidak sejalan dengan pandangan para alim mujtahid”.*<sup>32</sup>

Tetapi dalam sistem politik demokrasi ternyata tidak dipersoalkan jika seorang pemimpin itu kafir, munafik, fasik, berideologi Liberalisme, Fasisme, Komunisme, sosialisme dan apapun kedudukannya, ia boleh diangkat menjadi pemimpin asalkan dipilih oleh suara dan pilihan majoriti, kerana dalam sistem demokrasi yang bersifat atau berdasarkan kebebasan sosial, ekonomi, bersuara atau politik wajib mengembalikan setiap persoalan hanya kepada rakyat atau suara rakyat yang teramai walaupun suara-suara tersebut sudah jelas menuntut perkara-perkara yang batil, mungkar dan menyalahi syariat Islamiyah.

Hakikat penyelenggaraan sistem yang berdasarkan politik kontemporer demokrasi sekular, disepanjang sejarahnya ia tidak pragmatik dan bertentangan dengan politik yang syarie.

Demokrasi hanya semata-mata mencari keredaan manusia walaupun tanpa mendapat keredaan Allah ﷻ dan Rasul Nya ﷺ, malah para pejuang politik demokrasi sering membawa perkara dalam pengurusan negara yang bertentangan dengan syariat Islam dan menyebabkan kemurkaan Allah ﷻ, terutamanya semasa kempen

---

<sup>32</sup>. Lihat: Siasah Syariah. Hlm 15, Abdul Wahhab Khallaf. .

pilihanraya untuk meraih undi terbanyak walaupun menipu dengan kata-kata politis dan retorika yang diulang-ulang demi memancing undi majoriti rakyat dan mendapat sokongan yang teramai dari publik.

Rasulullah ﷺ melarang perbuatan sebagaimana yang tersebut di atas dengan bersabda:

مَنْ التَّمَسَّ رِضَى اللَّهِ بِسَخَطِ النَّاسِ ، رِضَى اللَّهُ عَنْهُ  
وَأَرْضَى النَّاسَ عَنْهُ ، وَمَنْ التَّمَسَّ رِضَى النَّاسِ بِسَخَطِ اللَّهِ ،  
سَخَطَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَسَخَطَ عَلَيْهِ النَّاسَ .

*“Barangsiapa yang mencari reda Allah sekalipun manusia benci, maka Allah akan reda kepadanya dan membuat manusia reda kepadanya. Dan barangsiapa yang mencari reda manusia dengan kemurkaan Allah, maka Allah akan murka kepadanya dan menjadikan manusia murka kepadanya”.*<sup>33</sup>

\*\*\*\*\*

---

<sup>33</sup> H/R Ibnu Hibban dalam sahihnya (no. 276). Hadis ini disahihkan oleh Syeikh al-Albani dalam Takhrij Syarah Akidah Thahawiyah. Hlm. 269.

(3)

\*\*\*\*\*

## DEMOKRASI

**D**EMOKRASI tidak asing di kalangan para politikus. Menurut etimologi, istilah dan asal kata demokrasi diambil dari dua perkataan. Iaitu bahasa Greek (Yunan) dari kata *demos* bermaksud *rakyat* dan *kratos* bermaksud *kratia* atau dimaksudkan juga *pemerintahan*<sup>34</sup> berupa kekuasaan rakyat oleh rakyat. Rakyat adalah sumber dan gudang kekuasaan kerana takhta kepimpinan adalah milik rakyat.<sup>35</sup> Plato adalah seorang ahli falsafah Greek yang pertama mengungkap teori demokrasi.

---

<sup>34</sup>. Lihat: Konsep Asas Politik. Hlm 22. K. Ramanathan. Lihat: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia, K.L. 1992.  
Lihat: A Dictionary Of Diplomacy And International Affairs. English-French-Arabic.

<sup>35</sup>. Lihat: Tanwir Azhzulumat Bikasyfi Mafasid Wa-Syubuhat Al-Intikhabat.



Demokrasi dapat dirumuskan sebagai pemerintahan yang diuruskan oleh rakyat dalam suatu masyarakat. Corak pemerintahan ini dianggap bertentangan dengan sistem totaliter, namun pada hakikatnya sehingga kesaat ini sistem demokrasi tulus tidak pernah terlaksana sepenuhnya<sup>36</sup> walaupun di mana-mana negara bersistem demokrasi di dunia ini.

Menurut Kamus Dewan demokrasi ialah: (Sistem) pemerintahan negara oleh rakyat (menerusi wakil mereka yang dipilih dalam pilihanraya).<sup>37</sup>

Demokrasi menurut tulisan Robert A Dahl ialah:

*“Sistem politik yang memberi kepada rakyat jelata untuk membuat keputusan secara terbuka”.*<sup>38</sup>

Masyarakat yang mula-mula dan terawal mengasaskan dan mengamalkan demokrasi ialah masyarakat Greek (Yunan) di Kota Athens.<sup>39</sup>

Demokrasi adalah ideologi yang digerakkan oleh Zionis Yahudi antarabangsa semasa revolusi Perancis.<sup>40</sup>

---

<sup>36</sup>. Lihat: Modern Political Analysis, Englewood Cliffs. NJ: Prentice Hall. Edisi 2, 1979.

<sup>37</sup>. Lihat: Kamus Dewan Edisi Baru.

<sup>38</sup>. Lihat: Mazahib Fikriyah Mu'asarah. (178/1). Muhammad Qutub Dar As-Syuruq. L984.

<sup>39</sup>. Ibid. hlm. 191.

Bersemboyankan slogan atau propaganda: Kebebasan, Persaudaraan dan Persamaan. Ideologi perjuangan demokrasi ini dihidupkan dan diperjuangkan semula di Barat oleh golongan Yahudi kerana ia bertujuan untuk menentang sistem pemerintahan Feudal dan sistem Monarki Konservatif yang dianggap terlalu menindas rakyat, menjalankan undang-undang sesuka hati, melakukan kezaliman, kediktatoran yang kejam dan penyalahgunaan kuasa oleh pemerintahan tradisional yang telah berabad-abad lamanya.

Keberkesanan setiap diayah (slogan) dalam mempropagandakan dasar kebebasan dan untuk mempertahankan sistem demokrasi adalah permainan kongkalikung (putar belit) yang diprogramkan dalam konspirasi Yahudi antarabangsa<sup>41</sup> untuk memberi kebebasan kepada kaum elit Yahudi agar dapat melakukan apa sahaja yang mereka inginkan terhadap bangsa Goyem (bangsa selain Yahudi yang mereka anggap sebagai haiwan).

Kita perlu sedar bahawa kekayaan dunia dan khazanahnya telah dimonopoli dan dieksploitasi oleh golongan elit Yahudi antarabangsa untuk mengukuhkan gerakan politik zionisme yang penuh dengan kezaliman dan penindasan.

---

<sup>40</sup>. Ibid. hlm. 218.

<sup>41</sup>. Ibid. hlm. 197.

Pada hakikatnya demokrasi adalah mainan Yahudi yang tidak bersetuju dengan Islam. Demokrasi diserapkan ke dalam Islam oleh Yahudi yang bertujuan hanya ingin menyapu bersih agama Islam dan menggantikannya dengan kebatilan dan kemungkaran sebagaimana yang mereka inginkan. Allah ﷻ telah mengkhabarkan niat jahat Yahudi terhadap Islam dengan firman Nya:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصْرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ<sup>١</sup>

*“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu)”. (QS. AL-BAQARAH 2:120).*

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَىٰ اللَّهُ إِلَّا

أَن يُتِمَّ نُورَهُ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿١١﴾

*“Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian)”. (QS. AT-TAUBAH 9:32).*

Kejayaan mereka ini adalah hasil penipuan, penindasan, pengkhianatan dan penghisapan darah yang dilakukan oleh Yahudi terhadap Goyem yang dilakukan secara zalim dan tidak berperikemanusiaan. Oleh sebab itulah demokrasi, pada prinsipnya adalah suatu operasi yang hampir keseluruhannya diwujudkan untuk lebih memihak dan menguntungkan golongan orang-orang kaya atau kalangan elit Yahudi.<sup>42</sup>

Di dalam perjuangan Yahudi, kekayaan adalah kuasa. Maka sistem demokrasi mudah diperkosa dan dicabuli oleh pihak yang dapat menguasai peluang ini. Mungkin inilah sebabnya sistem demokrasi dianggap sebagai corak pemerintahan yang mudah dikuasai oleh golongan mereka yang gemar mengambil kesempatan.<sup>43</sup>

Oleh sebab itu juga sistem demokrasi adalah pemerintahan yang memberi keutamaan kepada golongan berada (kaya) dan sering menyisihkan si Miskin<sup>44</sup> sebagaimana peruntukan kempen pilihanraya sentiasa dieksploitasi oleh golongan (parti politik) dari kalangan orang-orang kaya dan tidak memihak kepada si Miskin.<sup>45</sup>

---

<sup>42</sup>. Lihat: Konsep Asas Politik. Hlm 27-28. K. Ramanathan. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia, K.L 1992.

<sup>43</sup>. Lihat: Mazahib Fikriyah Mu'asarah (190/1) Muhammad Qutub, Dar As-Syuruq. 1984.

<sup>44</sup>. Ibid. hlm. 194.

<sup>45</sup>. Ibid. hlm. 203.

Sistem demokrasi pastinya tidak dapat dipisahkan dari para pelaku kapitalis (pelaku riba) dan kapitalisme (fahaman ribawiyah). Ikatan demokrasi dengan kapitalis adalah seperti aur dengan tebing yang saling menyokong dengan menguatkan di antara satu dengan yang lain di dalam arena permainan politik demokrasi.<sup>46</sup> Riba adalah haram hukumnya sampai ke Hari Kiamat sebagaimana keterangannya dari firman Allah ﷻ dan hadis-hadis sahih dari Rasul Nya ﷺ:

إِنَّ مِنْ أَرْبَى الرَّبَا أَلِاسْتِطَالَةَ فِي عِرْضِ الْمُسْلِمِ بِغَيْرِ حَقٍّ.

*“Sesungguhnya riba yang paling besar adalah berbuat jahat terhadap kehormatan dan harga diri seorang Muslim tanpa alasan yang benar”.*<sup>47</sup>

Sistem demokrasi memberi peluang yang banyak kepada golongan kapitalis untuk mengaut kekayaan, melonggokkan harta dan menindas orang-orang miskin dan melarat kerana pada realitinya demokrasi memang tidak dapat dipisahkan dari para kapitalis<sup>48</sup> dan kapitalisme.

---

<sup>46</sup>. Ibid. hlm. 217

<sup>47</sup>. H/R Abu Daud, (2/669). kitab Al-Adab, bab Fil Ghibah.

<sup>48</sup>. Lihat: Mazahib Fikriyah Mu'asarah (190/1). Muhammad Qutub, Dar As-Syuruq 1984.

Pada hakikatnya dengan dail-dalil atau hujjah-hujjah yang ada jelaslah bahawa parti demokrasi adalah parti yang batil walaupun ada parti yang mengaku sebagai parti Islam di Malayasia mendakwa demokrasi yang menjadi dasar parti mereka sebagai parti Islam atau sama dengan siasah Islamiyah. Fahamilah bahawa Allah ﷻ berfirman:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ

تَعْمُونَ ﴿١٧﴾

*“Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar (islam) itu dengan yang batil, dan kamu sembunyikan yang hak itu pula padahal kamu semua mengetahuinya”.*<sup>49</sup>

Pada dasarnya, sistem demokrasi sentiasa melahirkan (dan mengukuhkan) aktiviti kapitalis yang dimonopoli oleh Yahudi atau oleh kilang-kilang pengeluaran yang dikongkong oleh Yahudi sejak revolusi dimulakan sehinggalah sekarang ini.<sup>50</sup>

---

<sup>49</sup> QS. AL-BAQARAH 2:42.

<sup>50</sup> Lihat: Konsep Asas Politik, Hlm 206. K. Ramanathan, Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia, K.L 1992.

Ingatlah bahawa Yahudi, Nasrani, orang-orang munafik, orang-orang kafir atau kaum musyrik (Majusi) penyembah berhala adalah mereka semua menjadi musuh kepada orang-orang yang beriman kepada Allah ﷻ dan Rasul Nya ﷺ. Oleh itu, adalah haram mematuhi politik mereka yang pada hakikatnya hanya berpandukan hawa nafsu semata. Hal pengharaman ini semuanya telah dikhabar dan diterangkan oleh Allah ﷻ di dalam firman Nya, antaranya ialah:

وَلَيْنِ اتَّبَعَتْ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ

مِنَ اللَّهِ مِنْ وَّلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

*“Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka (Yahudi dan Nasrani) sesudah datangnya pengetahuan kepadamu, maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu”.*<sup>51</sup>

Al-Quran telah mengkhabarkan kepada sekalian orang-orang yang beriman, bahawa orang-orang Yahudi telah menjadikan umat Islam sebagai musuh utama mereka. Dan terlalu keras permusuhan orang-orang

---

<sup>51</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:120.

Yahudi terhadap orang-orang Islam berbanding dengan bangsa, kaum dan agama yang selain agama Islam. Allah ﷻ berfirman:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا الْيَهُودَ  
وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا<sup>ط</sup>

*“Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhannya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik.”*<sup>52</sup>

\*\*\*\*\*

---

<sup>52</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:82.



(4)

\*\*\*\*\*

## PARTI SEKULAR

**S**EKULAR telah dikaitkan dengan parti politik sejak kemunculan penggunaannya. Parti politik demokrasi atau pro-demokrasi adalah merupakan sebuah parti sekular. Demokrasi telah dicantumkan (oleh penjajah) ke dalam undang-undang dasar sebahagian Negara-negara Arab dan Negara-negara Islam yang bukan berbangsa Arab.<sup>53</sup>

Parti sekular demokrasi di Negara-negara Islam mampu membekukan seluruh aturan-aturan syariah sama ada perdata atau pidana, inilah penyebab kufurnya mereka yang membela, menganut atau mempertahankan ideologi politik demokrasi atau mereka yang pro-demokrasi.

---

<sup>53</sup>. Lihat: Tanwir Azhzulumat Bikasyfi Mafasid wa-Syubuhah Al-Intikhabat.

Menurut Kamus Dewan, sekular ialah: Yang berkaitan dengan keduniaan atau tidak berkaitan dengan keagamaan.<sup>54</sup>

Dan sekularisasi: Peralihan fungsi-fungsi non-keagamaan yang dipegang oleh organisasi keagamaan ke organisasi-organisasi sekular.<sup>55</sup>

Ada pun yang lebih tepat apabila kalimah sekular diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab ia diertikan sebagai: *Al-La Diniyah* yang bererti *Tanpa Agama*.

Atau diertikan sebagai *Ald-Duniawiyah* yang bermaksud: “*Keduniaan Semata, Tidak Melibatkan Agama Atau Ibadah (Tiada Kaitannya Sama Sekali Dengan Persoalan Akhirat Atau Agama)*”. Iaitu berdasarkan penjelasan Muhammad Qutub bahawa sekular ialah:

أَيُّ : إِلْغَاءِ الْحَقِّ الإِلَهِيِّ الْمُقَدَّسِ .

“*Menolak atau membuang hak Ilahi (Allah) yang suci*”.<sup>56</sup>

---

<sup>54</sup> Lihat: Kamus Dewan, Edisi Baru.

<sup>55</sup> Lihat: Kamus Masyarakat Hlm. 113, Zulkiflee Yazid. Jahabersa.

<sup>56</sup> Mazahib Fikriyah Mu'asarah, Hlm.181. Muhammad Qutub, Darus Asy-Syuruk.

Ada juga yang menterjemahkan sekular sebagai *أَلْعِلْمَانِيَّةُ* *Al-Ilmaniyah*. Menterjemah atau memaksudkan sekular kepada maksud atau erti *Ilmaniyah* adalah tidak tepat kerana kalimah sekular tidak ada kaitan langsung dengan *ilmu* atau *ilm*. Di dalam Bahasa Arab *Al-Ilm* (العلم) dimaksudkan sebagaimana di dalam Bahasa Inggeris sebagai *science* (sains) iaitu sesuatu yang berdasarkan keilmuan.

Melalui penjelasan ringkas ini pastinya sekular jelas tidak tepat jika dikaitkan sebagai *Ilm*, *Ilmu* atau *Al-Ilmaniyah* kerana dasar ilmu di dalam Islam berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah yang mementingkan hikmah untuk dunia dan akhirat, sebaliknya sekular sebagaimana terdapat dalam kamus atau ensiklopedia mendefinisikan sebagai ideologi atau fahaman yang sentiasa mengeneipkan, menolak, menentang, meninggalkan atau tiada kaitan dan kena mengena dengan agama.

Di dalam Kamus Dewan pula sekular diertikan:

“(Yang) berkaitan dengan keduniaan atau tidak berkaitan dengan keagamaan”.<sup>57</sup>

Lihatlah pengertian sekular di dalam Ensiklopedia Britanica ia diertikan sebagai:

---

<sup>57</sup>. Lihat: Kamus Dewan.

*“(Secularism): Sekular adalah gerakan sosial bertujuan mencorak manusia dan mengarahkan mereka daripada mementingkan akhirat kepada mementingkan dunia semata. Ini berpunca kerana manusia dizaman pertengahan menumpukan kehendak mereka yang sangat kuat menolak dunia, hanya menumpukan fikirannya kepada tuhan (agama) dan akhirat. Untuk memerangi keadaan tersebut bangkitlah para sekularisme mengedapankan dirinya melalui pembangunan memenuhi kehendak manusia”.*

Dan pada definisi yang sama bersambung:

*“Aliran sekularisme berkembang pantas sepanjang sejarah moden melalui asas gerakan yang menentang agama atau memusuhi agama Kristian”.*

Di dalam Ensiklopedia Oxford sekular didefinisikan sebagai:

*“(Sekularisme) hanya berbentuk duniawi (keduniaan atau kebendaan semata) atau kebendaan (materialis yang sama sekali tiada kaitan dengan agama). Menolak semua bentuk amalan keagamaan atau spiritual. Sekularisme adalah pendekatan yang tidak bersifat keagamaan, budaya (seni) atau muzik tanpa agama, kerajaan (pemerintah) tanpa agama atau pemerintahan yang menentang gereja”.*

Agama Islam memerintahkan seluruh umatnya yang beriman agar melibatkan Islam dengan mengembalikan semua persoalan kepada al-Quran dan as-Sunnah dalam semua perkara, urusan dan amal, termasuklah dalam urusan politik, undang-undang, ekonomi, sosial, hukum pidana dan sebagainya sebagaimana firman Allah ﷻ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا

تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

*“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya, dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata”.*<sup>58</sup>

Syariat Islam telah mengharamkan perbuatan mencampur-adukkan kebenaran hukum ahkam syariat Islamiyah yang datangnya dari Allah ﷻ dengan sistem kebatilan politik atau undang-undang demokrasi sekular, kerana perbuatan tersebut akan membatalkan amal ibadah yang mana kita dicipta semata-mata kerana untuk beribadah kepada Nya. Allah ﷻ berfirman:

---

<sup>58</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:208.

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ

تَعَامُونَ ﴿١٧﴾

*“Dan janganlah kamu campur-adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya”.*<sup>59</sup>

Tanda atau dalil yang membuktikan bahawa kita manusia dicipta oleh Allah ﷻ adalah demi untuk mentauhidkan Nya dan demi untuk beribadah kepada Nya antaranya dengan menunaikan siasah (politik), ekonomi, sosial, undang-undang dan sebagainya ialah melalui firman Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaKu”.*<sup>60</sup>

<sup>59</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:42.

<sup>60</sup>. QS. AZ-ZARIAH 51:56.

Ketahuiilah bahawa Allah ﷻ hanya mengangkat sesuatu kaum setelah mengangkat (kembali kepada) al-Quran dalam semua perkara, sama ada politik, ekonomi, undang-undang dan semua persoalan ibadah, kerana Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يَرْفَعُ بِهَذَا الْكِتَابِ أَقْوَامًا ، وَيَضَعُ بِهِ الْآخَرِينَ .

*“Sesungguhnya Allah mengangkat dengan Kitab ini (al-Quran) sesuatu kaum dan menghina dengannya yang lain (dihina lantaran meninggalkan al-Quran)”*.<sup>61</sup>

Oleh itu, adakah agama Islam atau orang-orang yang beriman boleh menerima pemerintahan yang dibina di atas dasar politik demokrasi yang berasaskan prinsip sekular jahiliyah? Layarilah keseluruhan tulisan ini untuk mendapatkan jawapannya.

\*\*\*\*\*

---

<sup>61</sup>. H/R Muslim.

(5)

\*\*\*\*\*

# PERLANTIKAN PEMIMPIN DALAM SISTEM DEMOKRASI

**P**EMIMPIN merupakan tunjang dalam setiap parti kerana jika tiada pemimpin maka tiadalah parti. Dalam semua pemerintahan yang berasaskan politik demokrasi ia adalah sistem politik yang berbentuk multi parti yang berbagai jenama. Maka dalam corak dan di bawah bumbung pemerintahan demokrasi lahirlah berbagai-bagai nama parti, kumpulan atau golongan yang berbeza matlamat, tujuhal, aspirasi dan kepentingan sehingga bersebab dari sistem atau dasar politik demokrasi amat jelas terkumpul dan terpendam berbagai-bagai



pertentangan, perselisihan, pertelingkahan dan perpecahan antara satu dengan yang lain.

Kerakusan jawatan, kedudukan, kepentingan dan kekuasaan diminta, direbut dan dipertandingkan sehingga lahirilah peraturan pilihanraya umum yang tetap bersifat dan berdasarkan atas spekulasi.

Para pengusung parti sanggup mengorbankan apa sahaja kepentingannya demi meraih undi atau suara terbanyak, melalui perang poster, jihad dengan berkempen, menabur janji manis dengan menawarkan misi dan visi, menyuarakan rintihan untuk meyakinkan supaya memperolehi simpati pengundi malah ada yang bermain-main dengan berbagai-bagai fitnah, maki hamun dan saling mengaibkan untuk menentukan calon legislatif dengan alasan untuk membentuk pemerintahan yang diiktiraf dan untuk mewakili setiap parti masing-masing pada sidang dewan perwakilan rakyat di atas dasar demokrasi.

Hal dan dasar demokrasi seperti ini amat berlawanan (bertentangan) dengan sistem politik Islam atau siasah Islamiyah kerana perlantikan pemimpin, penguasa atau ketua negara dalam Islam adalah dipilih yang paling (اصح: *aslah yang paling layak dan berkemampuan*) dan perlu dilaksanakan dengan amanah dan sempurna. Rasulullah ﷺ memerintahkan:

إِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ ، فَأَتُوا مِنْهُ مَا سَطَعْتُمْ .

*“Apabila aku perintahkan kepadamu dengan suatu perintah maka laksanakanlah semampumu”<sup>62</sup>.*

Dan terdapat beberapa hadis sahih yang telah memberi amaran agar amanah yang berupa perintah dan pemerintahan (kepemimpinan) diserahkan segala hukum-hukumnya kepada al-Quran dan hadis-hadis sahih, kerana itulah perintah dari syariat Islam yang tidak boleh diremeh diabaikan oleh setiap orang-orang yang beriman. Rasulullah ﷺ telah bersabda:

مَنْ وُلِّيَ مِنْ أَمْرِ الْمُسْلِمِينَ شَيْئًا ، فَوَلَّى رَجُلًا وَهُوَ يَجِدُ مَنْ هُوَ أَصْلَحُ لِلْمُسْلِمِينَ مِنْهُ ، فَقَدْ خَانَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ .

*“Barangsiapa yang mengangkat seorang untuk menguruskan perkara kaum Muslimin, lalu mengangkat orang tersebut sedangkan dia boleh mendapatkan orang yang lebih layak dan sesuai daripada orang yang diangkat, maka dia telah berkhianat kepada Allah dan Rasul Nya”.*

---

<sup>62</sup>. H/R al-Bukhari dan Muslim.

مَنْ وُلِيَ رَجُلًا عَلَى عَصَابَةٍ ، وَهُوَ يَجِدُ فِي تِلْكَ الْعِصَابَةِ  
مَنْ هُوَ أَرْضَى لِلَّهِ مِنْهُ ، فَقَدْ خَانَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَخَانَ  
الْمُؤْمِنِينَ .

*“Barangsiapa yang mengikuti seseorang Islam sesuatu amal untuk sekelompok manusia, sedangkan ia mendapati dalam kelompok itu yang lebih baik dari orang yang diikutinya itu, maka dia telah berkhianat kepada Allah, kepada Rasul Nya dan kepada kaum mukminin”*.<sup>63</sup>

Di dalam Islam sudah ada dan telah ditetapkan jalan atau cara-cara (metodologi) untuk memilih pemimpin, iaitu hendaklah yang kuat mempertahankan kebenaran dan dipilih selain yang mampu memikul tanggungjawab, rela memikul amanah, berilmu (ulama) dan hendaklah dipilih melalui sistem syura sebagaimana perintah dari firman Allah ﷻ:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى  
بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

<sup>63</sup>. H/R Al-Hakim dalam Mustadrak.

*“Dan juga orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan solat dengan sempurna, sedangkan urusan mereka diputuskan secara bermesyuarat (syura) sesama mereka, dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami telah berikan kepada mereka”.*<sup>64</sup>

Dan perintah Allah ﷻ di dalam al-Quran:

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

*“Dan juga bermesyuarahlah dengan mereka dalam urusan itu”.*<sup>65</sup>

Adapun antara yang dimaksudkan sebagai syura atau kalimah bermesyuarah ialah membincang atau membahas suatu urusan berbagai pendapat dalam persoalan siasah atau urusan pemerintahan, negara dan umat (rakyat) dengan yang ahlinya atau pakarnya yang bersifat adil, berilmu, ahli pendapat, hikmah, peneliti atau mempunyai keahlian, kepakaran, pengetahuan dan pengalaman yang luas untuk mencapai titik kebenaran yang disepakati sesuai dengan apa yang diharapkan dan serasi dengan situasi dan kondisi saat itu.

---

<sup>64</sup> . QS. ASY-SYURA 42:38.

<sup>65</sup> . QS. ALI IMRAN 3:159.

Oleh itu merebut atau meminta kedudukan, pangkat atau jawatan tidak digalakkan oleh syariah Islamiyah kerana Rasulullah ﷺ telah bersabda:

إِنَّ لَا نُؤَلِّي أَمْرَنَا هَذَا مَنْ طَلَبَهُ.

*“Sesungguhnya kami tidak memberi urusan kami ini kepada orang yang memintanya”*.<sup>66</sup>

يَا عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنِ سَمْرَةَ ! لَا تَسْأَلِ الْإِمَارَةَ ، فَإِنَّكَ إِنْ  
أَعْطِيَتْهَا عَنْ مَسْأَلَةٍ وَكَلْتِ إِلَيْهَا ، وَإِنْ أَعْطِيَتْهَا مِنْ غَيْرِ  
مَسْأَلَةٍ أَعْنَتَ إِلَيْهَا.

*“Wahai Abdurrahman bin Samrah, janganlah engkau meminta-minta jawatan menjadi pembesar negara (pemerintah), sebab jika (kekuasaan) diberikan kepadamu tanpa engkau mintanya, nescaya engkau diberi pertolongan dalam menjalankannya. Dan jika (kekuasaan) diberikan kepadamu atas (dasar) permintaan, maka (Allah tidak akan menolong dan) meninggalkanmu sendirian dalam mengurusnya”*.<sup>67</sup>


---

<sup>66</sup>. H/R al-Bukhari, kitab al-Ahkam, bab Man Yakrahu Minal Hirsh ‘Ala Imarah (no. 7149). Muslim, kitab al-Imarah (no. 1824).

<sup>67</sup>. H/R al-Bukhari, kitab al-Ahkam, Bab Man La Yas'alil Imarah

مَنْ طَلَبَ الْقَضَاءَ وَاسْتَعَانَ عَلَيْهِ وَكَلَّ إِلَيْهِ ، وَمَنْ لَمْ يَطْلُبِ  
الْقَضَاءَ وَلَمْ يَسْتَعِنَ عَلَيْهِ ، أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْهِ مَلَكًا يُسَدِّدُهُ.

*“Barangsiapa yang meminta jawatan dan memohon bantuan untuk mendapatkannya, nescaya Allah tidak akan menolongnya. Dan barangsiapa yang tidak meminta jawatan dan tidak meminta bantuan untuk mendapatkannya nescaya Allah akan menurunkan Malaikat yang akan membantunya”.*<sup>68</sup>

Abu Dzar  meriwayatkan:

قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي ؟ قَالَ : فَضْرَبَ بِيَدِهِ  
مَنْكِبِي ، قَالَ : يَا أَبَا ذَرٍّ ، إِنَّكَ ضَعِيفٌ ، وَإِنَّهَا أَمَانَةٌ ،  
وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خَزْيٌ وَنَدَامَةٌ ، إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَقِّهَا  
وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا .

---

A'anahullahu 'alaihi (no. 7146-7147). Muslim dalam kitab Al-Aiman, Bab Nada Man Halafa Yaminan Fara'a Ghairaha Khairan Minha (no. 1652).

<sup>68</sup> H/R Ibnu Majah dalam kitab Al-Ahkam, Bab Dzikrul Qadhat (no. 2309). Ahmad dalam al-Musnad (111/118220). Abu Daud, kitab al-Aqidah, Bab Fi Talabil Qadha' wat Tasarru'ilihi. (no. 3578). at-Tirmizi, kitab al-Ahkam, bab Ma Jaa an-Rasulullah fil Qadha (no. 1323-1324). Beliau berkata hadis ini hasan gharib. Dilemahkan oleh Syeikh al-Albani dalam as-Silsilah adh-Dha'ifah (no. 1153-1186).

“Aku bertanya kepada Nabi ﷺ, wahai Rasulullah, apakah engkau tidak ingin memegang (memegang jawatan)? Lalu baginda menepuk bahu dengan tangannya seraya bersabda: Hai Abu Dzar, engkau ini lemah! Jawatan itu adalah amanah, yang pada Hari Kiamat kelak dipertanggungjawabkan dengan penuh kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi orang yang memenuhi syarat dan dapat melaksanakan tugas yang dibebankan kepadanya dengan baik”.<sup>69</sup>

إِنَّهَا أَمَانَةٌ ، وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خَزِيٌّ وَنَدَامَةٌ ، إِلَّا مَنْ  
أَخَذَهَا بِحَقِّهَا ، وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا .

“Sesungguhnya ia adalah amanah, dan pada Hari Kiamat ia merupakan kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi yang mengambilnya sesuai dengan haknya dan melaksanakan apa yang menjadi tuntutan”.<sup>70</sup>

Apa pun jua jawatan yang disandang oleh seseorang dalam sesebuah pemerintahan atau penguasa ia adalah amanah dari rakyat yang diamanahkan kepada para pemimpin untuk memimpin mereka. Amanah perlu diberi

---

<sup>69</sup> H/R Muslim, kitab Al-Imarah, bab Karahatul Imarah Bighairi Dharurah (2/121).

<sup>70</sup> H/R Muslim.

perhatian, diurus dan tidak boleh dipersia-siakan. Amanah tidak boleh dilepaskan dan tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja, sama ada amanah itu besar atau kecil. Maka ia tidak boleh diambil atau diserahkan kepada yang bukan pakar atau bukan ahlinya kerana Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا ضَيِّعَتِ الْأَمَانَةُ ، فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ . قِيلَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ  
وَمَا إِضَاعَتُهَا ؟ قَالَ : إِذَا وُشِدَّ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ  
السَّاعَةَ .

*“Apabila amanah itu dihilangkan, maka tunggulah kiamatnya (kehancurannya). Baginda ditanya, wahai Rasulullah bagaimana dihilangkan amanah itu? Baginda bersabda: Apabila sesuatu perkara diserahkan kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancurannya (kiamatnya)”*.<sup>71</sup>

Menerima jawatan seperti memikul tampuk pemerintahan atau penguasa adalah amanah yang besar. Balasan yang akan diterima oleh orang-orang yang tidak melaksanakan amanahnya dengan betul dan sempurna adalah neraka, kerana diharamkan kepadanya bau syurga

---

<sup>71</sup>. H/R al-Bukhari.



sebagaimana keterangannya dari hadis sahih bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا مِنْ رَاعٍ يَسْتَرْعِيهِ اللَّهُ رَعِيَّةً يَمُوتُ ، يَوْمَ يَمُوتُ وَهُوَ غَاشًّا  
لَهَا ، إِلَّا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ .

*“Tidak seorang pun pemimpin yang diserahkan Allah untuknya kepemimpinan meninggal dunia (mati), sementara dia menyeleweng (tidak amanah dalam kepemimpinannya), kecuali Allah akan mengharamkan baginya bau syurga”.*<sup>72</sup>

Berhati-hatilah kepada mereka yang memegang jawatan apa pun jenisnya, terutama yang berkaitan dengan kepemimpinan negara, politik, pemerintahan, sama ada yang dinamakan sebagai khalifah, amir, sultan, penguasa, kadi atau hakim. Rasulullah ﷺ telah memberi khabar ancaman siksa atau azab neraka bagi mereka yang tidak amanah dalam kepemimpinannya memimpin negara, rakyat atau umat sebagaimana sabda baginda:

الْقَضَاءُ ثَلَاثَةٌ : قَاضِيَانِ فِي النَّارِ ، وَقَاضٍ فِي الْجَنَّةِ .  
فَرَجُلٌ عَلِمَ الْحَقَّ وَقَصَى بِخِلَافِهِ فَهُوَ فِي النَّارِ . وَرَجُلٌ

---

<sup>72</sup>. H/R Muslim.

قَضَى بَيْنَ النَّاسِ عَلَى جَهْلٍ ، فَهُوَ فِي النَّارِ . وَرَجُلٌ عَلِمَ  
الْحَقَّ وَقَضَى بِهِ ، فَهُوَ فِي الْجَنَّةِ .

*“Kadi itu ada tiga, dua di antaranya di neraka dan yang satu akan masuk syurga. Seseorang yang mengetahui kebenaran, kemudian memutuskan perkara dengan yang sebaliknya, maka dia di neraka. Seseorang yang memutuskan perkara di kalangan manusia dengan kebodohnya, maka dia di neraka. Dan seseorang yang mengetahui kebenaran dan memutuskan perkara dengan kebenaran maka dia adalah salah seorang hakim yang berada di syurga”.*<sup>73</sup>

Tergolong dalam kalangan yang dianggap kadi di dalam hadis yang mulia ini adalah sultan, penguasa, pemerintah, orang Islam yang memimpin umat Islam atau orang Islam yang memimpin Negara Islam. *Allahu a'lam.*

\*\*\*\*\*

---

<sup>73</sup>. H/R Ahli Sunan.

(6)

\*\*\*\*\*

# DARURAT MEMAKSA MENGAMALKAN DEMOKRASI

**D**ARURAT berasal dari kata *ضرر* “*dharar*” bererti: Bahaya atau sesuatu yang diyakini boleh mendatangkan bahaya. Darurat juga bermaksud:

*“Ditimpa suatu kondisi pada manusia yang berupa kesukaran, petaka dan kesusahan yang dikhuatiri terjadinya sesuatu yang membahayakan nyawa atau menyakiti jiwa, tubuh, kehormatan, akal, harta, agama atau seumpamanya”.*

Maka disaat itu dibolehkan untuk memilih atau melakukan perbuatan yang haram, meninggalkan yang wajib, menunda amalan yang wajib dari waktu yang ditetapkan demi menolak atau menghilangkan bahaya, kerusakan atau mafsadah yang mungkin timbul sesuai dengan sangkaan yang kuat secara (mengikut landasan) hukum syarak.

Dalam kaedah *al-masaleh al-mursalah* ia mewajibkan memilih bahaya yang paling ringan atau bahaya yang paling kecil untuk menolak bahaya yang lebih besar, dengan kaedah tersebut maka hukum *darurat* disyariatkan demi mengelakkan kebinasaan, kerosakan lebih besar dan melenyapkan bahaya atau mafsadah (kerusakan) yang bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan yang lebih besar untuk meyelamatkan kepentingan agama dan umat Islam. Kerana apabila masalah yang besar dapat dicapai sehingga dapat menolak mafsadah kerosakan yang lebih besar ia dianjurkan dan dihalalkan dengan cara tetap (masih) memelihara batasan-batasan dalam menggunakan kaedah ini secara disiplin ilmu.

Menurut az-Zarkasi :

*“Bahawa darurat ialah di kemuncak batas, jika tidak menunaikan yang terlarang nescaya akan binasa atau menghampiri kebinasaan”.*

Terpaksa pula adalah:

“Ialah berkeadaan tidak boleh tidak atau mahu tidak mahu<sup>74</sup>, yang memastikan melakukan sesuatu<sup>75</sup> yang tidak boleh ditinggalkan dalam rangka menghilangkan bahaya atau yang sangat merbahaya, maka melakukan sesuatu dalam hal keadaan seperti ini disebut dalam Bahasa Arab atau menurut istilah fiqh sebagai رخصة “rukhsah”.

Di dalam syariat Islam sesuatu perkara, perbuatan atau tindakan yang terpaksa yang tiada lagi pilihan yang lain, akan mendatangkan mudarat jika dilepaskan, membahayakan sekiranya ditinggalkan atau membawa kerosakan lebih besar jika tidak dilaksanakan, maka pilihannya ialah wajib diambil dan dikerjakan kerana Allah ﷻ telah berfirman:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُحْسِنِينَ

*“Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan lakukanlah*

---

<sup>74</sup>. Lihat: Kamus Dewan, Edisi Baru.

<sup>75</sup>. Ibid.

*yang baik kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha berbuat kebaikan”<sup>76</sup>.*

Rukhsah (رخصة), hanyalah dibolehkan ketika situasi atau kondisi menghadapi keadaan yang benar-benar terpaksa, maka ketika diberi kelonggaran buat sementara dan tetap tidak akan dihalalkan jika ia adalah benda atau perkara yang telah jelas ditetapkan oleh syarak tentang haramnya, kerana penghalalannya itu hanyalah bersifat rukhsah (keringanan atau kelonggaran sementara) sebagaimana memilih sistem demokrasi di dalam sebuah negara Islam jika terpaksa dan tiada pilihan lain demi menyelamatkan agama Islam, negara dan rakyatnya.

Namun penghalalan sesuatu yang haram apabila menghadapi keadaan terpaksa, ia hanya diberi kelonggaran (rukhsah) disebabkan keterpaksannya sahaja kerana tiada pilihan yang lain. Dan ia hanya bersifat keringanan sementara untuk menolak bahaya yang lebih besar dan bukan untuk selama-lamanya.

Rukhsah (رخصة) menurut bahasa ialah:

*“Kemudahan, Kelonggaran, Keringanan, keizinan atau Kesenangan”.*

Dari segi istilah pula rukhsah ialah:

---

<sup>76</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:195.

*“Peraturan tambahan yang berhubung dengan hal-hal atau perkara yang tertentu dan memberatkan (مَشَقَّةٌ) sebagai pengecualian daripada peraturan asasi”.*

Contohnya: Semua jenis bangkai adalah haram dimakan di dalam apa situasi sekalipun. Ini disebut sebagai peraturan asas. Tetapi sebagai rukhsah apabila dalam keadaan terpaksa atau darurat jika tidak dimakan akan menyebabkan kematian yang dianggap sebagai membunuh diri kerana tidak mengamalkan kaedah rukhsah, maka bangkai tersebut boleh dimakan asalkan tidak bermaksud (berniat) menentang atau merubah hukum asal (haram) dan tidak berlebih-lebihan.

Peraturan sebegini rupa adalah pengecualian dari peraturan yang asas. Bermakna mengambil rukhsah adalah wajib diketika atau disaat itu kerana keadaan darurat yang memaksakan sebagai pilihan yang selamat. Sebagaimana yang telah disepakati dan ditetapkan oleh ahli ilmu menurut kaedah usul:

الْحَاجَةُ تَنْزِلُ مَنْزِلَةَ الضَّرُورَةِ ، خَاصَّةً كَانَتْ أَوْ عَامَّةً .

*“Keperluan (dalam keadaan terpaksa) itu ditempatkan sejajar dengan keterpaksaan, sama ada keperluan tersebut yang berupa khusus atau yang berupa umum”.*

Kaedah usul di atas adalah berdasarkan firman Allah ﷻ dan hadis-hadis sahih yang ia juga sebagai alasan atau dalil adanya rukhsah (keringanan atau kelonggaran buat sementara) bagi mereka yang menghadapi keadaan yang amat terdesak atau terpaksa. Antara dalil-dalilnya adalah firman Allah ﷻ:

فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ

رَّحِيمٌ

*"Maka sesiapa terpaksa sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas, maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".<sup>77</sup>*

إِلَّا مَنْ أَكْرَهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ

*"Kecuali orang yang terpaksa sedang hatinya tenang tenteram dengan iman".<sup>78</sup>*

Dalam keadaan keterpaksaan yang boleh mendatangkan bahaya atau mengancam keselamatan sama

---

<sup>77</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:173.

<sup>78</sup>. QS. AN-NAHL. 16:106.



ada kepada individu, masyarakat, negeri atau negara, maka diperintahkan agar mengambil yang ringan dan jalan yang lebih selamat sebagaimana firman Allah:

فَمَنْ أَضْطُرَّ فِي مَخْصَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِهِ فَإِنَّ اللَّهَ  
غَفُورٌ رَحِيمٌ

*“Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.*<sup>79</sup>

Sesuatu yang terpaksa dilakukan kerana tiada pilihan ia akan mengangkat dosa pelakunya sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ:

رُفِعَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأُ وَالنَّسْيَانُ ، وَمَا اسْتَكْرَهُوا عَلَيْهِ .

*“Terangkat (dihapuskan dosa) dari umatku kekeliruan, terlupa dan perbuatan yang dikerjakan dengan terpaksa (kerana terpaksa)”.*<sup>80</sup>

---

<sup>79</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:3.

<sup>80</sup>. H/R Ibnu Hibban.

Begitu juga apabila dikembalikan mengikut kaedah usul yang telah ditetapkan mengikut landasan hukum syarak bahawa:

مَا أُبِيحَ لِلضَّرُورَةِ يُقَدَّرُ بِقَدَرِهَا.

*“Apa sahaja yang dibolehkan kerana darurat, maka dikadarkanlah menurut kadar daruratnya”.*

Dan jika sesuatu itu terpaksa dilakukan yang tiada lagi pilihan yang lain, maka sesuatu yang diharamkan tetap diberi rukhsah untuk menghilangkan kemudaratan (bahaya) iaitu berdasarkan firman Allah ﷻ yang telah memberi rukhsah tersebut (keringanan atau kelonggaran):

فَمَنْ أَضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ  
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠١﴾

*“Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya*

sebagai rukhsah) kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”.<sup>81</sup>

Menurut ahli ilmu secara usul bahawa:

الصَّرُورَاتُ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ.

“Segala kedaruratan itu, membolehkan apa yang dilarang”.

Ada yang beralasan bahawa sukar untuk menjalankan hukum Allah ﷻ dizaman fitnah ini. Namun mengikut hukum syarak kesukaran tidak boleh menggugurkan yang wajib atau menghalalkan yang diharamkan kerana mengikut kaedah:

الْمَيْسُورُ لَا يَسْقُطُ بِالْمَعْسُورِ.

“Yang mudah dilakukan, tidak gugurkan dengan yang sukar dilakukan”.

Tidak boleh berijtihad untuk menghalalkan demokrasi kerana perlantikan pemimpin mengikut nas syarak adalah melalui syura, sedangkan demokrasi

---

<sup>81</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:3.

perlantikan pemimpin melalui suara ramai (peti undi). Mengikut kaedah usul pula adalah:

لَا مَسَآغَ لِلْإِجْتِهَادِ فِيمَا فِيهِ نَصٌّ صَرِيحٌ قَطْعِيٌّ.

*“Tidak ada kebolehan untuk berijtihad mengenai sesuatu yang padanya ada nas yang jelas dan qat’i (pasti)”.*

Tetapi telah dimaklumi iaitu hampir tiada sebuahpun Negara Islam yang terlepas dari cengkaman sistem demokrasi sekular dan tunduk di bawah penghambaan kapitalis riba. Sistem yang memberi kuasa tertinggi di tangan rakyat dan penentuan dari suara terbanyak ini asalnya bertujuan untuk melawan rejim pemerintahan, kuasa raja atau kaisar yang diktator dan juga kezaliman dewan gereja Eropah yang memperalatkan agama untuk merampas wang rakyat dan menindas rakyat.

Revolusi yang ditunggangi oleh kaum elit Yahudi telah menyumbang kepentingan bangsa Yahudi Eropah yang mengambil peluang keemasan dan kesempatan melalui sistem riba yang diharamkan di dalam sistem demokrasi sekular untuk mengumpul sebanyak mungkin kekayaan sehingga mereka mampu mengeksploitasi dan memonopoli ekonomi dunia.

Bersebab tamak dan halobanya para kapitalis Yahudi dan orang-orang yang bersekongkol dengannya telah memaksa dunia menerima sistem demokrasi kapitalisme yang menjadi penyebab beberapa peperangan dan akan terus berlaku pembunuhan (melalui peperangan) yang mengorbankan banyak jiwa dan kerosakan yang sangat besar di daratan, lautan dan udara.

Telah diriwayatkan dari Mahlab bahawa:

*“Perasaan tamak terhadap kekuasaan adalah satu sebab dari terjadinya peperangan antara manusia sehingga tertumpahnya darah dan penghalalan harta serta kehormatan. Dan merupakan kerosakan yang besar kerana ketamakan itu”*.<sup>82</sup>

Namun, sistem politik demokrasi dan ekonomi riba tetap haram sehingga ke Hari Kiamat. Umat Islam wajib berjihad untuk melawannya dan meninggalkannya agar dapat menggantikannya dengan sistem siasah Islamiyah menurut al-Quran dan as-Sunnah yang lebih dikenali dengan siasah asy-syariah. Orang-orang beriman tidak boleh menghalalkan politik demokrasi walaupun selama ini telah mengamalkannya dan terpaksa menggunakannya.

---

<sup>82</sup>. Lihat: Fathul Bari (13/126).

(7)

\*\*\*\*\*

# APAKAH PILIHANRAYA & MENGUNDI ITU HALAL?

**P**ILIHANRAYA dan mengundi untuk memilih pemimpin telah menjadi acara kemestian secara periodic dalam sistem politik demokrasi. Pada hakikatnya semua jenis sistem politik demokrasi sama ada demokrasi liberal, sosial demokrat atau apa sahaja yang dinasabkan kepada demokrasi ianya tidak pernah berfungsi secara adil walaupun cara memilih pemimpin melalui pilihanraya, suara ramai, peti undi (mengundi) yang kelihatan tiada kezaliman dan tanpa kekerasan. Walau bagaimanapun sistem politik demokrasi adalah

haram hukumnya sebagaimana yang telah dijelaskan kecuali terpaksa atau terdesak.

Setiap pengharaman yang jelas hukumnya dari al-Quran dan as-Sunnah akan kekal hukum pengharamannya, tidak boleh diubah atau dimansuhkan (dibatalkan) kecuali dalam keadaan terpaksa mengikut kaedah rukhsah sebagaimana haramnya babi, arak atau bangkai yang mana semuanya itu sama sekali tidak pernah diharamkan oleh syarak, namun apabila terpaksa ia diberi rukhsah (keringanan) kerana keterpaksaannya dan jika sekiranya ditinggalkan akan membawa kepada bahaya sama ada kepada jasad, agama, harta, rakyat atau negara.

Pelaksanaan demokrasi hanya dibolehkan di dalam keadaan terdesak atau darurat, seperti dikhuatirkan membahayakan umat Islam jika negara jatuh ke tangan orang-orang kafir atau diperintah oleh seorang penguasa yang kafir sedangkan masih ada peluang untuk orang Islam mempertahankannya walau pun melalui demokrasi, maka demi melindungi akidah Islamiyah atau syariat Islamiyah dan melaksanakan serta memelihara kewajipan Islam yang berbentuk fardu 'ain atau fardu kifayah, maka hendaklah dipilih yang lebih ringan dari tertimpa bahaya yang lebih besar yang boleh mengakibatkan mafsadah atau malapetaka yang lebih besar kepada agama Allah (Islam) dan umat Islam jika sesuatu yang boleh menyelamatkan itu tidak digunakan.

Menurut ahli ilmu, apabila seseorang menghadapi dua keadaan yang bahaya sama ada pada agama, jiwa, negara atau dunia, maka hendaklah diambil yang lebih ringan dari bahaya yang lebih besar sebagaimana dikatakan dan ditetapkan menurut kaedah usul:

أَخَفٌ مِنْ ضَرَارَيْنِ

*“Bermaksud: Mengambil yang lebih ringan dari bahaya yang lebih besar”.*

Sebagaimana yang telah disyariatkan di dalam firman Allah ﷻ:

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ تُلْخِفَ عَنْكُمْ<sup>٤٤</sup> وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا

*“Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumNya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah”.*<sup>83</sup>

Sebagaimana juga telah disebut ahli ilmu melalui kaedah usul:

الضَّرُورَاتُ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ.

<sup>83</sup> . QS. AN-NISA'. 4:28.



*“Segala kedaruratan itu (keterpaksaan) telah membolehkan apa-apa yang dilarang”.*

Dan Rasulullah ﷺ telah bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

*“Tidak boleh (membiarkan yang bahaya) dan yang mendatangkan bahaya”<sup>84</sup>*

Menurut kaedah usul sesuatu yang sangat diperlukan untuk menolak yang bahaya, maka ia perlu didahulukan:

الْحَاجَاتُ تَنْزِلُ مَنْزِلَةَ الضَّرُورَاتِ فِي إِبَاحَةِ الْمَحْظُورَاتِ

*“Sesuatu yang sangat diperluan ditempatkan pada posisi darurat dalam memperbolehkan hal-hal yang dilarang”.*

Sehingga di tetapkan:

الْحَرَجُ شَرْعًا مَرْفُوعًا.

---

<sup>84</sup>. Hadis Sahih.

*“Kesulitan dapat dihilangkan menurut ketetapan syarak”.*

Allah ﷻ telah menetapkan bahawa Dia tidak akan memberatkan hambanya sama ada dalam hal keduniaan seperti politik (siasah) atau hal-hal yang berkaitan dengan keakhiratan kecuali sekadar kemampuan mereka sebagaimana firman Nya:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ ۖ

*“Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan)”.*<sup>85</sup>

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ۚ

*“Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama”.*<sup>86</sup>

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُخَفِّفَ عَنْكُمْ ۚ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا ۝

<sup>85</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:6.

<sup>86</sup>. QS. AL-HAJJ. 22:78.

*“Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukum Nya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah”.*<sup>87</sup>

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

*“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya”.*<sup>88</sup>

Dan Rasulullah ﷺ telah bersabda:

بُعِثْتُ بِالْحَنِيفِيَّةِ السَّمْحَةِ.

*“Aku diutus untuk bermurah hati dengan (agama) yang cenderung kepada kemudahan (toleran)”.*

Ketahuiilah bahawa Allah ﷻ mengharamkan orang-orang yang beriman mencampakkan diri mereka ke dalam keadaan yang membahayakan atau kepada kebinasaan. Dia memerintahkan para hamba Nya yang beriman agar mengelakkan atau menjauhkan diri dari perkara-perkara yang tidak mendatangkan kebaikan, atau yang mengakibatkan kehancuran, kerosakan, kemudaratan

---

<sup>87</sup>. QS. AN-NISAA 4:28.

<sup>88</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:186.

atau ancaman kepada diri, negara, rakyat atau agama Islam itu sendiri. Oleh itu jika umat Islam tidak melibatkan diri dalam pilihanraya dan tidak keluar mengundi, pastinya ia akan membahayakan negara dan umat Islam itu sendiri, maka Allah ﷻ berfirman:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِكُمْ إِلَى الْهَلَكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُحْسِنِينَ

*“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.*<sup>89</sup>

Setiap Muslim adalah dipertanggungjawabkan menjaga dan memelihara keselamatan saudaranya yang seagama lebih-lebih lagi kalau serumpun dan senegara, oleh itu Rasulullah ﷺ bersabda menjelaskan sifat orang-orang beriman:

---

<sup>89</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:195.

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا ، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ  
كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ ، يَسَّرَ  
اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا ، سَتَرَهُ اللَّهُ  
فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ، وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا دَامَ الْعَبْدُ فِي  
عَوْنِ أَخِيهِ.

*“Sesiapa yang menolong melepaskan dari seorang mukmin suatu kesusahan (kemelaratan) dunia, Allah akan melepaskan darinya kesusahan di akhirat. Sesiapa yang menolong memudahkan kesulitan (kesusahan) seseorang, Allah akan memudahkan kepayahannya di dunia dan di akhirat. Sesiapa yang melindungi seorang Muslim, Allah akan melindunginya di dunia dan di akhirat. Allah Ta’ala akan menolong hamba Nya selagi hamba Nya itu menolong saudaranya”.*<sup>90</sup>

كُلُّكُمْ رَاعٍ ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، الْإِمَامُ رَاعٍ  
وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ ، وَمَسْئُولٌ عَنْ

---

<sup>90</sup>. H/R Muslim (no. 4867) az-Zikr wa ad-Doa wal-Istighfar. at-Tirmizi (no. 1345) al-Hudud. Abu Daud (no. 4295) al-Adab. Ibnu Majah (no. 221) al-Muqaddimah. Ahmad (no. 7118). al-Baihaqi, Musnad al-Mutakhirin.

رَعِيَّتِهِ ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا ، وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا ، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

“Setiap kamu adalah pemimpin dan kamu akan diminta bertanggungjawab tentang apa yang kamu pimpin. Seorang imam (penguasa/pemimpin) adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepemimpinannya. Seorang suami adalah pemimpin terhadap keluarganya dan akan dipertanggungjawabkan terhadap kepemimpinannya. Seorang wanita (isteri) adalah pemimpin di dalam rumah suaminya dan akan diminta bertanggungjawab di atas kepemimpinannya. Seorang pembantu adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas harta majikannya. Maka setiap kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepemimpinannya”.<sup>91</sup>

\*\*\*\*\*

---

<sup>91</sup>. Hadis Muttafaq' Alaihi.

(8)

\*\*\*\*\*

## APABILA DALAM KEADAAN TERPAKSA

**T**ERPAKSA yang disebut dalam Bahasa Arab الإكراه *الإكراه* menurut istilah ilmu fiqh: “Memaksa seseorang untuk mengerjakan atau mengatakan sesuatu yang dia tidak suka (tidak rela) melakukannya”.

Terjadinya perkara ini kerana ada pihak yang memaksa, ada yang memaksakan atau keadaan darurat yang menjadikan ia sangat terpaksa melakukannya. Di dalam Islam, apa sahaja yang terpaksa yang tiada pilihan yang lain sehingga keterpaksaan tersebut apabila ditinggalkan akan memberi kesan yang amat buruk, kemudaratan yang parah, mendatangkan bahaya yang

lebih besar atau akan membinasakan umat Islam, maka hal tersebut dihukum sebagai rukhsah (keringanan sementara) yang wajib dikerjakan demi keselamatan atau menyelamatkan keadaan sama ada yang berkaitan dengan dunia berupa politik, ekonomi, sosial, undang-undang dan sebagainya, atau yang berkaitan dengan keakhiratan seperti solat, puasa, haji dan ibadah-ibadah yang lainnya. Allah ﷻ berfirman:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ  
نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ  
إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ  
الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

*"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan Hari Akhirat. Dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia. Dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat Nya yang melimpah-limpah). Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya*



*Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".<sup>92</sup>*

Begitulah juga (sebagaimana yang telah dijelaskan di atas) bahawa keterpaksaan sehingga mendesak dan memaksa umat Islam memilih atau menggunakan sistem demokrasi (kerana tiada pilihan yang lain), iaitu keterpaksaan yang membawa kepada keadaan yang dianggap sebagai darurat, maka dibolehkan sebagai rukhsah (keringanan sementara) berdasarkan firman Allah:

إِلَّا مَنْ أَكْرَهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ  
بِالْكَفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ

عَظِيمٌ ﴿١٦﴾

*"Kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman. Akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar".<sup>93</sup>*

---

<sup>92</sup>. QS. QL-QASAS 28:77.

<sup>93</sup>. QS. AN-NAHL 16:106.

Sudah dimaklumi bahawa setiap orang yang beriman akan membenci setiap perkara yang telah diharamkan oleh syarak (seperti sistem demokrasi), tetapi di dalam hal keterpaksaan dan terdesak yang tiada lagi pilihan lain, maka mereka akan sentiasa berdoa meminta petunjuk kepada Allah ﷻ, berserah kepada Nya dan kemudian berusaha ke arah yang lebih baik, sempurna, selamat dan kurang risiko yang membahayakan umat manusia, kerana mereka meyakini bahawa sesuatu yang dibenci tetapi jika tiada pilihan (terpaksa), maka pilihan utama ialah mendahulukan firman Allah ﷻ kemudian sabda Rasul ﷺ. Firman Nya:

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۗ تَدَّبَّرُوا

*“Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu (antaranya kerana terpaksa dilakukan) padahal ia baik bagi kamu”.*<sup>94</sup>

Dan Rasulullah ﷺ telah bersabda:

رَفَعَ عَنِ أُمَّتِي الْخَطَأَ وَالنَّسْيَانَ ، وَمَا سَتُّرَهُوْا عَلَيْهِ .

---

<sup>94</sup> . QS. AL-BAQARAH 2:216.

*“Terangkat dari umatku kekeliruan, lupa dan perbuatan yang dikerjakan kerana terpaksa”.*<sup>95</sup>

Allah ﷻ inginkan keringanan untuk setiap hamba Nya terutama diketika menghadapi darurat, bahaya atau kesulitan sebagaimana firman Nya:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ ﴿١٨٥﴾

*“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”.*<sup>96</sup>

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ تَخْفَفَ عَنْكُمْ ۖ وَخَلَقَ الْإِنْسَانَ ضَعِيفًا ﴿٢٨٦﴾

*“Allah hendak meringankan beban dari kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah”.*<sup>97</sup>

Sebagaimana juga hadis Nabi Muhammad ﷺ:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى رُخَصَهُ ، كَمَا يَكْرَهُ أَنْ تُؤْتَى مَعْصِيَتُهُ .

<sup>95</sup>. H/R Ibnu Hibban dan at-Tabrani.

<sup>96</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:185.

<sup>97</sup>. QS. AN-NISAA 4:28.

“*Sesungguhnya Allah suka jika keringanan Nya dikerjakan sebagaimana Dia benci jika orang membuat kemaksiatan*”.<sup>98</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : إِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُيَسَّرِينَ ، وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسَّرِينَ .

“*Dari Abu Hurairah رضي الله عنه berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhnya kamu semua diutus untuk menjadi pembawa kemudahan dan bukanlah diutus untuk pembawa kesulitan*”.<sup>99</sup>

طه ﴿١٠﴾ مَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتَشْقَى

“*Thaahaa. Kami tidak menurunkan al-Quran kepadamu (Wahai Muhammad) supaya Engkau menanggung kesusahan*”.<sup>100</sup>

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿١١﴾

---

<sup>98</sup> H/R Ahmad.

<sup>99</sup> H/R al-Bukhari dan Muslim.

<sup>100</sup> QS. TAHA 20:1-2.

“Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan”.<sup>101</sup>

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya”.<sup>102</sup>

Ayat ini bersambung dan menjelaskan keadaan orang beriman dalam keadaan yang terdesak, mereka berdoa meminta pertolongan dan pengampunan dari Allah ﷻ, berserah diri kepada Nya dan meminta pengampunan dari Nya di atas segala kesalahan atau kesilapannya:

لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن  
نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِيْرًا كَمَا  
حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا

---

<sup>101</sup>. QS. AL-INSYIRAH 94:5.

<sup>102</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:287.

طَاقَةَ لَنَا بِهِ<sup>ص</sup> وَأَعْفُ عَنَّا وَآغْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا<sup>ع</sup> أَنْتَ

مَوْلَانَا فَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿١٠٣﴾

*"Ia (sesiapapun) akan mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah! Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami! Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya! Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami, oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir".<sup>103</sup>*

Oleh itu, apabila sebuah Negara Islam terpaksa (حَالَةً الْإِكْرَاهِ) "Menghadapi Situasi Yang Amat Memaksa/Terpaksa" seperti terpaksa memelihara kebesaran Islam agar tidak dihina, dihinjak-hinjak dan

---

<sup>103</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:286.

hak-hak umat Islam dinodai agar kemuliaan Islam dijaga dan dipelihara maka keterpaksaan untuk memelihara dan menjaga semuanya itu adalah sebagai rukhsah demi menjaga kesucian dan kebesaran Islam. Allah ﷻ berfirman:

وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ

*“Padahal bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi Rasul Nya serta bagi orang-orang yang beriman”*.<sup>104</sup>

Rasulullah ﷺ pula bersabda:

الإِسْلَامُ يَغْلُو وَلَا يُعْلَى عَلَيْهِ.

*“Islam adalah sentiasa di atas dan tidak ada sesiapa yang boleh mengatasinya”*.

Apabila berlaku keterpaksaan untuk memelihara masalah, keselamatan dan segala kepentingannya umat Islam agar tidak terganggu yang caranya hanya melalui memilih pemimpin mengikut sistem pilihanraya (pengamalan sistem demokrasi), maka wajib bagi umat Islam keluar mengundi untuk memilih orang Islam sebagai pemimpin mereka, agar pemerintah, pemerintahan

---

<sup>104</sup>. QS. AL-MUNAFIQUN 63:8.

atau kepimpinan tidak jatuh ke tangan orang-orang kafir atau kekuasaan orang kafir. Dan jika kembali kepada kaedah usul bawaha:

*“Sesuatu keperluan itu ditempatkan sejajar dengan keterpaksaan, sama ada bersifat khusus atau yang bersifat umum”*.<sup>105</sup>

Oleh itu, Syeikh Muhaddis Muhammad Nasaruddin al-Albani rahimahullah membolehkan umat Islam keluar mengundi memilih pemimpin Islam demi menyelamatkan umat dari dikuasai oleh orang kafir. Turut membolehkannya ialah Syeikh Abdul Aziz bin Bazz rahimahullah dan ramai lagi dari kalangan ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah yang bermanhaj Salaf as-Soleh mengizinkan tindakan tersebut.<sup>106</sup>

Telah sepakat para ulama usul melalui kaedah usul bawaha:

مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

*“Sesuatu perkara yang wajib tidak akan sempurna kecuali dengannya, maka perkara yang*

---

<sup>105</sup> Ibnu Nujaim, Hlm. 43.

<sup>106</sup> Penjelasan lanjut di dalam kitab: تنوير الظلمات بكشف مفاصل وشبهات الانتخابات  
Oleh syeikh Muhammad bin Abdullah al-Imam.



boleh menyempurnakannya itu adalah menjadi wajib”.

Oleh kerana itu, jika sekiranya tidak akan sempurna kekuasaan pemerintahan, kuasa dan politik ditangan orang-orang Islam kecuali dengan cara pilihan raya dan mengundi, maka dua perkara ini adalah menjadi wajib dilakukan demi menyelamatkan Negara Islam dan umat Islam diperintah dan dikuasai oleh orang-orang kafir. Allah ﷻ tidak mengizinkan orang Islam mengambil orang kafir sebagai pemimpin mereka selagi ada orang Islam sebagaimana firman Nya:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ  
وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا  
مِنْهُمْ تَقْلَةً وَيُحَذِّرْكُمْ اللَّهُ نَفْسَهُ ۗ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ

“Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi pemimpin dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apapun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang

ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu). Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan dirinya (menyeksa kamu) dan kepada Allah jualah tempat kembali".<sup>107</sup>

الَّذِينَ يَتَّخِذُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ  
أَيَّبْتَغُونَ عِنْدَهُمُ الْعِزَّةَ فَإِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ﴿١٠٧﴾

"(Iaitu) orang-orang yang mengambil orang-orang kafir menjadi pemimpin dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Tidaklah patut mereka (orang-orang munafik) mencari kekuatan dan kemuliaan di sisi orang-orang kafir itu, kerana sesungguhnya kekuatan dan kemuliaan itu semuanya ialah milik Allah, (diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki Nya)".<sup>108</sup>

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ  
الْمُؤْمِنِينَ ءَأُرِيدُونَ أَنْ تَجْعَلُوا لِلَّهِ عَلَيْكُمْ سُلْطَنَا مُبِينًا

<sup>107</sup>. QS ALI IMRAN 3:28.

<sup>108</sup>. QS. AN-NISAA 4:139.

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi pemimpin dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Adakah kamu hendak mengadakan alasan yang terang nyata bagi Allah untuk (menyeksa) kamu?”<sup>109</sup>

يَتَّيِّبُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ اَوْلِيَاءَ

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuh Ku dan musuh kamu menjadi teman rapat!”<sup>110</sup>

مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللّٰهِ اَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ  
الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا ۗ وَاِنَّ اَوْهَرَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ  
الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

“Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain Allah adalah seperti labah-labah yang membuat sarang. Dan

<sup>109</sup>. QS. AN-NISAA 4:144.

<sup>110</sup>. QS. AL-MUMTAHINAH 60:1.

*sesungguhnya sarang yang paling lemah ialah sarang labah-labah kalau mereka mengetahui”<sup>111</sup>*

Demokrasi tidak boleh dihalalkan atau dianggap halal sekalipun keadaan amat mendesak sehingga terpaksa menggunakan sistem tersebut. Namun Syariat Islam memberi rukhsah ketika menempuh keadaan darurat. Janganlah pula kerana terpaksa ia tidak dianggap sebagai rukhsah sebaliknya dihalalkan (sebagaimana tindakan sebuah parti yang mengaku sebagai parti Islam dan dianggotai oleh mereka yang digelar ulama).

Mereka telah menghalalkan sistem demokrasi malah mensetarakan demokrasi dengan Islam atau parti Islam (hizbul Islam atau hizbullah) atau siasah Islamiyah, sedangkan tindakan mereka ini adalah batil, haram, zalim, kekufuran dan amat mungkar yang semungkar-mungkarnya. Tindakan mereka (walaupun bergelar ulama) samalah seperti mengada-adakan kedustaan terhadap agama Allah. Fahamilah firman Allah ﷻ yang memberi inzar (peringatan kepada mereka):

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِالْحَقِّ  
لَمَّا جَاءَهُ ۗ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْكَافِرِينَ ﴿٦٨﴾

---

<sup>111</sup>. QS. AL-ANGKABUT 29:41.

*“Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara-perkara yang dusta terhadap Allah, atau mendustakan kebenaran setelah kebenaran itu disampaikan kepadanya. Bukankah (telah diketahui bahawa) dalam neraka jahanam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang yang kafir?”*<sup>112</sup>

Percayalah bahawa siasah Islamiyah termasuk salah satu dari bidang hukum-ahkam dari Allah ﷻ. Ia sama sekali tidak boleh disetarakan dengan hukum-ahkam ciptaan manusia seperti demokrasi. Jika tidak berhukum dengan hukum Allah itu adalah kafir, zalim atau fasik, maka orang yang menghalalkan demokrasi disaat terpaksa menggunakannya dikhuatiri termasuk dalam golongan orang-orang yang sengaja menukar hukum-ahkam Allah dan digantikan dengan hukum-ahkam taghut yang bertujuan untuk menghalalkan hukum-ahkam tersebut.

Mereka yang terbabit dalam penghalalan hukum taghut tanpa sebab, alasan atau keuzuran syarii, maka mereka adalah pelaku maksiat dan juga boleh termasuk ke dalam kalangan orang-orang yang dimaksudkan oleh firman Allah di dalam ayat Nya:

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿١١﴾

---

<sup>112</sup>. QS. AL-ANGKABUT 28:68.

*“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir”.*<sup>113</sup>

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

*“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.*<sup>114</sup>

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

*“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik”.*<sup>115</sup>

Adalah kesilapan jika ada yang menyangka bahawa Islam tidak mempunyai sistem politik atau siasah. Siasah Islamiyah atau siasah asy-syariyah tidak berjenama demokrasi dan hanya dapat ditegakkan dengan hidayah dan pertolongan Allah melalui al-Quran dan as-Sunnah, bukan dengan jalan sistem demokrasi walaupun mendapat

---

<sup>113</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:44.

<sup>114</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:45.

<sup>115</sup>. QA. AL-MAIDAH 5:47.

tentang dari musuh-musuh dan mereka yang tidak senang dengan hukum Allah, kerana Allah ﷻ telah berfirman:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِّنَ الْمُجْرِمِينَ وَكَفَىٰ  
بِرَبِّكَ هَادِيًا وَنَصِيرًا ﴿٣١﴾

*“Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi musuh dari kalangan orang-orang yang bersalah. Dan cukuplah tuhanmu (Wahai Muhammad) menjadi pemimpin (ke jalan mengalahkan mereka) serta menjadi penolong (bagimu terhadap mereka).”<sup>116</sup>*

Musuh para Nabi dan musuh orang-orang yang beriman adalah orang-orang yang bersalah, iaitu antaranya adalah orang-orang yang meninggalkan kemudian menukar, menggantikan atau merubah apa pun jenis jalan petunjuk Allah dengan yang lain dan seterusnya menghalalkannya.

Allah ﷻ tidak akan memberi pertolongan sama ada di dunia atau di akhirat ke atas mereka yang merubah hukum Nya, seperti peraturan (sistem) politik Islam

---

<sup>116</sup>. QS. AL-FURQAN 25:31.

dengan menghalalkan hukum-ahkam politik yang lain, mendakwanya sebagai sistem Islam dengan mensetarakan atau menyamakan hukum Allah (siasah Islamiyah) dengan hukum buatan mereka (menyamakan demokrasi dengan Islam). Mereka akan menjadi musuh Nabi dan musuh orang-orang yang beriman.<sup>117</sup>

\*\*\*\*\*

---

<sup>117</sup>. Lihat: Madariku An-Nazar Fi As-Siasah Baini Ath-Thabbiqat Asy-Syariah. Oleh Syeikh Abdul Malik Ramadan Al-Jazairi.




(9)

\*\*\*\*\*

## PEMIMPIN YANG ZALIM

**Z**ALIM atau kezaliman apabila dilakukan oleh pemimpin adalah musuh, penyebab dan punca berbagai kerosakan, kehancuran serta timbulnya rasa kebencian rakyat terhadap pemimpin atau penguasa. Namun menurut neraca dan nilai piawai siasah Islamiyah pemimpin yang zalim tetapi masih mampu memelihara kepentingan umat atau rakyat, maka ia lebih diutamakan dari seorang pemimpin yang soleh tetapi banyak membawa kerosakan kepada negara, agama rakyat atau umat Islam.

Contoh tauladan yang boleh dijadikan pelajaran dan rujukan dalam hal ini ialah jawapan Imam Ahmad  atas pertanyaan mengenai dua figure komandan perang, seorang yang kuat namun pelaku dosa, sedangkan yang

satu lagi orang soleh tetapi daya pemikiran dan fizikalnya lemah, maka siapakah yang lebih tepat dijadikan sebagai komandan perang di antara keduanya? Lantas Imam Ahmad ﷺ mengemukakan pendapat dan fatwanya:

*“Perihal komandan yang kuat namun pelaku dosa, maka kekuatannya itu untuk kaum Muslimin, sedangkan kesukaannya untuk berbuat dosa hanyalah tertimpa pada dirinya sendiri. Sementara komandan yang soleh namun lemah, maka kesolehannya itu hanya berindikasi kaum Muslimin, kerananya hendaklah berperang bersama komandan (pemimpin perang) yang kuat meskipun dia pelaku dosa. Imam Ahmad ﷺ menjelaskan: Kerana menurut keumuman cara melantik pemimpin menurut panduan dari sabda Rasulullah ﷺ adalah:*

إِنَّ اللَّهَ يُؤَيِّدُ هَذَا الدِّينَ بِالرَّجُلِ الْفَاجِرِ.

*“Sesungguhnya (disuatu ketika) Allah akan memperkuat posisi agama ini dengan orang yang fajir (pelaku dosa)”.*<sup>118</sup>

Dan diriwayat yang lain pula Rasulullah ﷺ bersabda:

---

<sup>118</sup>. H/R al-Bukhari.

*“Sesungguhnya Allah ﷻ akan memperkuat keadaan agama ini dengan (kepimpinan) suatu kaum yang tidak mempunyai bahagian sedikit pun dari agama”.*

Begitulah keadaan umat Islam diakhir zaman di mana hampir kebanyakan para pemimpin Negara-negara Islam tidak lagi diterajui oleh orang-orang yang soleh, sebaliknya dipimpin oleh mereka yang awam tentang agama, sehingga yang terpilih menjadi pemimpin terdiri dari mereka yang berfahaman dengan berbagai-bagai ideologi seperti demokratik, fasisme, kapitalisme, sosialisme, liberalisme dan berbagai-bagai lagi, tetapi mereka mempunyai kewibawaan dan kebijaksanaan tentang pengurusan negara dan rakyat, malah ada juga para pemimpin yang jelas zalimnya. Namun, walaupun begitu keadaannya umat Islam tetap diwajibkan agar taat kepada pemimpin tersebut selagi mereka tidak menyuruh berbuat kemungkaran maka diperintah agar sentiasa mendengar dan taat kepadanya, sebagaimana yang telah perintahkan dan dikhabarkan oleh Rasulullah ﷺ:

يَكُونُ بَعْدِي أُمَّةٌ ، لَا يَهْتَدُونَ بِهَدْيِي ، وَلَا يَسْتَتُونَ  
بِسُنَّتِي ، وَسَيَقُومُ فِيكُمْ رِجَالٌ قُلُوبُهُمْ قُلُوبُ الشَّيَاطِينِ  
فِي جُثْمَانِ إِنْسٍ ، قُلْتُ : كَيْفَ أَصْنَعُ إِنْ أَدْرَكْتُ ذَلِكَ ؟

قَالَ : تَسْمَعُ وَتُطِيعُ الْأَمِيرَ ، وَإِنْ ضَرَبَ ظَهْرَكَ وَأَخَذَ مَالَكَ .

"Akan berlaku selepas peninggalanku nanti para pemimpin yang tidak mengikut petunjukku, tidak mengikut sunnahku dengan panduan sunnahku. Akan muncul pula di kalangan kamu orang-orang yang hatinya adalah hati syaitan (manusia berhati syaitan). Aku (Huzaiifah) bertanya: Apakah harus aku lakukan jika aku menemuinya? Baginda bersabda: Hendaklah kamu mendengar dan taat kepada pemimpin walaupun dia memukul punggungmu dan merampas harta-bendamu".<sup>119</sup>



عَنْ وَائِلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ عَلَيْنَا أُمَرَاءُ ، يَمْنَعُونَا حَقَّنَا وَيَسْأَلُونَا حَقَّهُمْ ؟ فَقَالَ : إِسْمَعُوا وَأَطِيعُوا ، فَإِنَّمَا عَلَيْهِمْ مَا حَمَلُوا ، وَعَلَيْكُمْ مَا حَمَلْتُمْ .


"Dari Wail رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ berkata: Kami bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimana pendapatmu jika kami mempunyai pemimpin yang menahan hak kami dan mereka meminta hak mereka dari kami? Baginda menjawab: (Sewajarnya kamu) sentiasa mendengar


---

<sup>119</sup> . H/R Bukhari dan Muslim.

*dan mentaati mereka kerana hanyalah atas mereka apa yang mereka kerjakan dan atas kamu apa yang kamu kerjakan".<sup>120</sup>*

Dari Abdullah bin Masoud , beliau berkata:  
Bahawasanya Rasulullah  bersabda:

*"Sesungguhnya akan berlaku selepas peninggalanku sikap pemerintah yang merampas harta kamu dan melakukan berbagai-bagai perkara yang kamu ingkari. Para sahabat bertanya: Apakah yang engkau perintahkan pada kami diketika itu wahai Rasulullah? Baginda  bersabda: Tunaikanlah kewajipan kamu dan berdoalah kepada Allah untuk mendapatkan hak kamu".<sup>121</sup>*

Imam Nawawi  berkata dan menjelaskan tentang hadis di atas ini bahawa:

*"Dalam hadis ini terdapat suatu perintah supaya mendengar dan taat, walaupun si Penguasa zalim dan kejam. Hak untuk ditaati tetap wajib dijunjung, tidak boleh memberontak kepadanya. Bahkan semestinya tetap bertakarrub dan berdoa*

---

<sup>120</sup>. H/R Muslim (1846).

<sup>121</sup>. H/R Bukhari (13/5). Muslim (3/1472).

kepada Allah untuk menghilangkan kejahatannya dan menolak keburukannya".<sup>122</sup>

Ibnu Allan ﷺ pula berkata:

*"Pada hadis ini ada perintah supaya bersabar menghadapi takdir Allah dan reda atas ketetapan yang manis atau yang pahit, serta pasrah terhadap kehendak Allah ﷻ yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".<sup>123</sup>*

Oleh itu menurut kesepakatan ulama Salaf as-Soleh bahawa sultan, pemimpin, penguasa atau pemerintah wajib ditaati walaupun melakukan kezaliman kecuali setelah terbukti mereka melakukan dan memerintahkan kepada kekufuran yang nyata. Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

إِنَّكُمْ سَتَرُونَ بَعْدِي أُمَّةً ، وَأُمُورًا تُنْكِرُونَهَا . قَالُوا : فَمَا تَأْمُرُنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟ قَالَ : أَدُّوا إِلَيْهِمْ حَقَّهُمْ ، وَاسْأَلُوا اللَّهَ حَقَّكُمْ .

---

<sup>122</sup>. Lihat: Syarah Muslim (12/232). An-Nawawi.

<sup>123</sup>. Lihat: Dalil Ghalihin.

“Sesungguhnya kamu akan menyaksikan setelah (kewafatan)ku penghambaan (penindasan) dan berbagai-bagai masalah yang kamu ingkari. Mereka (para sahabat) bertanya: Maka apa yang engkau perintahkan kepada kami wahai Rasulullah? Baginda bersabda: Tunaikanlah kepada para penguasa itu hak-hak mereka dan mintalah hak-hak kamu kepada Allah”.<sup>124</sup>

Rasulullah ﷺ dengan keras dan tegas mengharamkan setiap orang beriman menentang dan melawan pemerintah yang sah walaupun pemerintah itu fajir (zalim atau jahat) terhadap rakyat. Baginda ﷺ bersabda:

سَيَكُونُ بَعْدِي سُلْطَانٌ ، فَمَنْ أَرَادَ ذَلِكَ ثَغَرَ فِي الْإِسْلَامِ  
ثَغْرَةً ، وَلَيْسَتْ لَهُ تَوْبَةٌ ، إِلَّا أَنْ يَسُدَّهَا ، وَلَيْسَ يَسُدُّهَا  
إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ .

“Disuatu saat nanti akan muncul seorang sultan (pemerintah), sesiapa sahaja yang hendak menghinakannya bererti dia telah menikam agama Islam dan tiada pintu taubat baginya kecuali dia

---

<sup>124</sup>. H/R al-Bukhari dan Muslim.

*mahu memperbaikinya, tetapi tidak akan berdaya memperbaikinya sampailah Hari Kiamat”.*<sup>125</sup>

Seterusnya Rasulullah ﷺ menegaskan di hadis yang lain dengan sabdanya:

لَا مَا أَقَامُوا فِيكُمْ الصَّلَاةَ ، وَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْ وُلَاتِكُمْ شَيْئًا  
تَكْرَهُونَهُ فَأَكْرَهُوا عَمَلَهُ ، وَلَا تَنْزِعُوا يَدًا مِنْ طَاعَةٍ.

*“Tidak, (tidak boleh melawan atau menentang pemerintah) selama mereka masih melaksanakan solat bersama kamu! Lalu kamu mendapati sesuatu yang tidak kamu sukai pada pemerintah, bencilah perbuatannya dan janganlah kamu menarik tangan untuk tidak mentaatinya”.*

Penghormatan atau penghinaan Allah ﷻ terhadap seseorang individu bergantung kepada bagaimana ia melayan dan menghadapi tindakan pemerintah, jika ia menghormati pemerintah ia akan dihormati dan sebaliknya jika dia menghina pemerintah ia akan mendapat kehinaan dari Allah ﷻ. Rasulullah ﷺ telah bersabda:

---

<sup>125</sup>. Lihat: As-Sunnah 2/490-492. Ibnu Abi ‘Asim.



عَنْ أَبِي بَكْرَةَ رضي الله عنه قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ :  
: أَلْسُلْطَانُ ضِلُّهُ اللهُ فِي الْأَرْضِ ، فَمَنْ أَكْرَمَهُ أَكْرَمَهُ اللهُ وَمَنْ  
أَهَانَهُ أَهَانَهُ اللهُ.

*"Dari Abi Bakrah رضي الله عنه beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: Sultan (pemimpin) adalah naungan Allah di bumi<sup>126</sup>, sesiapa menghormatinya, Allah akan menghormatinya dan barangsiapa yang menghinakannya, maka Allah akan menghinakan dirinya".<sup>127</sup>*

Antara kemungkaran dari berbagai kemungkaran serta kezaliman yang dilakukan oleh pemerintah ialah mengamalkan sistem politik demokrasi dan ekonomi riba dengan kerelaan dan keredaan hatinya atau menghalalkannya. Tetapi jika tidak ada jalan lain dan terpaksa, maka ia kembali kepada hukum asal iaitu sebagai rukhsah (keringanan) yang bersifat sementara sahaja dan wajib mengingkarinya.

---

<sup>126</sup>. Hadis ini diriwayatkan dalam berbagai hadis dari Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Diriwayatkan oleh Abu Bakar, Umar, Ibnu Umar, Abu Bakrah, Anas dan Abu Hurairah. Berkata Ibnu Abi Zamanain: *"Ini perkataan ahli sunnah"*. Lihat: Usulus Sunnah hlm. 105-106. Ibnu Abi Asim. Lihat: Al-Maqasidul Hasanah, Raf'u Asy-Syukuki fi Mafakhiri al-Muluk (2/492) As-Sakhawi. Lihat: As-Sunnah, Fasal ketujuh berkenaan larangan mencela umara (pemimpin). Ibnu Abi Asim.

<sup>127</sup>. Ibid.

(10)

\*\*\*\*\*

# SIMBOL & TANDA KEKALAHAN MASYARAKAT ISLAM

**S**IMBOL atau tanda kelemahan, kekalahan dan kejatuhan sesebuah Negara Islam adalah apabila mereka mengambil dan mendaulatkan sistem politik demokrasi yang sekular sebagai pengganti untuk mengambil alih atau mengambil kedudukan *Siasah Islamiyah* atau *Siasah Asy-Syariah* yang berdasarkan al-Quran dan al-Hadis. Penerimaan demokrasi oleh masyarakat Islam atau Negara Islam adalah simbol dan tanda kekalahan, kehancuran serta kejatuhan Daulah Islamiyah.

Ideologi demokrasi adalah sebuah hadiah palsu dan memalukan yang diberikan oleh penjajah (Winston Churchill) kepada Mesir setelah sekian lama Negara Islam itu merayu untuk dimerdekakan. Satu sindiran yang sinis terlalu memedihkan hati orang-orang yang beriman dan sedar akan kemuliaan Islam telah diucapkan oleh si Biadap ini kepada umat Islam di Mesir:

*“Give them a toy to play with: Berikan mereka satu mainan (demokrasi) supaya mereka bermain-main dengannya”*.<sup>128</sup>

Hanya orang yang berakal, berilmu dan benar-benar beriman sahaja yang dapat merasakan dan memahami penghinaan si Kafir ini terhadap umat Islam di Mesir. Allah ﷻ telah mengkhabarkan tentang kejinya sikap Yahudi dan Nasrani terhadap umat Islam. Firman Nya:

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُمْ مِن بَعْدِ  
إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِندِ أَنفُسِهِمْ مِّنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ  
لَهُمُ الْحَقُّ

---

<sup>128</sup>. Lihat: Pilihanraya Malaysia, Hlm. 3. DBP. Kem. Pen. Malaysia. 1987. Muhammad Salleh Abbas.

*“Kebanyakan orang-orang Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaulah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul dari diri mereka sendiri sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad)”*.<sup>129</sup>

Sedihnya, apakah peranan universiti Islam tertua al-Azhar yang tersergam di Mesir di dalam isu ini? Ke manakah para alim ulamanya? Di manakah para intelektual lulusan universiti yang ribuan banyaknya? Mengapakah mereka tumpang bersama melonjak-lonjak kegembiraan memperolehi permainan yang tidak berharga ini? Maaf! Agaknya (benar apa yang dikatakan oleh ilmuan Mesir) inilah sebab utama para lulusan Universiti al-Azhar (yang bijaksana dan terpelajar tetapi leka) terlalu sayang dan suka bermain-main dengan permainan demokrasi ini sehingga jiwa mereka (yang bertaraf ulama) yang tertipu dengan slogan demokrasi tidak dapat dipisahkan dengan perjuangan demokrasi dan menjadi tunggak perjuangan refomasi dalam mendemokrasikan umat Islam dan negaranya.

Lihatlah! Berapa ramai mereka yang diulamakan yang bergabung dalam sebuah parti yang dinamakan sebagai Parti Islam mereka tidak memiliki objektiviti dalam perjuangan, kehilangan dasar perjuangan Islam

---

<sup>129</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:109.

yang tulen dan suci murni, kerana mereka bunuh dan semadikan (membiarkan) perjuangan mereka di dalam longgokan kitab-kitab turath di Perpustakaan Universiti al-Azhar. Apa yang dibawa pulang ke negara masing-masing hanyalah fotostat ilmu yang kabur serta permainan demokrasi yang dihadiahkan oleh Churchill kepada Mesir untuk sama-sama dimainkan bersama kawan-kawan mereka di negara masing-masing sehingga tertubuhnya sebuah Parti Islam yang berdasarkan demokrasi. Alangkah malangnya nasib mereka! Mengapa mereka mensetarakan Islam dengan demokrasi? Mereka telah berkhianat dan berdosa kepada Allah ﷻ. Sebenarnya mereka perlu segera bertaubat!

Apabila meneliti kembali pengertian dan definisi demokrasi yang telah dinyatakan di atas tadi, bolehlah kita bincangkan semula isu ini dengan membawakan pendapat John Locke tentang hakikat demokrasi, iaitu:

*“Apabila majoriti mempunyai kuasa penuh membuat undang-undang dan undang-undang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai yang dipilih, maka corak pemerintahan tersebut berbentuk demokrasi. Demokrasi dapat dirumuskan sebagai pemerintahan rakyat kebanyakan”.*<sup>130</sup>

---

<sup>130</sup>. Lihat: Konsep Asas Politik. Hlm 29. K. Ramanathan. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia, K.L 1992.

Muhammad Salleh Abbas pula menulis:

*“Kerajaan yang bercorak demokrasi ialah kerajaan yang tertakluk kepada persetujuan rakyat dan menjalankan tugas-tugas politiknya untuk melaksanakan kehendak rakyat”*.<sup>131</sup>

Demokrasi boleh juga dirumuskan secara pengistilahan umum, iaitu:

*“Suatu sistem hukum dan pemerintahan berpolitik yang mengikut dasar dari rakyat, untuk rakyat dan demi kerana rakyat”*.

Sistem hukum atau politik seperti ini tidak pernah wujud dalam doktrin atau syariat Islam dan dalam siasah asy-Syariyahnya. Demokrasi tidak rasional dan ia bertentangan dengan sistem hukum dalam politik Islam (*siasah Islamiyah*), yang mana sistem pemerintahan atau politik Islam datangnya dari Allah, untuk Allah dan demi kerana Allah yang menjadi ibadah kepada sesiapa yang melaksanakan, mempertahankan dan memperjuangkannya sepanjang hidupnya. Konsep dan fenomena ini bersandarkan firman Allah ﷻ:

---

<sup>131</sup>. Ibid.

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ

*“Katakanlah ya Muhammad!: Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku, semuanya bagi (untuk) Allah, Tuhan semesta alam”.*<sup>132</sup>

Allah ﷻ telah memberi peringatan kepada orang-orang Islam yang menyandang demokrasi di dalam perjuangan politiknya yang mengelabui umat dengan nama Parti Islam yang sengaja memanipulasikan dalil-dalil dari al-Quran dan hadis-hadis sahih (as-Sunnah) agar kelihatan seolah-olah sama atau standing dengan sistem politik demokrasi untuk disesuaikan dengan syariat Islam sehingga merasa prajudis (*prejudice*) terhadap agama Islam dengan beraninya menolak hukum-ahkam Allah ﷻ hampir di setiap bidangnya kerana dasar demokrasi sebenarnya adalah perjuangan Zionis untuk melawan agama dan hukum-ahkamnya terutamanya hukum politik syariahyah. Sedangkan Allah ﷻ telah memberi peringatan kepada mereka yang tidak mahu melaksanakan hukum-ahkam Nya terutama hukum berpolitik dengan berfirman:

---

<sup>132</sup>. QS. AL-AN'AM 6:162.

﴿١٤٣﴾ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

“Sesiapa yang tidak menjalankan hukum menurut apa yang diturunkan oleh Allah, maka kafirlah dia”.<sup>133</sup>

﴿١٤٤﴾ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

“Sesiapa yang tidak berhukum (memerintah) menurut apa yang diturunkan oleh Allah, maka zalimlah dia”.<sup>134</sup>

﴿١٤٥﴾ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ

الْفَاسِقُونَ ﴿١٤٦﴾

“Sesiapa yang tidak berhukum (memerintah) menurut apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka fasiklah dia”.<sup>135</sup>

<sup>133</sup> QS. AL-MAIDAH 5:44.

<sup>134</sup> QS. AL-MAIDAH 5:45.

<sup>135</sup> QS. AL-MAIDAH 5:47.



Semua hukum-ahkam atau sistem politik yang tidak bersumber dari hukum Allah ﷻ (bukan dari Kitabullah atau Sunnah Rasulullah ﷺ), maka kesemua sistem-sistem tersebut merupakan sistem jahiliyah kecuali kepada mereka yang terpaksa melaksanakannya dan tidak pernah terlintas untuk menghalalkannya, kerana setiap mukmin wajib menjauhi sistem jahiliyah. Ia telah diharamkan oleh Allah ﷻ dari menganut, mengambil dan mengamalkan sistem atau apapun hukum-ahkam yang berbau jahiliyah kerana Allah ﷻ dan Rasul Nya Muhammad ﷺ telah mengharamkannya sehingga ke Hari Kiamat. Allah berfirman:

أَفْحَكَمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ<sup>١٣٦</sup> وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا  
لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿١٣٧﴾

*“Apakah hukum jahiliyah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin”.*<sup>136</sup>

Tidak dapat dinafikan bahawa sistem demokrasi mempunyai banyak kepincangan.<sup>137</sup> Demokrasi bukanlah

---

<sup>136</sup>. QS. AL- MAIDAH 5:50.

<sup>137</sup>. Lihat: In Defence Of Politics. Beard Crick. Penguin Book. L962.

doktrin falsafah empirisime (*empiricism*) kerana persepsi adanya demokrasi unggul tidak pernah wujud dalam mana-mana kerajaan yang ada pada masa ini<sup>138</sup> tetapi demokrasi yang disangka unggul dijadikan dan digunakan sebagai slogan sehingga meluas walaupun para pro-demokrasi menyedari tidak pernah ada dan tidak akan ada demokrasi yang sempurna untuk selama-lamanya.

Oleh kerana demokrasi hanya diperkirakan sebagai konsep yang indah, ia hanya layak digunakan sebagai slogan dan cogan kata semata.<sup>139</sup>

Dengan ini, sistem demokrasi yang nyata berorientasikan Barat olahan Yahudi Zionis ini sudah tergelincir dari prinsip, konsep dan landasan Islam yang sebenar. Ia jatuh terperangkap di lembah hawa nafsu taghut yang mungkar, kerana kuasa tertinggi (*sovereignty*) dalam arena politik demokrasi hanya terletak pada suara rakyat yang dibawa ke parlimen oleh para perwakilan supaya dilulus-metrikkan untuk dijadikan undang-undang atau perlembagaan. Dengan ini, mereka ini adalah jelas telah membelakangkan suara Allah ﷻ yang terdapat di dalam al-Quran:

---

<sup>138</sup>. Lihat: Mazahib Fikriyah Mu'asarah. Hlm. 190. Jld. 1. Muhammad Qutub. Dar As-Syuruq. L984.

<sup>139</sup>. Lihat: Deescent Into Slavery. Hlm. 41. Des Griffin. Oregon USA. Emissary Publication 1980.

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ  
أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

*“Kemudian Kami jadikan kamu supaya mengikut satu syariat (peraturan atau undang-undang) dalam urusan (hidup atau agamamu) itu maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui”.*<sup>140</sup>

Dari ayat di atas ini terdapat hujah yang nyata bahawa Allah ﷻ mengharamkan orang-orang yang beriman dari mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (jahil) walaupun bilangan mereka yang jahil itu ramai (majoriti). Terutama jika majoriti manusia yang jahil itu mahu menegakkan negara dan menjalankan hukum melalui cara-cara dan hukum jahiliyah seperti melalui sistem demokrasi. Dan ayat di atas boleh diperkuatkan lagi dengan ayat di bawah ini:

---

<sup>140</sup>. QS. AL-JATSIYAH 45:18.

وَإِنْ تُطِيعُوا أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ  
إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

*“Dan jika kamu mentaati (menuruti) kebanyakan orang-orang yang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti prasangka belaka, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta (terhadap) Allah”.*<sup>141</sup>

Jentera pejuang dan penggerak parti demokratik lazimnya sering menabur umpan dengan membuat berbagai-bagai janji. Di antara janji-janji tersebut mereka sedar tidak akan mampu untuk mereka tunaikan. Mereka membuat janji kosong dan palsu dalam setiap kempen pemilihan ketua dan pemimpin parti atau di dalam kempen pilihanraya demi untuk memperolehi kelebihan majoriti. Majoriti adalah asas tegaknya parti atau negara demokrasi.

Para demokrat tetap cekal memperjuangkan demokrasi walaupun dipenuhi dengan tipu helah atau bermain dengan penipuan kerana tertipu oleh teori dan perangkap Machiavellianisme, iaitu slogan:

---

<sup>141</sup>. QS. AL-AN'AM 6:116.

*“Tujuan Boleh Menghalalkan Cara atau Niat Baik Boleh Membenarkan Cara”.*

Oleh sebab itu, sistem demokrasi sehingga sekarang tidak pernah dan tidak dapat melaksanakan keadilan sosial yang benar-benar adil, saksama, menyeluruh dan mutlak.

Islam pula sangat mementingkan keadilan dalam setiap aspek, hal dan perkara. Ini telah dinyatakan oleh Allah ﷻ di dalam firman Nya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ  
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ  
اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا  
تَعْمَلُوْنَ ﴿٨٠﴾

*“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil! Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu*

*lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”*.<sup>142</sup>

Begitu juga kesan kefanatikan dan semangat kepartian yang berkobar-kobar pada individu demokrasi yang terbawa-bawa oleh pengaruh liberal telah membawa penindasan yang serius bukan sahaja terhadap parti lawan, tetapi juga turut membawa penindasan dan kekejaman terhadap golongan rakyat yang miskin, lemah dan yang sangat memerlukan bantuan.

Oleh kerana mereka begitu mudah menerima dasar keliberalan dalam konsep parti politik demokrasi, maka dengan tidak secara langsung mereka telah dipengaruhi juga oleh konsep “Laissez Paser, Laissez Fair”: “*Biarkan Dia Berbuat Apa Sahaja Dan Biarkan Dia Menjalankan (Melaksanakan) Apa Sahaja*”. Konsep ini nyata tergelincir dari ajaran Islam dan syariatnya yang sebenar, yang mana Islam telah memberi keadilan merata kepada individu, masyarakat dan pemerintah serta membatasi pola-laku politikus, pemimpin, pegawai, penguasa, peniaga dan orang perseorangan. Malahan Islam sentiasa melaksanakan dasar-dasar yang memenuhi kepentingan adat, akhlak, etika serta memenuhi kehendak hukum-ahkam agama Islam di setiap aspeknya.

---

<sup>142</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:8.

Jika kita singkap lembaran sepanjang sejarah demokrasi sejak kemunculannya, dikaji dan diteliti semula, pasti didapati di antara motif utama diwujudkan pergerakan dan perjuangan ini oleh golongan elit Yahudi ialah supaya dapat merealisasikan objektif para demokrat dan kapitalis Yahudi untuk menghapuskan golongan Feudal yang telah menghisap darah, merampas hak kebebasan dan menyekat aktiviti kemeterialan rakyat sejak berabad-abad lamanya.

Melalui gerakan dan perjuangan demokrasi, golongan elit Yahudi berjaya menghapuskan golongan Feudal dan secara tidak langsung membawa rakyat yang telah didoktrin dengan ideologi demokrasi kepada perjuangan melawan agama secara berselindung di sebaliknya atau istilah demokrasi yang mereka putar-belitkan.

Cara ini nyata dapat mengelabui mata rakyat dan mengelirukan fikiran mereka. Gerakan ini telah mendapat sambutan dan kejayaan melawan agama dan sokongan rakyat bertambah semangat apabila ditunggangi dan dibiayai oleh golongan pemodal Yahudi yang sentiasa berkepentingan dan anti agama terutamanya terhadap agama Islam. Islam telah mewajibkan pengabdian mutlak hanya kepada Allah ﷻ sahaja.

Setiap Muslim wajib mengimani keseluruhan kandungan al-Quran yang mana di antara kandungannya ialah mengatur cara pengabdian (ibadah) seorang hamba

kepada Allah ﷻ dan mengatur hubungannya dengan manusia melalui pelaksanaan politik atau melalui siasah pemerintahan yang tidak disekutukan setiap penyusunan dan peraturan yang sudah ditetapkan oleh Allah ﷻ dan Rasul Nya dengan campur tangan makhluk yang terbatas daya kemampuan akal nya. Allah ﷻ berfirman:

وَلَمْ يَكُن لَّهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ

تَقْدِيرًا ﴿٢٥﴾

*“Dan tidak ada bagi Nya sekutu dalam urusan pemerintahan Nya, dan Dia telah mencipta sesuatu (termasuk undang-undang atau peraturan), dan Dia telah menetapkan batas-batasnya dengan serapi-rapinya”.*<sup>143</sup>

Ayat ini jelas menunjukkan haram dan syirik nya perbuatan seseorang atau kumpulan yang menyerahkan urusan pemerintahan kepada rakyat semata-mata seperti konsep demokrasi di mana takut pemerintahannya tidak melayani suara dari langit. Hakikatnya, sebagaimana yang telah dijelaskan, sistem demokrasi dipenuhi dengan kepincangan dan kezaliman serta tidak menjalankan keadilan di setiap aspek dan peranannya secara global.

---

<sup>143</sup>. QS. AL-FURQAN 25:2.



Allah ﷻ mengharamkan semua hamba Nya yang beriman dari mencondongkan diri mereka kepada zalim atau cenderung kepada si Pembuat kezaliman.

Islam dengan jelas sama sekali tidak menghalalkan perbuatan yang boleh mendatangkan dosa dan menyebabkan timbulnya permusuhan.

Perjuangan demokrasi ternyata telah banyak mengarah kepada melakukan dosa, kemungkar dan penipuan malah kerap membawa dan menambah kepada perpecahan umat di samping permusuhan terutamanya di kalangan umat Islam masa ini. Sedangkan perkara ini sudah ada larangannya di dalam al-Quran:

وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٠٨﴾

*“Dan bertolong-tolonglah kamu di atas kebaikan dan takwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan di atas perkara yang mendatangkan dosa dan pemusuhan”.*<sup>144</sup>

\*\*\*\*\*

---

<sup>144</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:2.

(11)

\*\*\*\*\*

## ISLAM MENENTANG DEMOKRASI

**D**EMOKRASI tidak pragmatik, ia merupakan hadiah palsu, kotor, keji dan penipuan yang diberikan oleh imperialis Barat pakatan kaum elit dan kapitalis Yahudi yang rakus, iaitu sebuah hadiah yang diberikan kepada para juhalak Islam yang tertipu dengan godaan syaitan kerana mencintai dunia.

Ideologi jahiliyah ini telah ditunggu-tunggu dan diharap-harapkan oleh para pemimpin Islam yang berupa boneka dari pemilihan dan didikan penjajah yang telah disediakan awal-awal lagi oleh mereka untuk menghancurkan akidah umat Islam sebelum mereka meninggalkan Negara-negara Islam yang dijajah.

Penjajah menyerapkan ideologi demokrasi ke dalam sistem politik Negara-negara Islam yang telah dijajah sebelum dimerdekakan. Mereka bertujuan untuk meneruskan konsep penjajahan dan niat jahat mereka terhadap rakyat dan Negara Islam setelah mereka terpaksa melepaskan atau meninggalkannya lantaran tuntutan dan perjuangan kemerdekaan yang tidak berdaya mereka bendung. Revolusi dan gerakan rakyat menuntut kemerdekaan akan membahayakan diri dan segala kepentingan mereka jika tidak memenuhi kehendak rakyat yang dijajah dan ditindas.

Umat Islam sentiasa dituntut dan disuruh menjadi umat yang soleh, warak dan patuh (taat) melaksanakan amalan, perbuatan dan menguruskan setiap perkara yang ditentukan oleh al-Quran. Di antara perbuatan yang dituntut ialah berusaha menyeru manusia kepada kebaikan, menyuruh melakukan yang makruf dan menegah dari melakukan setiap kemungkaran walau apa pun bentuk atau jenis kemungkaran tersebut, seperti kemungkaran berpecah-belah, berpuak-puak atau berhizbi-hizbi yang terjadi akibat dari sistem politik demokrasi yang memestikan adanya parti pembangkang dan multi parti.

Umat Islam diwajibkan bersatu-padu kerana bersatu boleh menjadikan mereka golongan hamba Allah yang kuat dan mendapat pertolongan dari Allah ﷻ sehingga menjadi hamba yang beriman, beramal soleh,

bertakwa, mati di dalam keadaan Islam, ikhlas dan sentiasa di atas manhaj yang hak. Dan semua kebaikan seperti ini tidak ada pada sistem parti demokrasi, kerana demokrasi melalui konsep keduniaan multi nasional telah menghalalkan berbagai-bagai parti yang berkonsepkan dan berslogankan *Tujuan Menghalalkan Cara* yang mana slogan ini bertentangan dengan ajaran Islam kerana Allah ﷻ telah berfirman:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهٖ وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلَّا  
وَاَنْتُمْ مُّسْلِمُوْنَ ﴿١٢٧﴾ وَاَعْتَصِمُوْا بِحَبْلِ اللّٰهِ جَمِيْعًا وَلَا  
تَفَرَّقُوْا ۗ وَاذْكُرُوْا نِعْمَتَ اللّٰهِ عَلَيْكُمْ اِذْ كُنْتُمْ اَعْدَاءً فَاَلْفَ  
بَيْنَ قُلُوْبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهٖٓ اِخْوَانًا وَاَنْتُمْ عَلٰى شَفَا  
حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَاَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا ۗ كَذٰلِكَ يُبَيِّنُ اللّٰهُ لَكُمْ  
ءَايٰتِهٖٓ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُوْنَ ﴿١٢٨﴾ وَلَتَكُنْ مِّنْكُمْ اُمَّةٌ يَّدْعُوْنَ اِلٰى  
الْخَيْرِ وَيَأْمُرُوْنَ بِالْمَعْرُوْفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاُولٰٓئِكَ هُمُ  
الْمُفْلِحُوْنَ ﴿١٢٩﴾ وَلَا تَكُوْنُوْا كَالَّذِيْنَ تَفَرَّقُوْا وَاخْتَلَفُوْا

مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ هُمْ عَذَابُ

عَظِيمٌ ﴿٥٠﴾

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa kepada Nya, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam! Dan berpeganglah (bersatupadulah) kamu sekalian kepada tali Allah (agama Allah) dan janganlah kamu berpecah-belah, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu bermusuh, maka Allah menyatukan hati kamu, lalu jadilah kamu kerana nikmat Allah orang-orang yang bersaudara, dan kamu telah berada di tepi neraka maka Allah menyelamatkan kamu daripadanya, demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat Nya agar kamu mendapat petunjuk. Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh kepada makruf serta menegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang berjaya. Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang berpecah-belah dan berselisih (bertelingkah) setelah datang keterangan yang jelas

*kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat penyiksaan yang berat”.*<sup>145</sup>

Itulah bentuk seruan yang dibenarkan malah diwajibkan oleh al-Quran kepada setiap orang yang beriman, dan bukanlah seruan yang mengajak kepada mendirikan kelompok untuk bersatu di bawah payung demokrasi, kerana sistem demokrasi tidak pernah menjadi kenyataan dan tidak mampu atau berjaya untuk menyatupadukan rakyat malah sebaliknya. Al-Quran juga melarang orang-orang yang beriman dari berdakwah kepada pemilihan dan perlantikan pemimpin-pemimpin dari kalangan taghut yang sudah nyata kafirnya dan berfahaman jahiliyah demokrat yang muncul diakhir zaman yang dikenali sebagai zaman yang penuh fitnah.

Al-Quran juga tidak pernah menyeru supaya orang-orang yang beriman mengadakan usrah, kuliah, ceramah atau dakwah untuk mengajak rakyat kepada mentauhidkan demokrasi dan pengiktirafan perlembagaan atau hukum pidana jahiliyah yang disusun oleh parti demokrasi konspirasi para demokrat Yahudi Zionisme. Tidak sewajarnya bagi setiap Muslim menukar suatu dasar (sistem) lain dari apa yang sudah termetri di dalam al-Quran dan as-Sunnah seperti pentadbiran politik, ekonomi, sosial undang-undang dan sebagainya, kerana Allah ﷻ telah memerintahkan umat Islam agar sentiasa

---

<sup>145</sup>. QS. ALI IMRAN 3:102-105.

tetap berpegang dengan peraturan Allah ﷻ sebagaimana firman Nya di dalam al-Quran:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ  
يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

*“Dan tidak sepatutnya bagi setiap lelaki yang beriman dan setiap perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul Nya telah menetapkan sesuatu ketetapan (hukum) mereka membuat pilihan yang lain dalam urusan mereka, (ingatlah) dan sesiapa yang mendurhakai Allah dan Rasul Nya mereka telah sesat, sesat yang nyata”*.<sup>146</sup>

Dalam pandangan Islam adalah terlalu jahil apabila seseorang yang mengakui dirinya seorang Muslim yang beriman tetapi peraturan Islam hanya sebahagian di dalam hidupnya dan sebahagian yang lain pula sistem demokrasi mengambil tempatnya. Ia menghabiskan semua usianya dalam memperjuangkan politik demokrasi sehingga hasil dari perjuangannya itu terbentuk sebuah pemerintahan yang berhukum atau berundang-undang jahiliyah di atas

---

<sup>146</sup>. QS. AL AHZAB 33:36.

dasar demokrasi sekular. Ia seolah-olah benar-benar jahil atau tidak beriman dengan kelengkapan keseluruhan ayat al-Quran yang di antaranya telah menerangkan:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي  
وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

*"Hari ini telah Aku sempurnakan agama kamu, dan Aku penuhi nikmat Ku padamu, dan Aku hanya menerima Islam sebagai (agama/cara hidup) untuk kamu".*<sup>147</sup>

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

*"Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran ini".*<sup>148</sup>

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ  
وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

<sup>147</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:3.

<sup>148</sup>. QS. AL-AN'AM 6:38.



“Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janji Nya) dengan benar dan adil, tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimah Nya. Dan Dia lah yang sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Mengetahui”.<sup>149</sup>

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ  
لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ  
الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

“Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul Nya supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: Kami dengar dan kami taat. Dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan”.<sup>150</sup>

Menurut jumhur ulama fiqh dan mufasssiron (para ulama tafsir), selain dari hukum Allah ﷻ yang diambil

---

<sup>149</sup>. QS. AL-AN'AM 115.

<sup>150</sup>. QS. AN-NUR 24:51.

dari al-Quran dan as-Sunnah, semua jenis hukum dan undang-undang tersebut adalah jahiliyah atau taghut.

Sesiapa yang meredai dan merasa tidak bersalah melaksanakan hukum dan undang-undang jahiliyah yang ketika melaksanakannya bukan dalam keadaan yang terpaksa atau darurat, maka ia adalah termasuk jamaah atau parti jahiliyah yang sebenar. Allah ﷻ telah berfirman:

أَفْحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ<sup>٤</sup> وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا  
لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

*“Adakah hukum jahiliyah yang mereka tuntutan? Siapakah yang paling baik hukumannya daripada (hukum) Allah bagi kaum yang yakin?”*<sup>151</sup>

Hanya seseorang mukmin yang benar-benar beriman sahaja mengakui bahawa agama Islam ini telah lengkap di dalam semua aspek dan bidangnya termasuklah di segi undang-undang, sosial, ekonomi, politik (siasah) ataupun dalam persoalan yang berkaitan dengan ibadah. Jika tidak demikian kenyataannya keyakinan mereka, apakah erti firman Allah ﷻ yang bermaksud: *“Hari ini*

---

<sup>151</sup>. QS. AL- MAIDAH 5:50.

*Aku telah sempurnakan agama kamu”?* Mungkin juga seseorang itu belum menjiwai atau mengimani firman Allah ﷻ yang mengingatkan bahawa:

مَا فَرَطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

*“Tidak Kami tinggalkan (terlupa) satu perkara pun di dalam al-Kitab (al-Quran)”.*<sup>152</sup>

Kalaulah seseorang yang beriman itu mahu menggunakan daya pemikirannya yang tajam, minda (IQ) yang baik, naluri yang sempurna dan hati nurani yang ikhlas dalam beragama, tentulah ia tidak rela melihat seruan al-Quran yang menjadi kitab suci yang diimaninya dijadikan bahan propaganda dan alat membenarkan atau menghalalkan cara berkempen dalam arena politik jahiliyah seperti teriakan demokrasi yang diperjuangkan oleh ramai umat Islam yang jahil sekarang terutama yang bertopeng dengan nama parti Islam walaupun dianggotai oleh sejumlah yang bergelar ulama.

Nilai isi kandungan al-Quran sama sekali tidak dapat disamakan dengan nilai sistem politik demokrasi jahiliyah yang serba kekurangan. Kenyataannya, agama Islam adalah sangat bertentangan dengan ideologi sistem jahiliyah ini yang serba kekurangan dan lemah.

---

<sup>152</sup>. QS. AL-AN'AM 6:38.

Di dalam al-Quran hanya terdapat satu bentuk seruan yang menunjuk ke arah satu matlamat, iaitu seruan jihad sama ada dengan senjata atau dengan dakwah yang bertujuan untuk menolong menegakkan agama Allah ﷻ. Seruan perjuangan ini adalah supaya umatnya berjaya mendirikan Daulah Islamiyah agar hukum (dan undang-undang) dari al-Quran dapat dilaksanakan dan supaya kita memperolehi ganjaran pahala serta martabat syahid jika terkorban di dalam perjuangan ini walaupun bukan dengan senjata. Allah ﷻ menerangkannya melalui dua ayat di dalam al-Quran:

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا أٰنصَارَ اللّٰهِ

*“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menolong (menegakkan) agama Allah!”*<sup>153</sup>

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللّٰهِ ءَمَوَاتًا ۚ بَلْ ءَحْيَاءٌ  
عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٥٣﴾ فَرِحِينَ بِمَا ءَاتَاهُمُ اللّٰهُ مِنْ  
فَضْلِهِ ۚ وَبَسَّتَبَشَّرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ ءَلَا

---

<sup>153</sup>. QS. ASY-SYAFAT 61:14.

خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٤٧﴾ \* يَسْتَبْشِرُونَ  
بِنِعْمَةِ مِّنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ  
الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٨﴾

“Dan janganlah kamu sangka mati orang-orang yang telah terbunuh pada jalan Allah, bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan Nya, serta diberi rezeki. Mereka bersuka ria dengan kurnia yang dilimpahkan Allah kepada mereka, lagi mendapat khabar gembira tentang orang-orang yang belum menghubungi mereka dari belakangnya (belum syahid), bahawa tiada ketakutan atas mereka dan tidak berdukacita. Mereka bersuka ria dengan nikmat Allah dan kurnia Nya dan sesungguhnya Allah tiada menghilangkan (menyia-nyiakan) pahala orang-orang yang beriman”<sup>154</sup>

Sama sekali tidak pernah terdapat di dalam al-Quran seruan yang mengajak atau menyuruh orang-orang yang beriman menjadi penolong suara rakyat atau pejuang yang menyeru kepada konsep politik demokrasi yang berslogankan: “Dari rakyat, untuk rakyat dan demi kerana rakyat” kerana diakhir zaman manusia

---

<sup>154</sup>. QS. ALI IMRAN 3:169-171.

kebanyakannya rakyat (manusia) adalah jahil dan menyeru kepada kesesatan. Allah ﷻ melarang menyahut seruan mereka yang jahil dan menegakkan kejahilan, kerana yang dikehendak oleh orang-orang jahil adalah hawa nafsu dan sangka-sangka semata sebagaimana firman Allah ﷻ di dalam al-Quran:

وَإِنْ تَطَعُوا أَكْثَرُ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ  
إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ

*“Dan jika engkau turuti (taati) kehendak kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah, tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta”.*<sup>155</sup>

Jelasnya, apa yang terdapat di dalam al-Quran hanyalah seruan dan suruhan yang datang dari Allah ﷻ kepada Rasul Nya dan kepada sekalian orang-orang yang beriman supaya mereka menyeru hanya kepada jalan Allah ﷻ yang selamat di dunia dan di akhirat. Fahamilah firman Allah ﷻ:

---

<sup>155</sup> . QS. AL-AN'AM. 6:116.

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

*“Katakanlah (Ya Muhammad): Inilah jalan (agama)ku, aku dan orang-orang yang mengikutku mengajak kamu (sekalian) kepada Allah dengan hujah yang nyata. Maha Suci Allah, dan aku tidak termasuk orang-orang yang syirik”.*<sup>156</sup>

Ramai dari kalangan para demokrat yang mengaku beragama Islam, tetapi kerana kejahilan mereka, mereka masih menyeru ke arah perjuangan demokrasi atau berjuang untuk menubuhkan sebuah negara demokratik. Malangnya, mereka tidak mahu membezakan atau mengkaji antara hakikat kesempurnaan dan kebenaran Islam dengan kepincangan, kebatilan dan kesesatan sistem politik demokrasi.

Mungkin mereka belum mengetahui bahasa atau istilah serta tujuan demokrasi itu diwujudkan oleh Yahudi (-semoga mereka diampunkan oleh Allah ﷻ-), sehingga mereka tidak pernah berasa bersalah atau berdosa menyeru umat kepada pro-demokrasi. Mukmin yang benar-benar berpegang teguh dengan ajaran agamanya dan

---

<sup>156</sup>. QS. YUSUF 12:108.

mampu memahami kandungan dua Kitab warisan Nabi Muhammad ﷺ, iaitu al-Quran dan as-Sunnah yang menyelamatkan manusia di dunia dan di akhirat, mereka berusaha ingin mengetahui hukum-ahkam dari kedua-dua peninggalan baginda tersebut dengan fikiran yang rasional.

Insya-Allah mereka yang ikhlas dalam beragama tidak mungkin mudah terperdaya dengan ideologi jahiliyah yang menyesatkan ini. Pasti mereka tidak lupa dan tidak mudah tertipu atau terpengaruh apabila mendapati majoriti dari penyeru-penyeru serta penyahut demokrasi yang terdiri dari mereka yang tidak tahu, tidak beriman atau lemah iman.

Sudah dimaklumi bahawa manusia yang jahil tentang agamanya pasti tindak-tanduk mereka lebih banyak mengajak manusia ke jalan kerosakan yang tidak mereka sedari dan amat bahaya jika mereka menyeru manusia menuju jalan kesyirikan yang akhirnya menjerumuskan mereka ke neraka *na'uzubillahi min zalik*. Semoga mereka diberi ilmu, taufik dan hidayah oleh Allah ﷻ dan mudah-mudahan mereka akan segera bertaubat.

\*\*\*\*\*



(12)

\*\*\*\*\*

## SLOGAN & PENIPUAN DEMOKRASI

**S**LOGAN demokrasi telah menyebabkan umat Islam terperangkap di dalam jerat Yahudi melalui prinsip gerakan politik Zionisme yang sesungguhnya bukan lagi menyangkut masalah keagamaan, tetapi menjadi suatu gerakan bangsa, negara atau siasah, iaitu suatu rancangan strategik jangka panjang ekstrimis Zionis untuk menghakis agama.

Seseorang yang telah dikenali dan mengakui bahawa dirinya adalah seorang Muslim dan mukmin tetapi masih menyeru kepada perjuangan serta melaungkan slogan dan dakyah demokrasi, sebenarnya ia telah tertipu oleh doktrin ideologi jahiliah ini. Dia telah melakukan

kemungkaran yang berupa satu penipuan besar terhadap umat dan agama Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ. Ini nyata dan dapat dikatakan demikian apabila bersandarkan kepada sejarah kelahiran ideologi jahiliyah ini (demokrasi) yang tidak pernah dan tidak dapat mendaulatkan agama Allah ﷻ. Sebaliknya ia adalah musuh utama kepada semua agama yang diturunkan dari langit terutamanya agama Islam.

Pendokong setiap organisasi parti sekular demokrasi, mereka lebih mengutamakan muslihat majoriti (rakyat) sehingga melupakan hak Allah ﷻ sebagai pengatur setiap tingkah-laku, tata-cara, pola dan peraturan hidup manusia yang konstruktif di dalam segala aspeknya sedangkan kita disuruh mengingkari atau mengkafirkan falsafah jahiliyah ini, bukan mengimaninya kerana ia adalah ideologi yang batil. Allah ﷻ berfirman di dalam al-Quran:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْبَاطِلِ وَكَفَرُوا بِاللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ

الْخٰسِرُونَ ﴿٥٧﴾

*“Dan mereka beriman dengan kebatilan dan kufur terhadap Allah, mereka itulah golongan orang-orang yang paling rugi”.*<sup>157</sup>

Kemenangan setiap parti demokrasi pada amnya tertakluk pada daya kepintaran para pejuangnya dalam memperdayakan rakyat melalui karisma kepintaran dan kepetahan berpidato serta bijak menabur janji-janji pembangunan kebendaan yang kebiasaannya jauh dari unsur-unsur keagamaan dan kerohanian yang murni.

Sekiranya sistem demokrasi ini berjaya membawa rakyat kepada pembangunan dan pemerintahan, namun persoalannya adakah rakyat dapat mengamalkan sistem Islam sebagaimana yang dituntut oleh al-Quran dan as-Sunnah jika tidak terlebih dahulu diberi kefahaman akidah, hukum-ahkam dan kesedaran Islam yang sempurna?

Rakyat yang tidak memahami akidah, tidak mengenal agama dan belum disedarkan tentang Islam pastinya dalam situasi begini mereka tidak mungkin menerima cara Islam dan pelaksanaan hukum-ahkamnya kerana penerimaan hanya dicapai setelah Islam dan rakyat membuat konsesi secara Islami iaitu mentarbiyah dan mentasfiah rakyat dengan kembali kepada al-Quran dan as-Sunnah as-Sahihah. Lebih-lebih lagi jika mereka sudah

---

<sup>157</sup>. QS. AL-ANKABUT 29:52.

terbiasa dengan kehidupan jahiliyah yang bertentangan dengan nilai-nilai agama, kerohanian dan hukum-ahkamnya.

Tentunya perubahan ke arah pelaksanaan hukum dan undang-undang Islam akan ditentang oleh mereka kerana dasar dan sistem demokrasi sekular jahiliyah yang digambarkan tadi akan lebih serasi kepada mereka yang gemar kepada amalan bid'ah di dalam bidang hukum siasah yang mereka cipta dan war-warkan. Mereka mengira untuk membangunkan Negara Islam hendaklah sistem demokrasi terlebih dahulu, kemudian setelah berjaya barulah melaksanakan undang-undang Islam. Ini adalah sebuah janji dan teori yang silap, berunsur penipuan serta pembohongan yang nyata terhadap rakyat. Sememangnya agak sukar untuk memungkinkan pengIslaman semua atau keseluruhan rakyat seratus peratus, tetapi semua orang beriman diperintahkan agar menyeru kepadanya sedaya mungkin dan termampu.

Pada dasarnya, menurut Islam tidak semestinya pula terlebih dahulu menunggu keseluruhan rakyat yang bukan Islam masuk Islam atau seluruh rakyat tahu akan semua hukum-ahkam Islam barulah kita mahu melaksanakan hukum-hukum Islam secara syumul. Untuk mencapai matlamat yang demikian kita tidak boleh mentaati suara atau kehendak rakyat di dalam hal-hal mungkar termasuklah dalam mempertahankan kerajaan demokrasi yang jauh dari prinsip akidah Islamiyah yang

murni. Ia bukan sahaja akan menjerumuskan para pemimpin demokrasi itu sendiri tetapi juga penyokong dan rakyat yang mentaati mereka sehingga ke tahap kesesatan. Allah ﷻ telah berfirman:

وَإِنْ تَطَّعَ أَكْثَرُ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ  
إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾ إِنَّ  
رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مَنْ يَضِلُّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١١٧﴾

*“Jika engkau taati kebanyakan orang yang di bumi, nescaya mereka itu akan menyesatkan engkau dari jalan Allah, mereka tiadalah mengikut, selain andaian sahaja dan mereka tidak lain hanyalah (mengikut) sangka-sangka sahaja. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui orang yang sesat dari jalan Nya dan Dia lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”.*<sup>158</sup>

Suara dari masyarakat yang belum mengenali Islam secara syumul walaupun ramai bilangannya,

<sup>158</sup>. QS. AL-AN'AM 6:116-117.

bukanlah suatu kayu ukur atau neraca untuk menilai suatu kebenaran atau keadilan. Secara tabiinya, manusia yang terbentuk dari suatu kumpulan masyarakatnya adalah anak budaya kelahiran masyarakat tersebut dan persekitarannya. Sebagai contoh, jika sebuah masyarakat mempunyai persekitaran berbudaya jahiliah yang bergelumang dengan maksiat perzinaan, arak dan perjudian, maka kehendak yang akan disuarakan oleh majoriti dari kelahiran masyarakat tersebut tentulah antara yang dituntut ialah kebenaran untuk menghalalkan perniagaan arak, perjudian, pelacuran, homoseks, zina dan sebagainya. Mereka akan menuntut penghalalan lesen membuat dan menjual arak, lesen pelacuran dan lesen perjudian melalui penyaluran suara majoriti yang diluluskan oleh parlimen yang bersistamkan demokrasi apabila para demokrat berkuasa, mendapat peluang atau dituntut untuk melaksanakan sejumlah maksiat dan perkara-perkara yang haram. Sedangkan Allah ﷻ berfirman tentang haramnya arak:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ  
وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِنَّهُمَا لَأَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا

*“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi: Katakanlah pada keduanya ada dosa besar dan ada pula*

beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya”<sup>159</sup>

Allah ﷻ juga telah mengharamkan perjudian:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ  
وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ ﴿٩١﴾ إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بَيْنَكُمْ  
الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ  
اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩٢﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan menilik nasib dengan batang-batang anak panah, adalah keji dari perbuatan syaitan, oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya! Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan

---

<sup>159</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:219.

*daripada mengerjakan solat. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)”.<sup>160</sup>*

Allah ﷻ mengharamkan pelacuran atau perzinaan:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿١٦١﴾

*“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat”.<sup>161</sup>*

Apakah sistem pemerintahan demokrasi jahiliyah dapat diterima oleh seorang yang berilmu dan beriman? Bolehkah sistem yang bergelumang dengan berbagai-bagai kemaksiatan ini boleh dijadikan wadah perjuangan dan manhaj dengan mengorbankan nyawa dan harta? Adakah mati dalam memperjuangkan pemerintahan demokrat jahiliyah ini dihukum syahid? Jawapan yang benar ialah segala pengorbanan tersebut sia-sia, pendokong dan pejuang demokrasi jika bergelar alim ulama, maka dia adalah tergolong alim ulama yang fasik atau zindik kerana membolehkan demokrasi.

---

<sup>160</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:91-92.

<sup>161</sup>. QS. AL-ISRA' 17:32.



Jika ia seorang yang kelihatan taat dan warak pada ajaran agamanya, maka ia masih di dalam tahap kejahilan yang belum disedari. Perlu difahami bahawa tujuan asal penubuhan sistem demokrasi oleh Yahudi ialah untuk melenyapkan hak Allah ﷻ dalam sistem siasah Islamiyah dan menggantikannya dengan sistem sekular jahiliyah yang hanya dikendalikan oleh otak pemikiran manusia demi kepentingan keduniaan semata-mata serta menolong menghidup-mewahkan lagi kaum kapitalis, mengukuhkan sistem riba, penindasan terhadap kaum yang lemah, rasuah, penipuan dan berbagai-bagai lagi jenayah yang kejam dan keji.

Sistem dan kehidupan berbentuk demokrasi telah berjaya merosakkan sosio-budaya dan akhlak-etika masyarakatnya sehingga melahirkan masyarakat sakit jiwa, stress, ketakutan, gila seks, kerosakan akidah dan berbagai-bagai lagi jenayah, kerana sistem demokrasi tidak pernah berjaya mengimplementasikan keadilan sosial yang menyeluruh dan sama rata.

Peraturan Islam, apabila dilaksanakan sistem pemerintahannya melalui al-Quran dan as-Sunnah, akan memimpin manusia ke jalan yang sempurna dan merdeka, mengatur dan menyusun kehidupan sosial masyarakat secara adil, saksama dan harmoni. Ia berbeza dengan sistem pemerintahan demokrasi yang lebih banyak mencorakkan manusia kepada keegoan di bawah penjajahan hawa nafsu yang tidak mereka sedari. Islam

diturunkan dari langit dan diwariskan kepada ummah oleh Nabi Muhammad ﷺ yang mempunyai akhlak yang mulia lagi terpuji berbanding dengan demokrasi yang dicipta oleh akal pemikiran manusia yang dangkal, warisan golongan Yahudi yang terlaknat dan Nasrani yang dimurkai Allah.

Demokrasi adalah perjuangan para kapitalis melalui revolusi ekonomi yang berlumuran dengan riba. Ia ditaja oleh golongan pemodal elit Yahudi yang berkepentingan. Matlamat utama mereka demi penghapusan kaum Feudal yang dianggap konservatif dan semua corak pemerintahan yang masih mempunyai nilai-nilai agama yang tidak disenangi oleh golongan Yahudi.

Kita sudah difahamkan dengan beberapa penjelasan yang telah diulang-ulang, bahawa demokrasi tidak dapat dipisahkan dari sistem ekonomi kapitalis atau ekonomi mementingkan dan mendahulukan riba untuk merampas dan memakan harta kekayaan orang lain secara batil, sedangkan Allah ﷻ berfirman:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ  
الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا

إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۗ  
فَمَنْ جَاءَهُد مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ  
وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۗ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ  
فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٦﴾ يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي  
الصَّدَقَاتِ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٧﴾

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan syaitan. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba, padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. Allah susutkan

(kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa”.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَاْكُلُوْا اَرْبٰٓوًا اَضْعَفًا  
مُّضَعَفَةً ۗ وَاَتَّقُوا اللّٰهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿١٦٢﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya!”<sup>162</sup>

وَاٰخِذِيْهِمُ الرِّبٰٓوٰٓا وَقَدْ بُهٖوْا عَنْهُ وَاَكْلِيْهِمْ اَمْوَالَ النَّاسِ  
بِالْبٰطِلِ ۗ وَاَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِيْنَ مِنْهُمْ عَذٰبًا اَلِيْمًا ﴿١٦٣﴾

“Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan) mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya).

---

<sup>162</sup>. QS. ALI IMRAN 3:130.

*dan (ingatlah) Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang kafir di antara mereka, azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.*<sup>163</sup>

Kita perlu tahu dan sedar bahawa tujuan diwujudkan gandingan dua sistem ini (demokrasi dan riba) oleh golongan elit Yahudi adalah semata-mata untuk kepentingan mereka, kerana hidup dan matinya masyarakat Yahudi sejak berzaman-zaman lamanya adalah atas hasil riba, penindasan, penipuan dan jenayah. Allah ﷻ telah menyingkap rahsia kejahatan dan segala kejahatan dan penipuan Yahudi:

سَمْعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَلُونَ لِلسُّخْتِ

*“Mereka itu (Yahudi) pendengar-pendengar perkataan bohong (penipu), mereka (Yahudi) pemakan (hasil yang diperolehi) secara haram”.*<sup>164</sup>

Demokrasi diperjuangkan untuk mendaulatkan manusia atau rakyat dan demi penubuhan pemerintah sekular jahiliyah, sebaliknya Islam diamanahkan kepada manusia supaya mereka berjihad demi untuk mentauhidkan Allah ﷻ, mendaulatkan Nya dan

---

<sup>163</sup>. QS. AN-NISAA 4:161.

<sup>164</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:42.

memelihara agama Nya iaitu dengan cara memelihara daulah Nya (pemerintahan Islam). Adalah haram menghentikan jihad (perjuangan suci Islam di segala aspek dan caranya) dengan cara menggantikan perjuangan tersebut dengan perjuangan ideologi demokrasi yang secara tidak langsung mengimarahkan ideologi Yahudi (bangsa yang mengasas dan menghidupkan ideologi jahiliah ini).

Yahudi pula inginkan supaya kita mengikut millah mereka, bermakna mereka mahu kita sujud di kaki bangsa Yahudi kerana adanya sikap kesombongan mereka yang telah menganggap diri mereka sebagai anak-anak atau kekasih Allah. Selain dari bangsa Yahudi dianggap (oleh golongan Yahudi) sebagai Goyem yang terhina, yang mahu mereka aniyai sesuka hati mereka. Perbuatan, kepercayaan dan sangka-sangka jahat mereka ini bukanlah isu baru tetapi ia sudah digambarkan oleh Allah ﷻ sejak ribuan tahun yang lalu. Allah berfirman:

قُلْ يَتَّيِبُهَا الَّذِينَ هَادُوا إِنْ زَعَمْتُمْ أَنْكُمْ أَوْلِيَاءُ لِلَّهِ مِنْ

دُونِ النَّاسِ فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٠١﴾ وَلَا

يَتَمَنَّوْنَهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمْت أَيْدِيَهُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ  
بِالظَّالِمِينَ

*“Katakanlah: Hai orang-orang Yahudi, jika kamu mendakwakan bahawa kamu wali (kekasih) Allah, bukan seperti manusia (yang lain), maka hendaklah kamu bercita-cita mati, jika kamu itu orang yang benar! Mereka tiada cita-cita untuk mati selama-lamanya, kerana (dosa) yang diperbuat oleh tangan mereka, dan Allah mengetahui orang yang aniaya”.*<sup>165</sup>

Yahudi terlalu memusuhi orang-orang Islam, oleh sebab itulah melalui konspirasinya mereka membuat perancangan untuk terus menyeksa dan membunuh kaum Muslimin rohani dan jasmani atau spiritual dan fizikal. Suatu kekeliruan dan kesalahan dalam tindakan umat Islam sekarang, ini terjadi apabila ada di kalangan mereka yang menyamakan jalan perjuangan Islam yang pragmatik lagi suci dengan perjuangan demokrasi yang spekulatif dan kabur, sehingga mereka ingin menyadur ideologi demokrasi yang diambil dari fikrah jahiliyah ini dengan nama Islam. Untuk mengelirukan dan mengelabui pandangan umat Islam, maka mereka memberi alasan

---

<sup>165</sup>. QS. AL-JUM'AH 62:6-7.

sebagai satu strategi dalam uslub perjuangan untuk membela Islam.

Kenyataannya, motif dan prospektif sebenar para pejuang dan pendokong demokrasi di kebanyakan Negara-negara Islam sekarang ini adalah rakuskan kedudukan, ingin mengumpul harta, gilakan kuasa dan nama. Hanya sedikit sahaja yang benar-benar ikhlas dan jujur untuk membela nasib rakyat. Ini adalah kerana sistem demokrasi boleh menjanjikan dan memberi mereka peluang untuk melakukan yang sedemikian. Malangnya, mereka tidak mahu sedar bahawa mereka telah menghidupkan dan menegakkan era kepimpinan politik jahiliyah dan pemerintahan taghut dan menaja untuk anak cucu mereka sebuah model politik mungkar yang tidak mengenal maruah dan moral. Implikasinya, para pejuang atau mereka yang pro-demokrasi secara langsung atau tidak langsung, sedar atau tidak sedar bahawa mereka telah merosakkan akidah Islamiyah, mencemarkan kesucian Islam, memburukkan nama baik penganutnya, mencetus perpecahan dan melahirkan ramai individu-individu dan para pemimpin yang bersikap hipokrasi kepada rakyat atau di antara sesama mereka.

Sememangnya sistem demokrasi sama sahaja seperti sistem parti politik sekular yang lain. Pemimpin dan pengikut parti ini tidak melihat pertalian agama sebagai ikatan persaudaraan walaupun pernah dikandung di dalam satu perut (rahim) ibu yang sama dan menganut



agama yang serupa. Ikatan atau hubungan persaudaraan bagi mereka hanya dilihat pada seorang yang berada di bawah naungan satu parti dan satu bendera dengannya sehingga sikap begini telah mewujudkan perasaan antitesis kepada setiap individu dari parti lawan walaupun seagama, senegara dan sebangsa.

Akhirnya mereka membangkitkan nasionalisme kepartian serta asabiyah yang fanatik dan ekstrim yang terbit dari sentesis semangat demokrat sekalipun parti yang sedang mereka dokong dilebelkan dan cuba bermodalkan isu-isu keIslaman, sehingga semangat tersebut telah mengelirukan erti perjuangan (jihad yang sebenar). Tanpa disedari mereka telah keluar dari motif ingin meninggikan kalimah Allah ﷻ sehingga semangat dakwah mereka diselang-selikan dengan jeritan Allahu Akbar! Inilah jenis takiyah (hipokrit) atau kemunafikan yang sedang seronok dilakukan oleh para pro-demokrasi. Mereka terpesona dan tenggelam oleh laungan serta semangat mendokong cita-cita nasionalisme kepartian untuk mendirikan negara demokrasi. Inilah juga diayah jahiliyah yang sedang melanda kebanyakan umat dan Negara-negara Islam yang malang disebabkan kehilangan arah kerana membelakangi Islam, yang terjadi di dunia akhir zaman sekarang ini.

Malaysia adalah salah satu di antara beberapa negara bekas tanah jajahan Imperialis Barat yang telah menjadi mangsa. Negara ini telah mewarisi sistem atau

corak sosio-ekonomi, undang-undang dan politik berasaskan demokrasi warisan penjajah sehinggalah kesaat ini. Malaysia seperti juga Negara-negara Islam lain yang pernah dijajah oleh British, masih mahu mengekalkan sistem ekonomi dan sistem politik demokrasi yang berorientasikan Barat. Boleh diumpamakan Amerika sebagai induk model sistem politiknya, dan tentulah London sebagai hala kiblatnya yang telah mengalirkan sistem ekonomi kapitalisnya kepada Negara-negara yang telah dijajahnya.

Malaysia adalah sebuah negara kapitalis, telah terserap dan mendarah daging sistem demokrasi sehingga sama sekali tidak dapat dipisahkan dari politiknya kerana berdasarkan sistem berpolitik demokrasi corak London yang dicorakkan oleh Yahudi. Untuk itu maka renunglah apa yang dinyatakan oleh Des Griffin di dalam tulisannya:

*“Hakikatnya, penguasa sebenar di England adalah golongan pemodal-pemodal elit Yahudi antarabangsa yang tinggal di Kota London. Di situ terdapat suatu jawatankuasa yang dianggotai oleh dua belas orang pentadbir (dari kalangan Yahudi)”*.<sup>166</sup>

---

<sup>166</sup>. Lihat: *Descent Into Slavery*. Hlm. 32. Des Griffin. Oregon USA. Emissary Publication 1980.

Ketahuiilah bahawa keluarga seorang Yahudi yang kaya-raya bernama Rothschild telah menguasai ekonomi Britain<sup>167</sup> dan Eropah. Bank-bank Negara England dikuasai sepenuhnya oleh beliau.<sup>168</sup> Bangsa Yahudi telah menguasai ekonomi Britain sepenuhnya sejak tahun 1815M melalui Stock Exchange London. Walaupun ada dakwaan bahawa Bank Of London telah dimiliknegarakan pada tahun 1945, tetapi ini hanya satu tipu helah dan strategi sahaja sebagaimana kenyataan Des Griffin:

*“Bank England yang dimiliki oleh Rothschild tersiar telah dimiliknegarakan tetapi hakikatnya, ini adalah satu tipu helah agar rakyat Britain dikelirukan. Yang sebenarnya yang terjadi ialah kuasa keluarga Rothschild dikukuhkan lagi kerana semua bank terpaksa menggunakan mata wang yang dikeluarkan oleh Rothschild melalui saluran Bank England”.*<sup>169</sup>

Negara Amerika Syarikat pula, sebagai kuasa besar yang bersistemkan demokrasi dan kapitalismenya tidak terlepas dari genggaman pemodal elit Yahudi antarabangsa. Des Griffin menerangkan bagaimana melalui tipu helah yang cekap, pemodal-pemodal Bank Yahudi Antarabangsa pada 23 Disember 1913 telah

---

<sup>167</sup>. Ibid. hlm. 218.

<sup>168</sup>. Ibid. hlm. 36.

<sup>169</sup>. Lihat: The Most Secret Science. Hlm. 51-51. Archilbald E. Robert. Fort Collinso Bertsy Ross. Press. 1971.

berjaya menubuhkan The Federal Reserve Bank of America dan melalui bank ini mereka berjaya menguasai keseluruhan ekonomi Amerika Syarikat.<sup>170</sup>

The Federal Reserve Bank of America dikuasai oleh syarikat korporat persendirian bukan bank kerajaan Amerika. Bank milik Yahudi ini telah diberi kuasa dan kebenaran oleh dewan kongres Amerika pada 1913M (Federal Reserve Act) untuk mencetak mata wang Amerika sebanyak-banyaknya.

Kerajaan Amerika Syarikat masih menanggung beban hutang dengan pemilik The Federal Reserve Bank berjumlah satu trillion Dollar Amerika dan bunga riba tahunan yang mesti dibayar dan dilunaskan ialah sejumlah 100 billion US.<sup>171</sup>

Yang paling berkuasa di Amerika ialah Council Foreigning Relations, satu badan yang dijalankan dan dikuasai sepenuhnya oleh pemodal elit (Yahudi) antarabangsa. Secara logik apabila ekonomi Amerika dan Eropah dapat dikuasai oleh Yahudi, maka ekonomi dunia juga dapat dikuasainya.<sup>172</sup>

---

<sup>170</sup>. Lihat: None Dare Call It Conspiracy. Hlm. 78. Garry Allen. Seal Beach California Concore Press. L971.

<sup>171</sup>. Lihat: Al-Masoniah, Rabitah Al-Alam Al-Islami. Hlm 148. Muhammad Safwat as-Saaqa. Mekah, Arab Saudi, 1982.

<sup>172</sup>. Ibid. hlm. 76.

Jelasnya, dapat dibuktikan bahawa di antara tanda-tanda penguasaan Yahudi di dalam ekonomi Amerika dapat dikesan pada wang satu dollar U.S.A yang dipenuhi dengan logo dan lambang-lambang keYahudian, atau logo-logo Illuminati (pertubuhan sulit Yahudi antarabangsa) mistik akulta (sihir) yang ditubuhkan oleh seorang Yahudi Adam Waishpaut di Jerman pada 1 May 1776. Tarikh ini diabadikan oleh Yahudi melalui logo Illuminati pada wang 1 (satu) dollar Amerika. Tercatat tarikh penubuhan Illuminati pada wang tersebut dengan tulisan MDCCLXXVI, bermaksud 1776. Tarikh ini tidak ada kena mengena dengan apapun sempena atau kejadian bersejarah di Amerika Syarikat. Tercatat juga dua kalimah: ANNUIT COEPTIS bermaksud: *Perjuangan yang kita jayakan*. Di bawahnya pula tertulis: NOVUS ORDO SECLORUM yang bermaksud: *Orde Baru Dunia* atau *Orde Baru Sosial*.

Terdapat juga di dalam logo ini 13 nombor mistik, 13 susunan batu-bata pyramid, 13 anggota tertinggi Pertubuhan Illuminati Yahudi dan 13 bilangan suku Yahudi. Mata yang tertinggi di atas Piramid adalah melambangkan mata Tuhan Lucifer yang sentiasa celik melihat pergolakan dunia yang dilakukan oleh tangan Yahudi.

Sebagaimana yang telah kita ketahui, sistem ekonomi kapitalis adalah tonggak kekukuhan dan penentu hidup matinya sistem politik demokrasi. Selagi dua

jenama ideologi batil dan mungkar ini masih menguntungkan dan masih dikehendaki oleh para pemodal elit Yahudi untuk terus memerintah dan diamalkan oleh negara-negara yang menjaga kepentingan dan dapat memenuhi kehendak Yahudi, maka sistem ini akan dihidupkan terus supaya dapat menjalankan dasar-dasar kejahatan dan kezaliman mereka. Hasrat utama mereka adalah untuk menjadikan Goyem sebagai lembu cucuk hidung atau spesies haiwan ternakan Yahudi antarabangsa yang patuh dan setia, terutamanya di Negara-negara Islam di mana para pemimpin dan masyarakatnya masih boleh dilekakan dengan mainan sistem demokrasi dan ekonomi jahiliah ciptaan Yahudi ini supaya berpecah-belah.

Yahudi sentiasa aktif dalam hal-hal seperti ini sebagaimana ikrar mereka di dalam muktamar tahunan sempena memperingati Revolusi Perancis iaitu:

*“Strategi Masoni (Yahudi) ialah terus membentuk pemerintahan yang tidak beriman dengan Allah”.*

Di dalam muktamar antarabangsa mereka di Paris pada tahun 1900 juga sudah diikrarkan:

*“Strategi Masoni (Yahudi) ialah menubuhkan Republik yang tidak menerima agama sejagat dengan cara menolak konsep keTuhanan”.*

Kini, apakah di sebalik sistem demokrasi dan ekonomi kapitalis riba yang sedang hangat dan bersemangat diperjuangkan oleh masyarakat Islam tidak ada kaitannya dengan gerakan Yahudi antarabangsa dan tidak memberi saham besar kepada perjuangan Annuit Coeptis Yahudi yang belum disedari oleh kebanyakan umat Islam dan pemimpinnya?

Umat Islam yang masih berfahaman demokrasi dan memperjuangkannya perlu meneliti dan mengkaji semula model dan pegangan perjuangan mereka, kerana sistem demokrasi yang mereka anut itu tetap sistem demokrasi kelahiran Majusi, membantu, memelihara dan menyumbang perjuangan Yahudi walaupun sekarang ini di Negara-negara Islam ia cuba dibalut, disadur dan dilabelkan dengan nama Islam.

Umat Islam yang telah mengetahui dan menyedari hakikat kenyataan ini, insya-Allah mereka tidak akan mengelirukan umat al-Quran dengan penipuan yang berpandukan teori Yahudi Machiavellianisme "Tujuan Menghalalkan Cara atau Niat Baik Boleh Menghalalkan Cara". Falsafah ini hanya subur dan dapat diterima oleh pendokong demokrasi/kapitalis yang keliru dan mangsa penipuan Yahudi, tetapi tidak dapat diterima oleh setiap orang yang beriman, berilmu, berfikiran rasional, berakhlak, bermaruah serta bermoral tinggi, kalau diamalkan hanyalah kerana terpaksa seperti di Malaysia dan juga di Negara-negara Islam lainnya.

Sains kemasyarakatan juga dapat membuktikan kekeliruan teori Machiavellianisme, bahawa tidak mungkin cara yang salah dapat menghasilkan tujuan yang diharapkan terjadi jika tidak mengikuti formula, peraturan dan resipinya yang telah ditetapkan.

Kita ambil contoh yang mudah difahami iaitu cara dan resipi membuat keju tidak mungkin sama dengan cara dan resipi untuk memproses belacan, walaupun niat, tujuan dan janji-janjinya untuk menghasilkan atau mahu mengeluarkan belacan terbaik dan bermutu tinggi. Resipi keju tetap menghasilkan keju termasuk bau dan rasanya walaupun ditampal, dilabel dan dijenamakan belacan pilihan dan terbaik. Begitu juga dengan tujuan dan resipi untuk membuat belacan, jika diusahakan hasilnya akan tetap menjadi belacan yang akan mengeluarkan belacan termasuk bau, rasa dan warnanya.

Realitinya, itulah juga yang akan berlaku kepada teori dalam sistem demokrasi. Ia akan tetap menghasilkan individu-individu, masyarakat dan Negara kapitalis atau demokrat. Ia tidak akan menjadi atau menghasilkan sistem Islam walaupun seribu pakar cuba menukar dan mahu menjadikan ia benar-benar Islam sekalipun dicuba melalui proses Islamisasi selagi ia menggunakan cara demokrasi atau ala demokrasi jahiliyah. Projek yang beresipi demokrasi serta menggunakan acuan demokrasi akan tetap menghasilkan demokrat, sama ada berbentuk sosial demokrat, liberal demokrat atau seumpamanya. Ia



tidak akan mewujudkan Islam atau sistem Islam sekalipun diistilahkan Islam demokrat. Begitu juga sistem politik dan ekonomi jenis ini tidak dapat dihalalkan dengan beralasan kepada apapun falsafah atau teori termasuklah teori Machiavellian. Demokrasi adalah parti pergerakan yang mempertuhan dan memperjuangkan hawa nafsu kebendaan dan demi keduniaan semata. Itulah sebabnya teori Machiavellian amat sesuai pada mereka yang suka menipu dengan menggunakan nama kebenaran, agama atau politik.

Secara tabii pula, tidak mungkin dalam satu masa dan ketika seorang individu dapat menerima dua pegangan (ideologi) atau akidah di hatinya secara serentak iaitu akidah Islamiyah yang bersandarkan al-Quran dan al-Hadis dan dalam masa yang sama mengambil akidah demokrasi sekular kebendaan secara seiringan. Tambahan pula, ideologi demokrasi adalah ideologi jahiliyah yang tidak dapat disatukan dengan akidah Islamiyah yang suci sebagaimana firman Allah ﷻ:

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّنْ قَلْبَيْنِ فِيْ جَوْفِهِۦ

*“Allah tidak akan menjadikan pada diri seseorang individu dua pegangan (akidah/ideologi) di hatinya pada satu masa (serentak)”*.<sup>173</sup>

---

<sup>173</sup>. QS. AL-AHZAB 33:4.

Sebagaimana yang telah dibincangkan, Islam adalah ibadah, akidah dan hak atau kebenaran yang datangnye dari Allah ﷻ. Demokrasi pula dipenuhi dengan penipuan, kecacatan, kepincangan dan kebatilan yang datangnye dari akal atau fikiran manusia yang serba kekurangan dan lemah, maka tidak mungkin yang hak dapat disetara atau disatukan dengan yang penuh dengan kebatilan. Allah ﷻ telah melarang perbuatan yang sedemikian dengan firman Nya:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ﴿١٧٤﴾

*“Dan janganlah kamu campur-adukkan yang hak itu dengan kebatilan, dan janganlah kamu sembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahuinya”.*<sup>174</sup>

Yang paling benar dan hak dalam perkara apa sekalipun adalah yang datangnye dari Allah ﷻ termasuklah dalam pentadbiran negara seperti politik, ekonomi, sosial, undang-undang dan sebagainya kerana Allah ﷻ telah berfirman:

---

<sup>174</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:42.

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ <sup>ط</sup> فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿١٧٥﴾

*“Kebenaran itu datangnya dari Tuhanmu, oleh itu jangan sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu-ragu”.*<sup>175</sup>

Ada di antara para politikus yang beragama Islam secara sedar atau tidak telah mencampur-adukkan kemungkaran perjuangan demokrasi dengan perjuangan al-Quran. Kononnya mereka meletakkan perjuangan al-Quran di sebelah kanan dan ideologi demokrasi di sebelah kiri berjalan seiringan. Orang-orang yang berfahaman seperti ini diistilahkan sebagai para pejuang yang kegersangan ilmu agama dan telah ketandusan idea yang ditalbis (diperangkap) oleh iblis dan dimakr (ditipu) oleh syaitan, dikhuatiri batal iman, keIslaman dan akidahnya, kerana ia memikul Islam di sebelah kanan dan kekufuran di sebelah kiri, beriman secara separuh-separuh atau beriman dengan sebahagian ajaran Islam, sebahagian yang lain lagi berpegang dengan ideologi politik jahiliyah sedangkan orang-orang yang beriman seperti ini telah diberi amaran oleh Allah ﷻ di dalam al-Quran:

---

<sup>175</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:147.

أَفْتَوْمُنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا  
جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ  
الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ  
بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

*“Apakah kamu beriman dengan sebahagian isi al-Kitab dan mengkufuri sebahagian yang lain? Maka tiada balasan bagi mereka yang berbuat demikian di antara kamu, melainkan kehinaan kehidupan di dalam dunia, dan pada Hari Kiamat mereka dimasukkan ke dalam seksaan yang keras. Allah tiada lalai dari apa yang kamu kerjakan”.*<sup>176</sup>

Orang-orang yang telah dikisahkan oleh Allah ﷻ melalui ayat di atas merupakan orang-orang yang tidak beriman dan tidak ada iltizam. Mereka digelar sebagai munafik atau muzabzib (tidak ada pendirian) sebagaimana telah difirmankan oleh Allah ﷻ:

<sup>176</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:85.

إِنَّ الْمُنْفِقِينَ تَخَذِعُونَ اللَّهُ وَهُوَ خَدِعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا  
إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا كُسَالَى يُرَاءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ  
اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٤٢﴾ مُذَبَذَبِينَ بَيْنَ ذَلِكَ لَا إِلَى هَؤُلَاءِ وَلَا  
إِلَى هَؤُلَاءِ وَمَنْ يُضِلِلِ اللَّهُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ سَبِيلًا ﴿٤٣﴾

*“Sesungguhnya orang-orang munafik itu menipu Allah, dan Allah akan membalas tipuan mereka dan apabila mereka berdiri untuk solat mereka berdiri dengan malas mereka bermaksud riak (menunjuk-nunjukkan solatnya) di hadapan manusia, dan tidaklah mereka menyebut nama Allah kecuali sedikit sekali. Mereka dalam keadaan ragu-ragu antara yang demikian (iman atau kufur): Tidak masuk kepada golongan ini (orang-orang beriman) dan tidak (pula) kepada golongan (orang-orang kafir), barangsiapa yang disesatkan oleh Allah, maka kamu sama sekali tidak akan mendapat jalan (untuk memberi petunjuk) baginya”.*<sup>177</sup>

\*\*\*\*\*

---

<sup>177</sup>. QS. AN-NISAA 4:142-143.

(13)

\*\*\*\*\*

## ISLAM AGAMA AKIDAH DAN PERATURAN HIDUP

**I**SLAM adalah agama akidah, ibadah dan peraturan hidup. Diturunkan dari langit untuk mengatur penghidupan seluruh manusia. Dengan istilah lain Islam adalah cara hidup yang paling sesuai untuk mengatur cara-cara berekonomi, berpolitik, bersosial dan berundang-undang demi memenuhi tuntutan tauhid dan ibadah kepada Allah ﷻ.

Kaedahnya ialah dengan sentiasa kembali dan berpandukan kepada al-Quran dan as-Sunnah, bukan berpandukan kepada spekulasi, logika atau falsafah Majusi Greek (Yunan) yang diselaputi kejahilan. Al-

Quran dan as-Sunnah sudah sempurna, malah dapat melengkapkan semua tuntutan dan keperluan hidup setiap lapisan masyarakat dan bangsa serta dapat memenuhi segala keperluan di dalam setiap wadah perjuangan. Allah ﷻ telah berfirman menjelaskan tentang kesempurnaan al-Quran:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي  
وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

*"Hari ini Aku telah sempurnakan agama kamu, dan Aku sempurnakan nikmat Ku padamu, dan Aku hanya meredai Islam sebagai agamamu." (QS. AL MAIDAH 5:3).*

Demokrasi bukanlah suatu ideologi politik yang lengkap dan sempurna yang boleh dianggap bersih dan berteraskan keadilan. Dasar politik ini lebih banyak menyalurkan saham keuntungan kepada kaum kuffar terutamanya kaum elit Yahudi melalui konsep ekonomi kapitalismenya yang tidak mungkin dapat dipisahkan dari sistem politik demokrasi yang memonopoli serta mengeksploitasi ekonomi dunia melalui kegiatan bank-bank mereka (Yahudi) di Eropah, Amerika dan bank-bank tempatan di seluruh dunia. Di samping itu sistem ini diprogramkan untuk meracun dan menghapuskan agama

Islam dan akidahnya secara yang tidak disedari oleh umat Islam dan para pemimpinnya.

Agama Islam adalah agama gerakan, islah dan jihad yang berterusan dengan berteraskan al-Quran dan as-Sunnah. Gerakan ini tidak boleh dicemari oleh apa pun fahaman, falsafah atau ideologi yang dihasilkan oleh hawa nafsu, pandangan akal fikiran atau otak manusia, sama ada yang beraliran demokratik, sosialis, asabiyah (nasionalisme) dan seumpamanya yang semata-mata direka-cipta oleh hawa nafsu atau pemikiran manusia. Tambahan pula setiap falsafah, ideologi dan isme-isme ciptaan manusia sering melupakan nilai-nilai kerohanian murni, mencemarkan akidah, tidak melalui uslub, bukan dari sumber ilmu pengetahuan yang sempurna (epistemology of knowledge) dan tidak bersandar kepada wayhu Ilahi.

Sistem politik demokrasi lebih bergantung kepada kepintaran akal fikiran manusia yang terbatas, berpandu kepada instink, pengalaman, ujian dan percubaan yang belum berkesudahan malah sering menempuh kegagalan di berbagai-bagai aspeknya.

\*\*\*\*\*



(14)

\*\*\*\*\*

# DEMOKRASI IDEOLOGI SESAT DAN MENYESATKAN

**P**ALING menyesatkan, demokrasi membentuk dan membina serta sentiasa melaksanakan bersamanya sekularisme untuk meruntuhkan peranan agama dalam politik. Kemudian menjalar ke dalam masyarakat yang mengakibatkan masyarakat lebih materialis dan utilitarian. Dalam istilah lain, masyarakat sekular yang dicorakkan oleh doktrin ideologi demokrasi ialah masyarakat yang mempunyai aspek kehidupan sosial yang bebas daripada penguasaan hukum syarak atau institusi agama. Kuasa dan pengaruh agama dihadkan bermula

dari pemisahan agama dari politik dan kerajaan berterusan kepada penumpuan duniawi (meninggalkan unsur-unsur rohani, ukhrawi atau agama) di setiap aspek kegiatan hidup.

Di segi sains dan ilmu pengetahuan, doktrin demokrasi tidak mengaitkan kecekapan, kebolehan dan kepandaian manusia dengan anugerah Allah ﷻ yang berupa agama. Akhirnya nilai dan matlamat penghidupan di dunia hanyalah kerakusan mengejar keseronokan dan kebahagiaan jasmani sahaja.

Ideologi demokrasi tidak berupaya memberi fungsi yang konstruktif untuk memupuk dan memelihara perpaduan sosial. Fenomena ini dapat dilihat di setiap negara yang bersistamkan demokrasi. Struktur ideologi di negara-negara tersebut begitu rapuh dan masih kucar-kacir. Malah ia telah mencipta masyarakat diskriminasi yang lebih serius. Di Amerika misalnya, masih berlaku diskriminasi pada kaum Negro dalam perkara yang berhubung dengan peluang mendapat rumah, pekerjaan dan pelajaran.

Pemodenan dan pembangunan ekonomi kapitalis di Amerika tidak banyak memberi manfaat kepada kaum Negro kerana ramai daripada mereka masih tinggal di kawasan-kawasan mundur yang dikenali sebagai ghettos.

Diskriminasi kaum (perkauman) di Amerika Syarikat telah mendorong kemunculan beberapa pertubuhan untuk menentang dan menyelesaikan masalah tersebut. Di antaranya Gerakan Kuasa Hitam, Black Muslim atau Bilallian adalah gerakan mendesak supaya kaum Negro diberi lebih kuasa ekonomi, politik dan sosial. Kaum kulit hitam menjadi mangsa yang paling tertindas di Amerika Syarikat walaupun Amerika sentiasa melaungkan demokrasi. Islam tidak mengizinkan diskriminasi walau apapun bentuk dan tujuannya. Ini dapat dilihat melalui penjelasan dari al-Quran dan hadis Rasulullah ﷺ di bawah ini:

يٰٓاَيُّهَا النَّاسُ اِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَّاُنْثٰى وَجَعَلْنٰكُمْ  
شُعُوْبًا وَّقَبَاٖۗٔلٍ لِتَعَارَفُوْۤا ۗ اِنَّ اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللّٰهِ اَتْقٰىكُمْ  
ۗ اِنَّ اللّٰهَ عَلِيْمٌ حَبِيْرٌ

*“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu.*

Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal".<sup>178</sup>

لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَىٰ أَعْجَمِيٍّ وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَىٰ عَرَبِيٍّ وَلَا  
لَأَحْمَرَ عَلَىٰ أَسْوَدَ عَلَىٰ أَحْمَرَ إِلَّا بِالتَّقْوَىٰ.

*"Tidak ada kelebihan pada seorang Arab atas 'Ajam (bukan Arab), tidak ada kelebihan pada seorang 'Ajam atas orang Arab, tidak ada kelebihan pada yang merah atas yang hitam dan juga tidak pula yang hitam atas yang merah kecuali takwa".<sup>179</sup>*

Dalam perspektif Islam, memang tidak diharamkan membuat teori, mengambil serta mengamalkan falsafah asalkan ia benar-benar terbukti tidak bertentangan dengan prinsip al-Quran dan as-Sunnah. Kita pula perlu prihatin bahawa istilah dan perkataan dari satu-satu kabilah dan bangsa lazimnya dipengaruhi serta merupakan gagasan pemikiran dan inspirasi kesan dari pengaruh yang berunsur kepercayaan dari sosio-budaya dan sosio-ekonomi masyarakat tersebut. Maka begitu jugalah dengan ideologi demokrasi yang datangnya dari masyarakat Majusi Greek yang dipelopori oleh kaum elit Yahudi adalah mempunyai konsep yang serupa. Ia lebih dipengaruhi oleh kepercayaan dan sosio-

---

<sup>178</sup>. QS. AL-HUJURAAT 49:13.

<sup>179</sup>. H/R Ahmad.

budaya bangsa printisnya iaitu Majusi (Greek), Yahudi dan Nasrani.

Sebelum datangnya Imperialis Barat yang biadap dan rakus ke Negara-negara Islam, selain untuk penjajahan, mereka terlebih dahulu sudah membuat perancangan yang teliti supaya mudah mencapai objektif mereka dan sampai kepada sasaran yang telah dirancangan. Di antara rancangan niat jahat dan buruk dari perancangan-perancangan mereka ialah membaratkan (westernisasi) umat Islam (sebagaimana yang mereka lakukan di Turki) dengan cara mensekularkan sistem pemerintahan Negara-negara Islam yang terjajah apabila Negara-negara Islam tersebut memberontak meminta untuk dimerdekakan.

Lord Cromer pernah berkata:

*“England bersedia memberi kuasa politik sepenuhnya kepada tanah jajahannya setelah disediakan para politikus yang dibentuk melalui pendidikan Inggeris dan mempertahankan nilai-nilai British untuk mengambil alih, tetapi walau bagaimanapun keadaannya kerajaan Inggeris tidak akan bertolak ansur walaupun sesaat jika yang mahu ditubuhkan ialah Negara Islam yang merdeka dan berdaulat.”*

Perlaksanaan rancangan mereka juga ialah melalui penerapan akademik, falsafah atau teori demokrasi yang menekankan berbagai-bagai ideologi yang terpisah dari unsur-unsur kerohanian kepada ideologi falsafah kebendaan. Konsep kebenaran mutlak sememangnya tidak bertempat dalam kebanyakan teori-teori falsafah Barat Jahiliyah. Ini adalah kerana falsafah mereka sering diselubungi dengan seribu kecacatan, kepincangan dan kekeliruan sehingga sentiasa mengalami banyak perubahan dan terpaksa diubahsuai kerana tidak ada keserasian dengan peredaran masa, zaman dan persekitaran mereka.

Memang tidak boleh dibandingkan dengan al-Quran yang dipenuhi dengan petunjuk sebagai "*Hudan lil muttaqin; petunjuk bagi yang mahu bertakwa*" 2:2, dipenuhi dengan kebenaran "*Kebenaran itu hanya yang datang dari Tuhanmu*" dan isinya penuh ilmiah "*Bagi mereka yang mahu mengetahui*" 7:32. Al-Quran tidak akan berubah walaupun satu huruf, satu kalimah jauh sekali satu ayat atau satu surah. Tidak ada satu tangan yang mampu untuk mengubah-suai Kitab Suci ini dan ia tidak akan mengalami apapun perubahan sehinggalah ke Hari Kiamat. Setiap huruf, ayat atau keseluruhan teksnya tetap terpelihara.

Apa yang boleh berubah dari al-Kitab atau al-Quran ini hanyalah pengolahan dari pentafsirannya dan

pemahamannya, bukan kepada ayat, surah atau isi kandungannya.

Kepakaran dan kemahiran manusia mencipta apapun rekaan, tidak akan dapat atau mampu menandingi segala rekaan Allah ﷻ. Adalah suatu kejahatan yang berganda (murakkab) apabila ada manusia kerdil berani mencabar ciptaan Allah ﷻ yang serba indah, lengkap dan teratur ini dengan otak mereka yang dangkal, terutamanya dalam sistem penyusunan di bidang ketatanegaraan (politik-siasah), kematerialan (ekonomi), kemasyarakatan (sosiologi), keadilan mutlak (undang-undang) dan hukum pidana.

Di dalam bidang-bidang ini hanya Allah ﷻ yang mencipta alam maya ini dan segala isi serta penghuninya yang serba layak, pakar dan serba tahu bagaimana untuk mengurus, mengatur dan mengajar manusia cara-cara untuk menyusun dan mengendalikan urusan mereka di dunia. Ini melalui kepimpinan dan tunjuk ajar dari Rasul Nya yang berpandu kepada wahyu dalam segala aspek terutamanya pada perkara-perkara dan bidang yang telah kita perkatakan tadi.

Demikian juga tidak sepatutnya siasah syariah (politik Islam) diperkecilkan sehingga digantikan dengan politik taghut, ekonominya kepada ekonomi riba, hukum-hukum serta undang-undangnya kepada hukum jahiliyah

dan sosialnya kepada penerapan sosial yang diambil dari pendoktrinan Darwinisme, Marxisme, Freudisme dan yang lainnya dari kalangan musyrikin dan kuffar. Seorang mukmin yang mendalam imannya pada al-Quran dan as-Sunnah tentulah tidak rela melihat agama Islam dipermain-mainkan dan akan marah apabila al-Quran tidak dilaksanakan mengikut cara yang sewajarnya.

Kandungan al-Quran penuh dengan petunjuk dan uslub (metod) bagaimana mengamalkan cara hidup (hubungan) atau ibadah kepada Allah ﷻ, tanggungjawab terhadap diri sendiri, terhadap ibu bapa, keluarga, masyarakat, dan hubungan negara dengan sesebuah negara yang lain dalam berinteraksi dengan masyarakat antarabangsa.

Di samping itu ia juga menunjukkan cara dan peraturan tentang perlaksanaan ibadah-ibadah yang lainnya. Malangnya, kemuliaan dan kesempurnaan ini diperkecil-kecilkan dan dihina oleh para pejuang demokrasi dengan mengubahsuai pentafsiran beberapa potong ayat-ayat al-Quran mengikut selera parti supaya dijadikan modal untuk memancing suara majoriti, menjadikan al-Quran sebagai bahan memancing undi di samping dipertandingkan, penyeri pembukaan atau perasmian majlis, bahan bacaan untuk orang mati, untuk berkat-berkatan dan sebagainya. Perbuatan ini semua tidak akan dapat menyelami khazanah ilmu yang luas dan tidak mungkin dapat memahami dan menemui berbagai-



bagai ilmu yang terdapat di dalam al-Quran yang antaranya ialah ilmu siasah dan ekonomi.

Masyarakat Islam yang telah terperangkap di dalam sistem politik demokrasi dan ekonomi riba (kapitalisme) tidak ada inisiatif dan motivasi untuk mengkaji dengan serius segala isi kandungannya sedangkan Allah ﷻ telah menyuruh orang-orang yang beriman supaya menyelidiki dan mengkaji al-Quran. Firman Nya:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ﴿٢٤﴾

*“Tidakkah mereka memperhatikan (mengkaji, menyelidiki dan memahami) al-Quran? Atau hati-hati mereka telah tertutup?”*<sup>180</sup>

Setiap Muslim wajib mengimani bahawa al-Quran adalah petunjuk jalan bagi orang-orang yang mahu bertakwa iaitu *Hudan lil muttaqin*: “Petunjuk jalan bagi orang-orang yang mahu bertakwa”. Nabi Muhammad ﷺ adalah contoh pengamal dan pengajar cara yang tepat pada setiap apa yang telah diturunkan kepadanya yang dikenali sebagai al-Quran sebagaimana firman Allah ﷻ:

---

<sup>180</sup>. QS. MUHAMMAD 47:24.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا  
اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿١٨١﴾

*“Sesungguhnya telah ada pada Rasul Allah (Muhammad ﷺ) ikutan (contoh) yang baik kamu ikuti iaitu bagi orang yang mengharapkan (pahala) Allah dan hari yang kemudian, serta ia banyak mengingati Allah”.*<sup>181</sup>

Para sahabat ﷺ pula adalah pelaksana petunjuk yang dicontohi oleh mereka dari cara yang diamalkan oleh Nabi Muhammad ﷺ dan sekaligus membuktikan mereka telah berjaya merealisasikan Islam sebagai cara hidup yang syumul dalam segala aspek dan setiap segi setelah kewafatan baginda.

Nabi Muhammad ﷺ telah berpesan agar umatnya sentiasa taat mengikuti sunnahnya dan meninggalkan cara-cara dan contoh orang kafir. Baginda bersabda:

---

<sup>181</sup>. QS. AL-AHZAB 33:21.

عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي ، وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ مِنْ  
بَعْدِي ، تَمَسَّكُوا بِهَا ، وَعَضُّوا بِالنَّوَاجِدِ ، وَإِيَّاكُمْ  
وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ ، فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ.

*“Kembalilah (berpeganglah) kamu sekalian kepada sunnahku dan sunnah para Khulafa ar-Rasyidin selepas peninggalanku, berpegang teguhlah dengannya, maka gigitlah dengan gigi geraham, kemudian berjaga-jagalalah kamu dengan hal-hal yang baru (dicipta dan dimasukkan ke dalam urusan agama). Sesungguhnya setiap ciptaan yang baru itu bid'ah”.*<sup>182</sup>

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim juga mengatakan:

فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ ، وَكُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ ، وَكُلَّ ضَلَالَةٍ فِي  
النَّارِ.

*“Maka sesungguhnya setiap yang diada-  
adakan itu bid'ah, setiap bid'ah itu sesat, dan setiap  
yang sesat itu ke dalam neraka”.*

---

<sup>182</sup>. H/R Abu Daud dan at-Turmizi.

Para demokrat ternyata tidak berpegang dengan hadis-hadis ini dan langsung tidak berpegang dengan sunnah Khulafa ar-Rasyidin ﷺ. Sedangkan menurut sirah (sejarah), tidak kedapatan satu bukti bahawa para Khulafa ar-Rasyidin pernah menggunakan cara bersiasah dengan meminjam falsafah politik si Kafir. Sebaliknya para sahabat hanya bersiasah melalui petunjuk al-Quran. Malahan hanya dengan cara pengajaran yang diambil dari contoh perbuatan Nabi Muhammad ﷺ (as-Sunnah atau al-Hadis) mereka telah berjaya menumbangkan kekuatan empayar Rom dan Parsi yang sudah sekian lama bertamadun melebihi ribuan tahun yang lalu.

Kerajaan Rom dan Parsi ini dapat dijatuhkan oleh pemimpin dan rakyat Daulah Islamiah hanya dengan menggunakan uslub al-Quran dan as-Sunnah. Walaupun masa penurunan al-Quran tidak melebihi 23 tahun tetapi umat Islam telah berjaya menghancurkan dua buah Empayar pemerintahan taghut yang besar, kuat, digeruni dan cukup dengan kelengkapan peralatan perang mereka.

Realitinya, Kerajaan Islam di Madinah yang baru ditubuhkan telah berjaya melahirkan ramai para pahlawan (mujahidin) yang bertakwa, berani, sabar, warak dan zuhud hasil dari tarbiah melalui al-Quran dan as-Sunnah yang efisien. Sistem pemerintahan mereka bukan sahaja dapat mempertahankan keutuhan dan keharmonian Daulah Islamiyah, malah dengan struktur dan uslub perlembagaan

al-Quran, dalam masa yang singkat mereka dapat meluaskan Daulah Islamiyah sehingga ke Cordova, Sepanyol, Sicily dan Itali serta menyapu habis beberapa kerajaan taghut lain yang besar dan berkuasa ketika itu.

Gunacara para pemimpin dan umat Islam di dalam perjuangan mereka hanyalah dengan menerima tarbiah dan menjiwai al-Quran dan as-Sunnah serta mentaati segala prinsip-prinsipnya dalam semua bidang.

\*\*\*\*\*

(15)

\*\*\*\*\*

# SYURA ITU RAHMAH DEMOKRASI ITU MAFSADAH

**M** *AJLIS* syura (anggota syura) dalam sistem siasah Daulah Islamiyah terdiri dari kalangan (ahlul hilli wal-aqdi) iaitu para alim ulama yang soleh, zuhud, adil dan taat kepada Allah ﷻ sesuai dengan kedudukan mereka sebagai pemimpin Ummah Islamiyah yang bertanggungjawab.

Keadaan majlis perbincangan dan pembahasan adalah di dalam suasana sopan, berakhlak tinggi, tenang,

diredai Allah ﷺ serta sentiasa berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Sebaliknya, sistem politik demokrasi berpandu kepada parlimen yang berasal dari Britain “*The Mother of Parliments*” yang mempunyai kuasa tertinggi (sovereignty) membentuk perlembagaan. Parlimen dalam sistem demokrasi ini boleh dianggotai oleh parti musuh (lawan), percampuran di antara lelaki perempuan (ikhtilat), hatta boleh dianggotai oleh si Kafir, munafik, fasik dan zindik. Setiap usul dan cadangan yang dikutip dari suara majoriti rakyat dibawa oleh setiap anggota atau perwakilan serta tidak ketinggalan pelobi-pelobi yang berkepentingan ke parlimen, yang mereka pungut dari suara majoriti rakyat. Majlis perbincangan dan pembahasan pula sering mencetuskan suasana tegang, saling kutuk mengutuk, melepaskan perasaan dan perkelahian sebagaimana yang sering berlaku seperti di Korea, Taiwan, Eropah dan beberapa negara lain.

Sebagaimana yang sering dijelaskan, Islam berpegang teguh kepada sistem syura yang berprinsipkan al-Quran dan as-Sunnah kerana setiap Muslim beriktikad tiada suatu teori atau falsafah yang lengkap kecuali kitab al-Quran yang berupa wahyu dari Allah ﷺ sebagaimana firman Nya yang bermaksud: “Hari ini Kami sempurnakan agamamu”, 5:3, dan firman Nya lagi: “Tidak Aku terlupa (tertinggal) satu permasalahanpun di dalam al-Kitab (al-Quran)”, 6:38. Oleh sebab itu seorang yang benar-benar beriman dengan al-Quran akan tetap

menolak apapun teori dan falsafah (spekulasi) yang masih diragui, yang masih ada kekurangan, kecacatan dan ternyata pincang dalam mengatur dan memimpin manusia sejagat.

Sejak di awal perbincangan ini, telah dijelaskan bahawa demokrasi berasal dari Majusi, kemudian direvolusikan oleh kaum elit Yahudi dan Nasrani untuk dijadikan ideologi dalam mensekularkan sesebuah pemerintahan. Kalaulah hal ini telah kita ketahui, maka demokrasi adalah jelas merupakan suatu bentuk cara perjuangan orang-orang kafir yang tidak boleh ditaati dan diikuti. Ia bukanlah bentuk cara perjuangan orang-orang yang beriman kerana kita telah diberi landasan, jalan atau manhaj oleh Allah ﷻ untuk melangkah ke arah perjuangan jihad yang merupakan ibadah yang suci. Di segi hukum adalah haram berjuang menegakkan demokrasi yang dicipta oleh kaum kuffar kerana menurut akidah Islamiyah ia boleh membawa kepada perbuatan syirik. Allah ﷻ berfirman:

فَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَجَاهِدْهُمْ بِهِ جِهَادًا كَبِيرًا

*"Maka janganlah kamu taati orang-orang kafir, dan berjihadlah terhadap Allah dengan jihad yang besar".*<sup>183</sup>

---

<sup>183</sup>. QS. AL-FURQAN 25:52.



Negara Islam adalah negara syura (perundingan) dan umat Islam adalah umat syura, bukan negara demokrasi dan bukan umat demokrat. Allah ﷻ menegaskan bahawa hamba Nya yang benar-benar menerima seruan dan patuh kepada Nya adalah termasuk mereka yang menyamakan kewajiban solat dengan kewajiban syura sebagaimana firman Nya:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ

بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٢٤٤﴾

*“Dan (untuk) orang-orang yang memperkenankan seruan Tuhan Nya dan mendirikan solat, sedang urusan mereka dengan bersyura sesama mereka, dan mereka menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka”.*<sup>184</sup>

Dalam aspek syura, asas piawaian pada setiap permasalahan rakyat akan dirujuk kepada al-Quran dan bimbingan as-Sunnah, begitu juga asas, kaedah serta peraturan pada suatu ketetapan hukum dan undang-undang untuk memperolehi natijahnya. Maka tidak ada ruang bagi manusia untuk campur tangan dan membuat

---

<sup>184</sup>. QS. ASY-SYUURA 42:38.

pilihan yang lain atau membuat undang-undang sendiri. Jalan penyelesaiannya hanya diputuskan oleh al-Quran dan as-Sunnah di mana segala permasalahan tersebut diberi penilaian secara ilmiah melalui dua Kitab yang menjadi perlembagaan setiap umat Islam yang beriman. Firman Allah ﷻ:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ  
يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

*“Tidak ada bagi lelaki mukmin dan perempuan mukminah (hak masuk campur atau memilih) dalam urusan mereka, apabila Allah dan Rasul Nya telah memutuskan urusan itu, sesiapa yang mendurhakai Allah dan Rasul Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata”.*<sup>185</sup>

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي  
الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۗ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ

<sup>185</sup>. QS. AL-AHZAB 33:36.

إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۖ فَذَلِكُمْ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ  
تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

*“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan orang-orang yang beriman yang mengurus urusan diri kamu. Kalau kamu berbantah-bantahan tentang sesuatu (perkara), hendaklah kamu kembalikan kepada Allah dan Rasul jika kamu beriman kepada Allah dan Hari Kemudian. Demikian itu lebih baik dan sebaik-baik jalan”.*<sup>186</sup>

Setiap aspek demokrasi, berlainan dengan syura. Dalam konsep demokrasi, semua perkara dan permasalahan rakyat dikembalikan kepada kebijaksanaan rakyat, kuasa rakyat dan kedaulatan rakyat. Hanya rakyat yang berkuasa menggubal undang-undang, tidak ada kuasa tertinggi selain kuasa daripada rakyat. Sesuatu perkara akan dibentangkan kepada rakyat dan terserahlah kepada pendapat rakyat atau wakilnya membuat keputusan. Oleh itu, tidak ada penilaian lain, lantas mereka mengharuskan apa yang dirasakan harus oleh pemikiran hawa nafsu mereka. Dengan demikian, halallah homoseks, perzinaan tanpa paksa, arak dan lainnya

---

<sup>186</sup>. QS. AN-NISAA 4:59.

(berlakulah penghalalan apa yang telah diharamkan oleh Allah ﷻ).

• Umat Islam ditegah oleh Nabi Muhammad ﷺ dari meniru atau menyerupai suluk (jalan) amalan orang-orang kafir di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan persoalan ibadah. Kawajiban jihad (perjuangan) adalah bertujuan untuk menegakkan sistem politik Daulah Islamiyah dan untuk melaksanakan hukum-ahkamnya melalui pelaksanaan undang-undang syariah. Ia merupakan ibadah yang dituntut yang sudah ada contohnya di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Kita tidak perlu meniru dari orang-orang kafir untuk menyusun strategi perjuangan tersebut kerana penentu pelaksanaan ibadah perjuangan adalah Allah ﷻ semata-mata bukan secara tangkap muat dan meniru-niru cara dan konsep orang-orang kafir. Nabi Muhammad ﷺ telah berpesan dengan sabda beliau:

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ.

*“Barangsiapa yang menyerupai satu-satu kaum, maka dia telah menjadi golongan kaum tersebut (yang ditiru)”.*<sup>187</sup>

---

<sup>187</sup>. H/R Abu Daud dan at-Tabrani.

Matlamat perjuangan ini, sama ada ia akan berakhir dengan kematian atau kemenangan (kejayaan di dunia), tidak mungkin boleh dikategorikan sebagai perjuangan suci (mati syahid). Daulah yang berjaya didirikan juga tidak mungkin boleh diistilahkan sebagai Daulah Islamiyah (jika berjaya) kalau cara dan jalan perjuangan mereka tidak menepati kehendak al-Quran dan as-Sunnah, atau tidak mengikuti contoh-contoh para sahabat dan orang-orang salaf.

Hakikatnya, kejayaan yang sebenar hanya berpihak kepada sistem atau cara orang-orang yang mentauhidkan Allah ﷻ, bernabikan Nabi Muhammad ﷺ, berperlembagaan al-Quran dan as-Sunnah. Perlu difahami bahawa akidah Islamiyah adalah antithesis kepada ideologi demokrasi kerana demokrasi mempertuhankan hawa nafsu, bernabikan Majusi, Yahudi dan Nasrani, berkiblatkan peti undi, berkitabkan falsafah barat dan berperlembagaan hukum-ahkam jahiliyah.

Demokrasi telah memberikan kegagalan kepada printisnya "Bangsa Greek" di Kota Athens. Ia juga pernah menyebabkan kegagalan yang serius kepada beberapa negara walaupun mereka telah cuba mengolah semula dan mahu menjadikannya suatu kenyataan. Hakikat ini dapat dibuktikan melalui sejarah Negara Jepun, Itali dan German. Mereka menerima kegagalan yang paling mengecewakan semasa melaksanakan sistem demokrasi ini di negara masing-masing. Akhirnya mereka

mengambil alternatif perjuangan Mussolini dan Hitler melalui cara perjuangan Fasisme yang sederhana. Malangnya teori ini juga telah menghancurkan negara mereka sehingga German terpaksa menerima perjanjian Versailles yang memalukan rakyatnya. German juga terpaksa menghadapi berbagai-bagai krisis sehingga pada tahun 1923 mata wang German tidak bernilai langsung hinggakan satu dollar Amerika hanya bernilai 400,000 Marks.

Dalam kategori agama dan ilmu, demokrasi bukanlah termasuk dalam ajaran atau rumpun ilmu-ilmu Islam. Ia hanyalah suatu isme dan ideologi bid'ah yang diada-adakan oleh gerakan Yahudi antarabangsa untuk menghancurkan politik dunia melalui "*New Social Order*" nya yang sentiasa menjadi tajaan dan di dalam genggaman tangan mereka untuk merosakkan dunia dan masyarakat Goyem yang mereka samakan dengan spesis haiwan.

Setiap mukmin diwajibkan berpegang teguh dengan agama dan menganut Islam atas dasar kesedaran dan faham akan hakikat Islam yang sebenar supaya dapat menangkis setiap ideologi yang menyesatkan. Janganlah berpegang dengan agama ini semata-mata atas dasar warisan, keturunan atau berpegang kepada Islam kerana sesuatu keuntungan atau muslihat.

Orang-orang beriman wajib memahami Islam kemudian mengamalkannya secara keseluruhan (syumul)

sebagaimana perintah Allah ﷻ yang terdapat di dalam al-Quran:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَدْخُلُوْا فِى السَّلٰمِ كَافَّةً وَلَا  
تَتَّبِعُوْا خُطُوٰتِ الشَّيْطٰنِ ۚ اِنَّهٗ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِيْنٌ ﴿٢٠٨﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah (anutlah) kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu”.*<sup>188</sup>

Islam itu agama akhirat dan agama dunia yang berupa suatu tasawur amali yang juga mewajibkan setiap Muslim berpolitik (bersiasah) di samping melaksanakan beberapa kewajiban ibadah amali yang lain. Islam tidak boleh dihina atau diperkecilkan dengan dipolitikkan secara jahiliah, dilabelkan jenama jahiliah atau dijadikan bahan modal politik murahan.

Nabi Muhammad ﷺ, para sahabat dan sekalian pejuang-pejuang (mujahid) salaf tidak pernah menggunakan ideologi orang-orang kafir di dalam politik (siasah) mereka kerana mereka menyedari bahawa cara

---

<sup>188</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:208.

demikian adalah bid'ah. Mereka pula sangat takut dari segala bentuk perbuatan bid'ah dan mentaati setiap hadis yang memberi amaran tentang haram dan sesatnya perbuatan bid'ah, sebagaimana hadis Nabi ﷺ:

فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٍ ، وَكُلِّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ ، وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ .

*“Sesungguhnya setiap yang diada-adakan itu bid'ah dan setiap yang bid'ah itu sesat dan setiap yang sesat itu dalam neraka”.*<sup>189</sup>

Jika setiap individu Muslim mempunyai kesanggupan dan kesungguhan untuk meneliti buku-buku sirah Nabi Muhammad ﷺ dan para sahabat baginda, mereka akan menemui sejarah ribuan para sahabat yang dicintai oleh Nabi Muhammad ﷺ mati terkorban (syahid) hanya kerana semata-mata berniat ingin memperjuangkan dan mempertahankan agama Islam, al-Quran, as-Sunnah Rasulullah ﷺ serta hukum-ahkamnya yang sedang kita anuti sekarang ini.

Sedihnya mengapakah masyarakat Islam sekarang tidak dapat mencurahkan dan membuktikan cintanya kepada Nabi Muhammad ﷺ, dan tidak dapat menghargai

---

<sup>189</sup>. H/R Muslim.



perjuangan mereka yang telah syahid yang inginkan kalimah Allah ﷻ dan agama Islam sentiasa teratas, sehingga kita lupa dan meninggalkan cara perjuangan yang mereka wariskan kepada kita? Atau kita sekarang lebih mencintai dan menghormati kematian ribuan pejuang demokrasi yang jelas mahu menjadikan agama Islam di bawah kaki bendera mereka dan Islam pula diberi taraf kelas kedua? Mengapa kita mesti melanjutkan perjuangan si Kafir dan melupakan perjuangan suci Nabi Muhammad ﷺ serta sahabat-sahabat baginda, tabi'in dan para tabi'iu at-tabi'in yang mulia?

Apakah dapat disamakan kematian orang-orang yang beriman yang berjuang pada jalan Allah ﷻ dengan kematian orang-orang yang berjuang melalui gantian perjuangan demokrasi? Dapatkah dinamakan pejuang (mujahid) Islam kalau yang diperjuangkan bukan syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ tetapi fikrah (ideologi) jahiliyah yang dibawa oleh Yahudi? Pernahkah Nabi dan para sahabat-sahabat baginda memulakan perjuangan mereka untuk mendirikan Daulah Islamiyah dan untuk menegakkan kalimah Allah ﷻ dengan meminjam ideologi atau sistem jahiliyah yang ditiru dari konsep orang-orang kafir dimasa itu? Allah berfirman:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ  
عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

*“Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki”*.<sup>190</sup>

Islam adalah agama Allah ﷻ, agama yang lurus, lengkap dan praktikal, dilengkapi oleh Allah ﷻ dengan kerapian metod perjuangan yang tersendiri, dibalas pula dengan syahid jika pejuangnya terkorban, cukup dengan keadilan hukum dan undang-undang. Kita hanya disuruh berjuang serta menyembah Nya dengan cara mentaati segala suruhan Nya yang terkandung di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Melaksanakan dan memperjuangkan program Yahudi (apapun bentuknya, termasuk sistem demokrasi jahiliyah) tidak dapat dianggap sebagai suatu perjuangan dan amal ibadah yang dituntut oleh Allah ﷻ, sebaliknya ia adalah perbuatan bid'ah dan syirik. Sedarlah kita semua bahawa ini adalah perjuangan Yahudi.

---

<sup>190</sup>. QS. ALI IMRAN 3:169.

Begitu juga mereka tidak ada musuh yang paling dibenci dan ditakuti kecuali orang-orang Islam yang beriman dan berjuang melaksanakan segala suruhan yang termaktub di dalam al-Quran dan di dalam as-Sunnah. Allah ﷻ telah mengkhabarkan tentang Yahudi di dalam al-Quran dengan firman Nya:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا الْيَهُودَ  
وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا<sup>ط</sup>

*“Sesungguhnya kamu dapati orang-orang yang paling keras permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik”.*<sup>191</sup>

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصْرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ<sup>ا</sup>  
قُلْ إِن هُدَىٰ اللَّهُ هُوَ أَهْدَىٰ<sup>ب</sup> وَلَئِن أَتَبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ  
بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ<sup>ص</sup> مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِن وَلِيٍّ وَلَا

نَصِيرٍ<sup>ط</sup>

---

<sup>191</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:82.

*“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu sehingga kamu mengikuti kehendak mereka. Katakanlah: Sesungguhnya petunjuk Allah itu petunjuk (yang benar), dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kehendak mereka (Yahudi) setelah pengetahuan datang kepada kamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong kepada kamu”.*<sup>192</sup>

Muktamar Fiqh Islami yang diadakan di Mekah al-Mukarramah pada 15 Julai 1978 di dalam resolusi ke lapan, para perwakilan memutuskan bahawa:

*“Sesungguhnya tujuan sebenar pertubuhan sulit Masoni (Yahudi) ialah menentang keseluruhan agama untuk dihapuskan secara total dan penghapusan agama Islam dan pengikutnya secara khusus.”*

\*\*\*\*\*

---

<sup>192</sup>. QS. AL-BAQARAH 2:120.

(16)

\*\*\*\*\*

## HUKUM DEMOKRASI MENURUT SYARAK

**D**EMOKRASI adalah suatu ideologi falsafah yang telah dijadikan sistem politik global. Ia diambil dari pola cara pemikiran atau kepimpinan orang-orang kafir, zalim dan jahiliyah, sedangkan Allah ﷻ telah mengharamkan setiap mukmin mengambil cara berpolitik model mereka yang menghalalkan melantik orang-orang kafir untuk menguasai orang-orang Islam kecuali dalam keadaan darurat.

Allah ﷻ juga mengharamkan kepada setiap orang-orang yang beriman memilih orang-orang kafir untuk

dilantik menjadi pemimpin tanpa sebab yang memaksa. Kecuali jika seorang kafir dilantik oleh pemimpin Islam dan ia dibawah kepimpinan pemimpin Islam demi mangaja maslahat rakyat yang berbagai-bagai kaum dan agama, tetapi mash dikuasai oleh pemimpin Islam.

Syariat Islam melarang melantik orang yang sudah dikenali dan diketahui menentang Islam dan tidak akan berhukum dengan hukum Allah ﷻ dipilih untuk menjadi pemimpin, kerana yang demikian adalah perbuatan yang boleh membawa kepada kemungkaran, syirik kepada Nya dan juga merupakan sikap orang-orang munafik. Allah ﷻ telah mengkhabarkan persoalan ini dengan firman Nya:

بَشِّرِ الْمُنَافِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٢٨﴾ الَّذِينَ يَتَّخِذُونَ  
الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ أَلْيَبْتَغُونَ عِنْدَهُمُ  
الْعِزَّةَ فَإِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ﴿١٢٩﴾

*“Khabarkanlah kepada orang-orang munafik bahawa mereka akan mendapat seksa yang pedih (iaitu) orang-orang yang mengambil orang-orang kafir menjadi pemimpin-pemimpin mereka dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Apakah*

*mereka mencari kekuatan di sisi orang-orang kafir? Maka sesungguhnya semua kekuatan itu kepunyaan Allah”.*<sup>193</sup>

Allah ﷻ telah mengharamkan setiap orang yang beriman dari mentaati kepemimpinan orang-orang kafir atau juga kepemimpinan orang Islam yang munafik sebagaimana firman Nya:

وَلَا تُطِيعِ الْكٰفِرِيْنَ وَالْمُنٰفِقِيْنَ وَدَعٰ اٰذُنُهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلٰى

اَللّٰهِ وَكَفٰى بِاللّٰهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

*“Dan janganlah kamu mentaati orang-orang kafir dan orang-orang munafik itu, janganlah kamu hiraukan ugutan mereka dan bertakwalah kamu kepada Allah. Dan cukuplah Allah sebagai Pelindung”.*<sup>194</sup>

Seruan ini juga ditujukan kepada Nabi Muhammad ﷺ sebagaimana firman Nya:

---

<sup>193</sup>. QS. AN-NISAA 4:138-139.

<sup>194</sup>. QS. AL-AHZAB 33:48.

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ اتَّقِ اللَّهَ وَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ إِنَّ  
اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١﴾

*“Hai Nabi, bertakwalah kepada Allah dan jangan kamu taati orang-orang kafir dan orang-orang munafik, sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana”*.<sup>195</sup>

Orang-orang kafir, sama ada dari golongan Yahudi, Nasrani, Majusi atau munafik adalah musuh-musuh Allah, Rasul Nya dan musuh orang-orang yang beriman. Mereka sama sekali tidak boleh menjadi pemimpin kepada orang-orang yang beriman. Orang-orang Islam yang mengangkat atau melantik orang kafir sebagai pemimpin telah melanggar hukum Allah ﷻ, melakukan perbuatan maksiat yang telah diharamkan dan akan menyebabkan berlakunya kesyirikan. Allah ﷻ telah menyeru orang-orang yang beriman supaya tidak berbuat seperti itu.

Di surah An-Nisaa Allah ﷻ telah menyeru orang-orang yang beriman supaya jangan mengambil atau melantik orang-orang kafir menjadi ketua atau pemimpin untuk mereka. Allah ﷻ berfirman:

---

<sup>195</sup>. QS. AL-AHZAB 33:1.



يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ  
الْمُؤْمِنِينَ ؕ أُرِيدُونَ أَن تَجْعَلُوا لِلّٰهِ عَلَيْكُمْ سُلْطٰنًا مُّبِينًا

*“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi pemimpin dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Apakah kamu mahu membuat alasan supaya Allah tidak (menyiksa kamu) dengan kenyataan kamu?”*<sup>196</sup>

Allah ﷻ telah membentangkan dan menetapkan segala hukum-ahkam Nya di dalam al-Quran dengan jelas dan terang, tiada siapa yang berhak untuk mempersoalkan atau mengubah penetapan tersebut.

Apa yang sudah Allah ﷻ tetapkan di dalam persoalan ini ialah yang wajib menjadi pemimpin bagi orang-orang Islam ialah Allah, Rasul Nya dan orang-orang yang beriman. Ketetapan ini telah difirmankan Nya di dalam al-Quran:

---

<sup>196</sup>. QS. AN-NISAA 4:144.

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ  
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾ وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ ﴿٥٦﴾

*“Sesungguhnya pemimpin kamu hanyalah Allah, Rasul Nya dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat dan mereka rukuk (kepada Allah). Dan sesiapa yang mengambil Allah, Rasul Nya dan orang-orang beriman sebagai pemimpin, maka sesungguhnya mereka itu parti Allah yang pasti akan mendapat kemenangan”*.<sup>197</sup>

Malah Allah ﷻ telah menerangkan bahawa selain pemimpin dan kepimpinan orang-orang yang beriman, pemimpin dan kepimpinan orang-orang kafir dan kufur, hanya akan menghina, mempermain-mainkan dan memperkecil-kecilkan Islam. Sekalipun jika mereka mengambil Islam dan hukum-ahkamnya, ia hanya untuk dipermainkan, ditertawa atau untuk kepentingan diri mereka sendiri. Oleh sebab itu Allah ﷻ melarang orang-orang beriman dari menjadikan orang-orang yang

---

<sup>197</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:55-56.

diterangkan ini sebagai pemimpin mereka sebagaimana firman Nya:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ أَخَذُوا دِينَكُمْ هُزُؤًا  
وَلَعِبًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَالْكَفَارَ  
ءَٰلِيَاءَ ؕ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ كُنتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

*“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil jadi pemimpin kamu, orang-orang yang membuat agamamu jadi buah ejekan dan permainan, (iaitu) di antara orang-orang yang telah diberi kitab sebelummu dan orang-orang kafir (orang-orang musyrik)! Dan bertakwalah kepada Allah jika kamu benar-benar orang yang beriman”*.<sup>198</sup>

Orang-orang yang sengaja memutar-belitkan agama Allah ﷻ dan tidak reda dengan hukum-ahkam Nya, sama ada mereka itu dari golongan pemimpin, penyokong atau rakyat yang memilih dan mentaati pemerintahannya (seperti mereka) akan mendapat balasan yang buruk di akhirat kelak jika enggan bertaubat sebelum

---

<sup>198</sup>. QS. AL-MAIDAH 5:57.

menghembuskan nafasnya yang terakhir. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah ﷻ di dalam firman Nya:

الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَهْوًا وَلَعِبًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ  
الدُّنْيَا فَالْيَوْمَ نَنْسَاهُمْ كَمَا نَسُوا لِقَاءَ يَوْمِهِمْ هَذَا  
وَمَا كَانُوا بِآيَاتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿٥١﴾

*“Orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai main-main dan senda gurau, dan kehidupan dunia telah menipu mereka maka pada hari ini (Kiamat), Kami melupakan mereka sebagaimana mereka melupakan (mengingkari) ayat-ayat Kami”.*<sup>199</sup>

Dasar pemimpin dan kepimpinan dalam setiap sistem pemerintahan parti orang-orang kafir, apapun jenis kafirnya, setinggi manapun pelajaran mereka, setaraf apapun kedudukan mereka, seberapa ramaipun pengikut mereka dan sebanyak manapun harta kekayaan mereka, maka teori dan ideologi orang-orang seperti ini tetap ada kepincangan, kekurangan dan kesilapannya. Kerajaan dari golongan para pemimpin ini adalah rapuh sekalipun telah didirikan beratus tahun lamanya dan kelihatan gagah.

---

<sup>199</sup>. QS. AL-A'RAAF 7:51.

Perlu kita ingat, bahawa sikap dan sifat pemimpin-pemimpin yang kufur terhadap Allah ﷻ dan hukum-ahkam Nya yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah, adalah pembohong, pemutar belit, tipu muslihat dan kurang ikhlas sebagaimana firman Allah ﷻ:

﴿ وَمَكْرُؤًا وَّمَكَرَ اللَّهُ ۖ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينِ ﴾

*“Dan orang-orang kafir itu pembuat tipu daya, dan Allah membalas tipu daya mereka, dan Allah sebaik-baik pembalas tipu daya (mereka)”.*<sup>200</sup>

Mengambil ideologi demokrasi, dan setiap perkara yang bersangkutan dengan ideologi ini adalah perbuatan jahiliyah yang membawa kepada kesyirikan. Penganut (terutama para pemimpin demokrat), pendokong, penyumbang dan penyokong ideologi demokrasi jahiliyah ini adalah pembina, pembuat dan penyumbang kepada perbuatan syirik yang tidak mereka sedari. Para demokrat telah menyebabkan agama Allah ﷻ yang syumul diketepikan, dan ideologi (fikrah) ciptaan manusia ini diagung-agungkan. Para demokrat telah melenyapkan suara dan perjuangan (mujahid) al-Quran, sama ada di segi politik (siasah), ekonomi, sosial dan undang-undang. Yang dikekalkan oleh para demokrat

---

<sup>200</sup>. QS. ALI 'IMRAN 3:54.

hanyalah perjuangan untuk menghidupkan ideologi taghut, pemerintahan taghut dan masyarakat berteraskan taghut yang akan memenuhi penghuni neraka.

Sebahagian besar politikus demokrasi menyangka bahawa agama Islam boleh disamakan dengan ideologi falsafah jahiliyah, ini adalah suatu kesilapan besar. Perlu diingat bahawa ideologi ini sama sekali tidak ada kena-mengena dengan agama Islam. Islam diambil dari al-Quran yang merupakan *Kalamullah* (ucapan Allah ﷻ). Al-Quran sebagai *Kalamullah* adalah sifat Allah ﷻ yang tersendiri, sifat Nya yang tidak boleh disamakan dengan sifat makhluk. Sesiapa yang menyamakan sifat Allah ﷻ dengan sifat makhluk Nya adalah melakukan syirik tasybih (penyerupaan). Mustahil sifat Allah ﷻ menyamai sifat makhluk Nya kerana Allah ﷻ telah menafikan dakwaan seperti itu. Firman Nya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۚ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

*“Tiada sesuatupun yang menyerupai Nya dan Dia lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”*<sup>201</sup>

\*\*\*\*\*

---

<sup>201</sup>. QS. ASY-SYUURA 42:11.

(17)

\*\*\*\*\*

## MASYARAKAT MAJMUK ATAU PLURAL

**D**I *DALAM* sebuah Negara Islam yang bermasyarakat majmuk seperti Malaysia, oleh kerana majoriti penguasa, pemimpin dan kepimpinannya diterajui oleh oleh orang-orang (para pemimpin) Islam, maka apabila orang kafir dilantik oleh pemimpin Islam yang memegang kuasa pemerintahan untuk memimpin sesebuah negara, kawasan atau daerah selagi mereka di bawah kuasa orang Islam dan pemimpin beragama Islam, maka ia dibolehkan terutama untuk memelihara keamanan, perpaduan atau menjaga kepentingan bersama dalam masyarakat yang berbentuk plural atau majmuk selagi dapat mempertahankan dan

memelihara kepentingan masyarakat, agama dan kemaslahatan Islam. Firman Allah ﷻ:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن  
قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم  
مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا  
وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٠٠﴾

*“Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka, khalifah-khalifah yang berkuasa dan ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredai Nya untuk mereka, dan ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepada Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Ku.*



*Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka”.*<sup>202</sup>

Ayat ini menjelaskan bahawa umat Islam di manapun mereka berada akan dijadikan pemimpin jika mereka benar-benar menjaga, mengamalkan dan bersatu di bawah pemimpin mereka yang sah, iaitu pemimpin Islam. Dan ingatlah bahawa telah jelas sabda baginda ﷺ yang memerintahkan umat Islam agar bersatu dengan pemimpin mereka dan tidak boleh berpecah-belah. Baginda bersabda dengan beberapa sabdanya:

تَلْزَمُ جَمَاعَةَ الْمُسْلِمِينَ وَإِمَامَهُمْ.

*“Hendaklah kamu sekalian beriltizam dengan jamaah (pemimpin) Muslimin”.*<sup>203</sup>

Hadis sahih di atas ini dikuatkan lagi oleh hadis-hadis sahih yang lain, iaitu:

والتَّصْحُحُ لِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ ، وَلِزُومِ جَمَاعَتِهِمْ.

---

<sup>202</sup>. QS. AN-NUR 24:55.

<sup>203</sup>. H/R al-Bukhari.

*“Dan sentiasa menasihati pemimpin Muslimin dan sentiasa komited (tidak berpecah) dengan jamaah mereka (pemimpin)”*.<sup>204</sup>

Dan seterusnya Rasulullah ﷺ memberi amaran yang keras dengan bersabda:

فَإِنْ مَنْ خَرَجَ مِنَ الْجَمَاعَةِ قَيْدِ شَبْرٍ ، فَقَدْ خَلَعَ رِبْقَةَ  
الإِسْلَامِ مِنْ عُنُقِهِ إِلَى أَنْ يَرْجِعَ . قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَإِنْ  
صَلَّى وَصَامَ ؟ قَالَ : وَإِنْ صَامَ وَصَلَّى وَزَعَمَ أَنَّهُ مُسْلِمٌ .

*“Barangsiapa keluar dari jamaah (keluar dari pemimpin) sejenkal sahaja, maka ia telah melepaskan ikatan Islam dari lehernya, sehinggalah ia kembali (kepada pemimpin). Mereka (para sahabat) bertanya: Wahai Rasulullah, sekalipun dia solat dan berpuasa? Baginda menjawab: Sekalipun dia puasa, solat dan mengaku Muslim”*.<sup>205</sup>

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : يَدُ اللَّهِ مَا  
الْجَمَاعَةِ .

---

<sup>204</sup> H/R Abu Daud (3/322). At-Tirmizi (5/34). Berkata Imam at-Tirmizi: *Hadis Hasan Sahih*.

<sup>205</sup> H/R Ahmad (4/202).

Dari Ibnu Abbas رضي الله عنه, beliau berkata:  
Rasulullah bersabda: Tangan Allah bersama  
jamaah (pemimpin)”.<sup>206</sup>

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رضي الله عنه عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ : أَنَّ الشَّيْطَانَ  
ذَنْبُ الْإِنْسَانِ ، كَذَنْبِ الْغَنَمِ ، يَأْخُذُ الشَّاةَ الْقَاصِيَةَ ،  
وَالنَّاحِيَةَ ، وَإِيْكُمْ وَالشَّعَابَ ، وَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَالْعَامَةِ.

“Dari Mu’az bin Jabal رضي الله عنه, dari Rasulullah ﷺ:  
Sesungguhnya syaitan itu adalah serigala bagi  
manusia, sebagaimana serigala bagi kambing dan  
menerkam kambing yang keluar dari kumpulannya  
(jamaahnya) dan menyendiri. Oleh itu, jauhilah  
pepecahan dan hendaklah kamu bersama jamaah  
(pemimpin) dan orang awam”.<sup>207</sup>

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رضي الله عنه قَالَ : خَطَبَ عُمَرُ النَّاسَ وَقَالَ :  
فَمَنْ أَحَبَّ مِنْكُمْ أَنْ يَنَالَ بِخُبُوحَةِ الْجَنَّةِ ، فَلْيُلْزِمِ  
الْجَمَاعَةَ.

---

<sup>206</sup> H/R at-Tirmizi (4/466).

<sup>207</sup> H/R Ahmad (5/234). Menurut al-Albani di dalam Kitab Syarah At-Tahawiyah bahawa hadis ini sahih sanadnya.

"Dari Jabir bin Samurah رضي الله عنه, beliau berkata: Umar pernah berkhotbah di hadapan manusia: Barangsiapa antara kamu yang menginginkan kenikmatan syurga, maka hendaklah ia sentiasa iltizam (istiqamah) dengan jamaah (pemimpin)".<sup>208</sup>

السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ ، فَمَنْ أَهَانَهُ أَهَانَهُ اللَّهُ ، وَمَنْ  
أَكْرَمَهُ أَكْرَمَهُ اللَّهُ.

"Pemimpin adalah naungan Allah di muka bumi, sesiapa yang menghinaanya maka Allah akan menghina dia (yang menghina pemimpin Islam) dan sesiapa yang memuliakannya, nescaya Allah akan memuliakan dia".<sup>209</sup>

Begitu hadis-hadis yang berupa bayan atau peringatan yang telah disampaikan oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم kepada sekalian umatnya. Ingatlah juga peringatan dari Allah عز وجل kepada mereka yang telah memperolehi keterangan berupa hadis-hadis sahih dengan firmanNya:

---

<sup>208</sup> . Lihat Musnad Imam Ahmad. Ditahqiq oleh Syakir (1/230-231) beliau berkata: Sanadnya sahih. Diriwayatkan juga oleh at-Tirmizi (4/465-466).

<sup>209</sup> . H/R Ahmad, at-Tirmizi, Ibnu Hibban dan Abu Daud (no. 5004) disahihkan oleh al-Albani dalam Ad-Dhilal (no. 1017). Dan lihat: As-Sahihah (no. 2297).

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ  
الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar”.<sup>210</sup>

وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٦﴾ مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا  
دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ﴿١٠٧﴾

“Janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik - iaitu orang-orang yang menjadikan fahaman agama mereka berselisihan mengikut kecenderungan masing-masing serta mereka pula menjadi berpuak-puak, tiap-tiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya”.<sup>211</sup>

<sup>210</sup>. QS. ALI IMRAN 03:105.

<sup>211</sup>. QS. AR-RUM 30:31-32.

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ

*“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai”.*<sup>212</sup>

Oleh itu, taatilah perintah Allah ﷻ yang melarang hamba-hamba Nya yang beriman dari keluar mentaati pemerintah Islam, yang mengharamkan berpecah-belah dan berparti-parti sebagaimana firman Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي  
الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۗ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ  
إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ  
تَأْوِيلًا ۗ

*“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu, kemudian jika*

<sup>212</sup>. QS. ALI IMRAM 03:103.

*kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".*<sup>213</sup>

**BERTAUBAT**lah mereka-mereka yang berpecah-belah kerana fanatek dengan demokrasi, sesungguhnya tidak ada Islam demokrat, Islam riba, Islam Machiavellian dan Islam kepartian (parti jahiliyah yang membangkang pemerintah dan suka memaki-hamun sesama Islam). Yang ada hanyalah Islam dari al-Quran dan as-Sunnah yang dibuktikan sebagai tanda beriman kepada Nya melalui ibadah atau amal soleh mengikut penentuan syarak. Jadikanlah diri kita sebagai mukmin yang beriman dan bertakwa dengan menyatu-padukan umat di bawah satu kepimpinan yang tidak bercerai-berai, Insya-Allah kita akan berjaya di dunia dan menjadi penghuni syurga di akhirat kelak, insya-Allah. Amin!

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ  
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ . وَآخِرُ دَعْوَانَا أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

---

<sup>213</sup>. QS. AN-NISAA 4:59.

## Sinopsis

Demokrasi bolehlah dirumuskan secara bahasa dan istilah sebagai: Suatu sistem, hukum, pentadbiran, perundangan atau pemerintahan berpolitik yang mengikut dasarnya dari rakyat, untuk rakyat dan demi kerana rakyat. Sistem, hukum atau cara politik seperti ini tidak pernah diamalkan dan tidak wujud dalam doktrin Islam. Ia amat bertentangan dengan sistem atau hukum perundangan, hukum pidana atau sistem politik Islam (siasah Islamiyah), di mana sistem pemerintahan atau politiknya dari Allah, untuk Allah dan demi kerana Allah ﷻ.

Selain hukum dan sistem politik yang datangnya dari Allah ﷻ, maka kesemua sistem pentadbiran tersebut adalah bertentangan dengan Islam dan diambil dari sistem Jahiliyah. Setiap mukmin wajib menjauhi apa sahaja yang berbentuk Jahiliyah kerana telah diharamkan oleh Allah ﷻ sejak diutus Rasul Nya Nabi Muhammad ﷺ.

Tulisan ini mengajak para pembaca membuat kajian ilmiah secara terbuka terhadap sistem demokrasi yang banyak diamalkan oleh kebanyakan negara-negara dunia pada hari ini termasuklah Negara-negara Islam.



DEMOKRASI,  
PILIHANRAYA  
&  
MENGUNDI

*Satu Kajian Menurut Penilaian*

AL-QURAN  
&  
AS-SUNNAH

# KOLEKSI BUKU-BUKU TULISAN USTAZ RASUL BIN DAHRI


[www.maktabahummulqura.com](http://www.maktabahummulqura.com)



KOD: UQ003



KOD: UQ004



KOD: UQ005




KOD: UQ006




KOD: UQ007



KOD: UQ008



KOD: UQ009



KOD: UQ010



KOD: UQ011




KOD: UQ012



KOD: UQ013



KOD: UQ014




KOD: UQ015



KOD: UQ016




KOD: UQ017




KOD: UQ018



KOD: UQ019



KOD: UQ020



KOD: UQ021



KOD: UQ022




# KOLEKSI BUKU-BUKU TULISAN USTAZ RASUL BIN DAHRI

www.maktabahummulqura.com




KOD: UQ046



KOD: UQ023



KOD: UQ024



KOD: UQ025



KOD: UQ026



KOD: UQ027




KOD: UQ028



KOD: UQ029



KOD: UQ030



KOD: UQ031



KOD: UQ032



KOD: UQ033



KOD: UQ034




KOD: UQ035



KOD: UQ036




KOD: UQ037



KOD: UQ038



KOD: UQ039



KOD: UQ040



KOD: UQ041



KOD: UQ042



KOD: UQ043



KOD: UQ044



KOD: UQ045



ISBN 978-967-5567-34-6



9 789675 156734 6